BSN

MEMPERKASA **KESTABILAN KEWANGAN**

Empowering Financial Stability

2021

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MENGENAI LAPORAN INI
ABOUT THIS REPORT

MEMPERKASAKAN KESTABILAN KEWANGAN

BSN sentiasa memainkan peranan dalam landskap kewangan negara, menggalakkan simpanan dan menyediakan kemudahan perbankan untuk semua rakyat Malaysia. Sejak penubuhannya, visi "Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan" telah ditumpukan untuk menyediakan peluang bagi setiap rakyat Malaysia menikmati kehidupan dan masa hadapan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian serta perkhidmatan kami yang meluas.

Reka bentuk kulit depan menampilkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang membantu memperkasakan kestabilan kewangan pelanggan kami.

DALAM LAPORAN INI
WHAT'S INSIDE

EMPOWERING FINANCIAL STABILITY

BSN has been a constant presence in the nation's financial landscape, encouraging savings and providing banking accessibility for all Malaysians. Since inception, our vision of 'No Malaysian Left Behind' has been to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and services.

The cover design features a range of our products and services that helps empower the financial stability of our customers.

06

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENTS

SEIMBAS LALU
AT A GLANCE

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di Malaysia melalui rangkaian perbankan meluas termasuklah Cawangan BSN, Ejen Bank BSN (EB BSN) dan Cawangan Bank Bergerak (CBB) di Sabah dan Sarawak dalam memastikan keterangkuman kewangan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network including BSN Branches, Ejen Bank BSN (EB BSN), Cawangan Bank Bergerak (CBB) in Sabah and Sarawak in ensuring financial inclusivity towards improving the well-being and quality of life of Malaysians.



390

CAWANGAN DI SELURUH NEGARA

BRANCHES NATIONWIDE

38

PUSAT MIKRO KEWANGAN

MICRO FINANCE CENTRES

4

CAWANGAN BANK BERGERAK (CBB)

CAWANGAN BANK BERGERAK (CBB)

PENDAPATAN
REVENUE
RM2.0
BILION / BILLION

PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME
RM1.5
BILION / BILLION

LEBIH
OVER
7,000
KAKITANGAN /
EMPLOYEES

678
MESIN TELER AUTOMATIK
AUTOMATED TELLER
MACHINES (ATM)

LEBIH / OVER
2,800
EJEN BANK BSN (EB BSN)
EJEN BANK BSN (EB BSN)

315
MESIN DEPOSIT TUNAI
CASH DEPOSIT MACHINES
(CDM)

80
MESIN DWI FUNGSI
CASH RECYCLER
MACHINES (CRM)

DEPOSIT DAN
SIMPANAN
DEPOSITS
AND SAVINGS
RM35.8
BILION / BILLION

JUMLAH TRANSAKSI
EB BSN
TOTAL TRANSACTION
OF EB BSN
RM1.66
BILION / BILLION

KEUNTUNGAN SELEPAS
CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX
AND ZAKAT
RM291.9
JUTA / MILLION

VISI

VISION

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Sejak mulanya, objektif utama BSN adalah untuk menggalakkan pertumbuhan simpanan dan pelaburan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan progresif kehidupan moden. Dengan berbuat demikian, kami berharap setiap rakyat Malaysia akan mendapat peluang yang sama untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.

No Malaysian Left Behind

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life.

MISI

MISSION

Misi kami adalah untuk membina hubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur kepada orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.
Providing the means for savings and investments to the general public with a comprehensive range of banking services.

Menggalakkan dan menggembleng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan kecil.
Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.

Memupuk tabiat berjimat cermat dan menyimpan.
Inculcating the habit of thrift and savings.

Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.
Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.

NILAI-NILAI MURNI

CORE VALUES

Di BSN, kami sentiasa berpandukan nilai teras yang menentukan cara kami bekerja dan bertindak:

At BSN, we are all guided by core values that govern the way we work and behave:

C A R E

Komited
Committed

Kami komited untuk mencapai kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

We are committed to excellence in all that we do.

Cerdas & Tangkas
Agile

Kami peka dengan trend pasaran dan sentiasa memanfaatkan peluang.

We anticipate market trends and leverage opportunities.

Menghormati
Respectful

Kami hargai kepelbagaian, buah fikiran dan pandangan orang ramai, serta berusaha untuk meletakkan diri kami di tempat mereka untuk lebih memahami keperluan mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

Beretika
Ethical

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

PIAGAM PERKHIDMATAN PELANGGAN
CUSTOMER SERVICE CHARTER

BSN komited sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang layak diterima oleh setiap warga Malaysia.

BSN is totally committed in providing high quality services and products that every Malaysian deserves.

Piagam Perkhidmatan Pelanggan (juga dikenali sebagai Piagam) Bank Simpanan Nasional (BSN) yang ditubuhkan pada Disember 2020 bertujuan untuk menggariskan komitmen utama di samping memastikan tahap piawaian perkhidmatan berada pada tahap yang tertinggi dan bantuan yang ditawarkan untuk setiap perkhidmatan yang berbeza kepada pelanggan adalah berkualiti.

The Bank Simpanan Nasional (BSN) Customer Service Charter (also referred to as Charter) was established in December 2020 with the intention to outline our key commitments to deliver a high service standard of customer service and to provide quality service and assistance when providing different banking services to customers.

Objektif utama BSN sejak dahulu lagi adalah menggalakkan perkembangan simpanan dan pelaburan dalam kalangan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi perubahan keperluan kehidupan moden. Dengan perubahan yang sejajar mengikut arus pembangunan, kami berharap dapat menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik selari dengan visi BSN iaitu "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life which is in line with the Bank's vision "No Malaysian Left Behind".

Kami menyedari bahawa akan ada ruang untuk penambahbaikan. Piagam Perkhidmatan Pelanggan ini adalah untuk tujuan maklumat dan tidak dimaksudkan, dan tidak membuat hak atau kewajiban yang mengikat secara sah.

We recognise that there will always be room for improvements. This Customer Service Charter is for information purposes only and is not intended to, and does not, create any legally binding rights or obligations.

STRUKTUR KORPORAT
CORPORATE STRUCTURE



Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat / Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2021

BSN's holdings in Subsidiary / Associate Companies as at 31 December 2021

PROFIL KORPORAT

Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada 1 Disember 1974 dengan mandat yang jelas untuk mendorong pertumbuhan simpanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyokong pembangunan negara. Sejak dilancarkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Bank tetap berpegang teguh pada matlamat terangkum ini dan menerapkan prinsip korporatnya iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

Tujuan utama penubuhan BSN adalah untuk memperkasakan dan meningkatkan keupayaan kewangan pihak individu dan masyarakat di seluruh Malaysia. Menerusi kerjasama rakan niaga dan pihak berkepentingan yang berkongsi visi dan nilai yang sama, BSN telah memperluaskan keterangkuman kewangan merentasi seluruh negara dan menyediakan akses kepada sumber kewangan sekaligus mempertingkatkan kehidupan rakyat. BSN telah mewujudkan sebuah tradisi berunsurkan inovasi demi melaksanakan amanahnya. Sejak penubuhannya, BSN sentiasa beradaptasi mengikut perubahan zaman dengan menerapkan teknologi dan cara bekerja terkini untuk menyampaikan perkhidmatan yang sebaik mungkin. Ini memastikan capaian perkhidmatan kewangan termasuk golongan masyarakat di kawasan pedalaman atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

BSN kini berusaha dengan gigih bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia. Sebagai salah satu institusi kewangan terkemuka di negara ini, BSN memberi perkhidmatan kepada lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara, dengan deposit dan simpanan runcit berjumlah RM20.08 bilion. Jangkauan BSN yang semakin meluas merangkumi lebih daripada 7,000 kakitangan yang disokong oleh 390 cawangan, 38 Pusat Kewangan Mikro, 678 Mesin Teler Automatik (ATM), 315 Mesin Deposit Tunai (CDM), 4 Cawangan Bank Bergerak (3 di Sarawak, 1 di Sabah) dan lebih 2,800 Ejen Bank BSN di seluruh negara (setakat Disember 2021).

Iltizam BSN terhadap mandatnya diterapkan di semua aspek perniagaannya dan merupakan teras budaya korporatnya. Setelah hampir mencecah lima dekad dalam perniagaan, amanah tersebut tetap menjadi prinsip panduan bagi BSN.

CORPORATE PROFILE

Bank Simpanan Nasional (BSN) was established on 1 December 1974 with a clear mandate to foster the growth of savings among Malaysians and to support national development. Since its launch by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the second Prime Minister of Malaysia, the Bank has stayed true to this inclusive objective and continues to embrace 'No Malaysian Left Behind' as its corporate maxim.

BSN's central purpose is to financially empower and elevate individuals and communities throughout Malaysia. Working with partners and stakeholders who share its vision and values, BSN has expanded financial inclusion across the nation and provided access to financial resources that have transformed lives. To deliver on its mandate, BSN has established a tradition of innovation. Since its inception, the Bank has continuously adapted to the changing times by embracing new technologies and ways of working to better-serve its clients, ensuring access to financial services even for those in remote and other underbanked communities.

Today, the Bank is doing more than ever to uplift the economic well-being of Malaysians. As one of the nation's leading financial institutions, BSN serves over 9 million Malaysians across the country, with deposits and retail deposits amounting to RM20.08 billion. 390 branches, 38 Micro Finance Centres, 678 Automated Teller Machines (ATMs), 315 Cash Deposit Machines (CDMs), 4 Cawangan Bank Bergerak (3 in Sarawak, 1 in Sabah) and more than 2,800 Ejen Bank BSN (as at December 2021). As Malaysians, increasingly, embrace digital banking and e-commerce, BSN is continuing to invest in new digital products and services to ensure that we continue to serve our customers' and the nation's needs.

BSN's commitment to its mandate is woven into all aspects of its business and is central to its corporate culture. As the Bank now marks almost five decades in business, it remains BSN's guiding principle and provides the standard against which BSN measures itself.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN
AWARDS & RECOGNITIONS

01

Rakan kongsi Institusi Kewangan (FI) terbaik (kategori institusi kewangan pembangunan) bagi produk Kewangan Mikro di Majlis Anugerah Institusi Kewangan / Institusi Kewangan Pembangunan (FI / DFI) & PKS ke-26 CGC 2020

Top Financial Institution (FI) partner (development financial institution category) for Micro Finance products at the 26th CGC 2020 Financial Institution / Development Financial Institution (FI / DFI) & SME Award Ceremony

02

Rakan kongsi Institusi Kewangan (FI) terbaik 2020 (kategori iMSME) bagi produk Kewangan Mikro di Majlis Anugerah Institusi Kewangan / Institusi Kewangan Pembangunan (FI / DFI) & PKS ke-26 CGC 2020

Top Financial Institution (FI) partner 2020 (iMSME category) for Micro Finance products at the 26th CGC 2020 Financial Institution / Development Financial Institution (FI / DFI) & SME Awards Ceremony

CARTA ORGANISASI
ORGANISATION CHART

KETUA PEGAWAI MODAL INSAN
Chief Human Capital Officer

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Human Resource Management
Syanorida Bahari

CENTRE OF EXCELLENCE
Centre of Excellence

UNDANG-UNDANG & SEKRETARIAT KORPORAT
Legal & Corporate Secretariat
Ummul Shirin Mohamed Thalha

STRATEGI KORPORAT
Corporate Strategy
Haris Yaakob Abdullah

KOMUNIKASI STRATEGIK
Strategic Communications
Aizurra Mellissa Muzammil

PERBENDAHARAAN & PELABURAN
Treasury & Investment
Asaraf Aboo Bakar

TRANSFORMATION LAB
Transformation Lab
Darween Naidu A / L Doraisingam

KETUA PEGAWAI PERNIAGAAN
Chief Business Officer
Mujibburrahman Abd Rashid

PERNIAGAAN KAD & CRM
Cards Business & CRM
Vacant

PERBANKAN ISLAM
Islamic Banking
Anuar Elias

DEPOSIT & PEMBAYARAN
Deposit & Payment
Zarida Jean Noordin

PERBANKAN RUNCIT
Retail Banking
Norainah Mohmad Zakuan

PENGURUSAN CAWANGAN
Branch Management
Mohd Khairil Mohd Nor

PERBANKAN DIGITAL
Digital Banking
Azrul Farique Mustafa

MENGIKUT KATEGORI
BY CATEGORY

Pengurusan
Management
106

Eksekutif
Executive
3,386

Bukan Eksekutif
Non-Executive
3,914

DEMOGRAFI
DEMOGRAPHY

51%
Lelaki
Male

49%
Perempuan
Female



Ketua / Head
Ketua Bahagian / Division Head

* Mulai 30 Februari 2021 / Starting 3 February 2021
** Pemangku Ketua / Acting Head
*** Bahagian / Division

Carta organisasi ini adalah setakat Disember 2021
This organisation chart is as of December 2021

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

BSN komited untuk melaksanakan visi kami iaitu, "Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan". Sepanjang tahun 2021, kami terus bertumpu kepada mengeratkan hubungan dengan pelanggan kami dan memberi sokongan yang mereka perlukan untuk berkembang maju pada setiap peringkat kehidupan mereka – daripada menyediakan akaun simpanan pelajar kepada membangunkan perniagaan serta membina keperluan kewangan isi rumah mereka.

BSN is committed to delivering on our vision of "No Malaysian Left Behind". Throughout 2021 we continued to focus on deepening relationships with our customers and giving them the support they need to thrive at every stage of their lives – from setting-up student savings accounts to building their own businesses and establishing their own households.

ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID
Pengerusi / **Chairman**

Untuk sebahagian besar separuh pertama tahun 2021, kami optimis bahawa pandemik COVID-19 semakin pulih. Bagaimanapun, kemunculan varian baharu pada separuh kedua tahun ini telah menyebabkan pengenalan semula pelbagai sekatan, membawa cabaran baharu kepada masyarakat dan ekonomi.

Kami menyokong pelanggan kami yang paling terkesan melalui program pembiayaan yang disasarkan, termasuk moratorium pembayaran balik, bantuan pembayaran balik pembiayaan dan memudahkan permohonan pembiayaan. Dengan 55.2% pelanggan BSN terdiri daripada golongan B40, kami juga terus berkhidmat sebagai saluran penting untuk program bantuan kerajaan kepada segmen ini, termasuk kepada mereka yang belum menjadi pelanggan kami.

Kami juga memperkukuhkan rangkaian saluran penyampaian perkhidmatan kami untuk memastikan semua segmen masyarakat dapat dicapai. Inisiatif ini telah menampakkan impak yang jelas. Kami kini menawarkan perkhidmatan di 98% daripada mukim di Malaysia, peningkatan ketara daripada 95.7% pada 2020, dan kami terus meluaskan jangkauan kami dengan meningkatkan perkhidmatan dalam talian dan perbankan digital. Selain itu, program bersasar BSN terus menampakkan pertumbuhan kukuh dalam bidang utama seperti kewangan mikro dan akaun pelajar walaupun terdapat gangguan yang disebabkan oleh pandemik.

Komitmen BSN untuk membantu orang ramai, komuniti dan perniagaan berkembang maju merupakan asas strategi kami pada masa yang mencabar ini. Sepanjang tahun ini, kami terus merapatkan jurang dari segi penawaran pembiayaan dan memberi khidmat kepada masyarakat yang tidak mendapat perkhidmatan perbankan. Ini mengesahkan peranan unik yang dimainkan oleh BSN dalam landskap kewangan Malaysia. Dalam kami mengorak langkah, kami akan terus berusaha menutup jurang dalam penyampaian perkhidmatan kami dan mempercepatkan transformasi menjadi sebuah bank yang lebih tangkas, mampan dan berkait rapat dengan pelanggan dan komuniti mereka.

For much of the first half of 2021, there was a growing sense of optimism that the worst of the COVID-19 pandemic was behind us. However, the emergence of new variants in the second half of the year necessitated the reintroduction of various restrictions, bringing renewed challenges to society and the economy.

We supported our most vulnerable customers through targeted financing programmes, including repayment moratoriums, financing repayment assistance and simplifying financing applications. With members of the B40 income group accounting for 55.2% of BSN's customers, we also continued to serve as a vital conduit for government aid programmes to this segment, including to those outside our existing customer base.

We also strengthened our range of service delivery channels to ensure that we were able to reach all segments of society and these initiatives have had a clear impact. We are now present in 98% of the mukims in Malaysia, a notable increase from 95.7% in 2020, and we further expanded our reach by enhancing our online presence and digital banking services. Additionally, our targeted programmes continued to deliver strong growth in key areas such as microfinance and student accounts despite the disruption caused by the pandemic.

BSN's commitment to helping people, communities and businesses thrive has underpinned our strategy during these challenging times. Throughout the year, we continued to bridge critical financing gaps and to serve underbanked communities, affirming the value of the unique role that BSN plays in the Malaysian financial landscape. As we move forward, we aim to close the identified gaps in our delivery and accelerate our transformation into a bank that is more agile, more sustainable and more deeply connected to our customers and their communities.

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

MEMACU KE HADAPAN. BERSAMA

BSN akan memulakan fasa strategi seterusnya yang dirangka berdasarkan slogan *"Step Forward. Together. Doing What We Do Well. Better"*. Pelan Strategik Korporat lima tahun ini menetapkan matlamat yang jelas bermula dari 2022 hingga 2026. Pelan ini juga merupakan penanda aras tahunan yang tepat untuk memantau prestasi kami sepanjang tempoh pelan tersebut. Bagi memperluaskan rangkuman kewangan dalam tempoh lima tahun akan datang, BSN menyasarkan untuk menyediakan perkhidmatan di semua mukim di seluruh Malaysia dan memastikan sekurang-kurangnya 60% daripada pelanggan kami berhijrah menggunakan platform perbankan internet myBSN menjelang 2026.

Kami juga berhasrat untuk menjadi peneraju dalam segmen kewangan mikro di samping membantu perusahaan mikro beralih kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Bagi memanfaatkan pertumbuhan kukuh dalam industri kewangan Islam, BSN juga bersedia mengorak langkah ke arah pelaksanaan perbankan Islam sepenuhnya, dengan menyediakan produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang berdaya maju. Pelan strategi ini turut mengambil kira sasaran tahunan dari segi prestasi kewangan dan perkhidmatan pelanggan, serta latihan dan pembangunan kakitangan.

Rancangan untuk mencapai matlamat ini berlandaskan kepada tiga teras strategik:

- **Pengupayaan Teknologi** – Mengukuhkan teknologi untuk meletakkan digital sebagai kekuatan teras
- **Mengutamakan Pelanggan** – Memberi tumpuan pada aspirasi BSN untuk menyediakan perkhidmatan kewangan mengikut keperluan dan kehendak pelanggan secara proaktif
- **Kewarganegaraan Korporat** – Mengutamakan impak sosial yang positif, bertindak menurut etika dan mendukung usaha kelestarian dalam jangka masa panjang

STEP FORWARD. TOGETHER

We are now embarking on the next phase of our strategy which is built around the rallying call of "Step Forward. Together. Doing What We Do Well. Better." Our new five-year Corporate Strategic Plan sets clear goals to be achieved between 2022 and 2026. Critically, it also establishes verifiable annual benchmarks to track our performance along that journey. To expand financial inclusion over the next five years, BSN aims to serve all mukims across Malaysia and to migrate at least 60% of our customers onto our myBSN online banking platform by 2026.

We also aim to establish market leadership in the microfinance segment and to help upgrade micro-enterprises into SMEs. Leveraging on the strong growth in Islamic finance, BSN will also continue its preparations to be Islamic banking ready, by providing viable Shariah-compliant products and services across all areas of the Bank's business. The new strategy also includes annual targets on our financial performance and customer service outcomes, as well as the training and development of our people.

Our plan to deliver these goals is anchored by three strategic thrusts:

Technology Enablement – Strengthen technology in order to position digital as a core strength

Customer Centricity – Focus on the aspirations of BSN to provide financial services tailored to customers needs and wants through proactive positioning

Corporate Citizenship – Prioritise in making a positive social impact, acting ethically and upholding long-term sustainable undertakings

While BSN has now begun a new phase of our corporate strategy, our core aspiration remains the same – advancing inclusive banking in order to ensure that no Malaysian is left behind.

BSN akan memulakan fasa strategi seterusnya yang dirangka berdasarkan slogan *"Step Forward. Together. Doing What We Do Well. Better"*. Pelan Strategik Korporat lima tahun ini menetapkan matlamat yang jelas bermula dari 2022 hingga 2026.

We are now embarking on the next phase of our strategy which is built around the rallying call of "Step Forward. Together. Doing What We Do Well. Better." Our new five-year Corporate Strategic Plan sets clear goals to be achieved between 2022 and 2026.

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

PERSEKITARAN OPERASI

Tahun ini bermula dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, dengan unjuran antara 6% dan 7.5% oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Namun, peningkatan semula kes COVID-19 memaksa kerajaan melaksanakan kembali beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di antara bulan Mac dan September. Ini secara langsung memperlahankan usaha pemulihan ekonomi negara. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan musibah banjir pada Disember 2021.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 3.1% pada 2021. Pemulihan ini disokong oleh pelonggaran sekatan pergerakan, peningkatan kadar vaksinasi dan sokongan pelan stimulus kerajaan berjumlah RM530 bilion, termasuk RM225 bilion pada 2021 di bawah program PERMAI, PEMERKASA+ dan PEMULIH.

Pemulihan ini juga didorong oleh Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tahap terendah sejak Jun 2020 iaitu 1.75%. Ini menggalakkan perbelanjaan dan pelaburan untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Moratorium serta skim pembayaran balik pembiayaan juga mampu meringankan beban rakyat, membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada perbelanjaan sara hidup. Ketahanan sistem perbankan dan pelbagai inisiatif pengurusan risiko yang dilancarkan oleh bank-bank di Malaysia membolehkan bank terus beroperasi dengan efisien walaupun dalam keadaan kekangan ekonomi.

Walaupun pandemik COVID-19 dilihat telah banyak menjejaskan ekonomi dalam pelbagai aspek, ia juga telah mempertingkatkan ledakan digitalisasi. Ini disebabkan oleh perubahan selera pengguna dan inovasi teknologi serta permintaan yang semakin meningkat terhadap kelestarian penyelesaian pembiayaan oleh pengguna, pengawal selia dan pihak berkepentingan. Trend seumpama ini dijangka akan terus dipertingkatkan di bawah Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 BNM yang baru dilancarkan. Pelan ini menitikberatkan keperluan inovasi, meningkatkan ketangkasan dan pertimbangan kelestarian dalam sektor kewangan Malaysia serta pembangunan negara. Suka saya nyatakan bahawa strategi korporat baharu BSN dirangka sejajar dengan matlamat ini.

OPERATING ENVIRONMENT

The year began with expectations of strong economic growth, with BNM projecting that the Malaysian economy would expand by between 6.0% and 7.5%. With the resurgence of COVID-19 cases, however, the government reimposed a series of required Movement Control Orders (MCO) between March and September, which hampered the nation's economic recovery. The unfavourable conditions were exacerbated by the severe flooding that hit the nation in December 2021.

Despite these challenges, the underlying resilience of the national economy saw the country's GDP grow by 3.1% in 2021. The recovery was supported by the easing of movement restrictions, rising vaccination rates and the government's strong stimulus measures, totalling RM530 billion, including RM225 billion in 2021 under the PERMAI, PEMERKASA+ and PEMULIH programmes.

> Walaupun berdepan pelbagai cabaran, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 3.1% pada 2021. Pemulihan ini disokong oleh pelonggaran sekatan pergerakan, peningkatan kadar vaksinasi dan sokongan pelan stimulus kerajaan berjumlah RM530 bilion, termasuk RM225 bilion pada 2021 di bawah program PERMAI, PEMERKASA+ dan PEMULIH. Despite these challenges, the underlying resilience of the national economy saw the country's GDP grow by 3.1% in 2021. The recovery was supported by the easing of movement restrictions, rising vaccination rates and the government's strong stimulus measures, totalling RM530 billion, including RM225 billion in 2021 under the PERMAI, PEMERKASA+ and PEMULIH programmes.

The recovery was also supported by BNM maintaining the headline overnight policy rate (OPR) at a record-low of 1.75% since June 2020, which encouraged consumption and investment to support the country's economic recovery. In addition, the financing repayment assistance and moratoriums have also provided vital support to the economy, by easing the financial burden of the rakyat while supporting their essential spending and consumption. At the industry level, the resiliency of the banking system and the various risk management initiatives by the banks enabled them to continue operating efficiently and sustainably in this environment.

The silver lining of the COVID-19 pandemic has been the accelerated digitalisation, driven by changing consumer preferences and technological innovation, as well as the growing emphasis on sustainable financing solutions by consumers, regulators and stakeholders. These trends are set to further accelerate under BNM's newly-launched Financial Sector Blueprint 2022-2026, which emphasises the need for innovation, agility and increased sustainability considerations in the Malaysian financial sector and national development. I am delighted to share that BSN's new corporate strategy aligns our growth plans with these goals.

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

MELAKSANAKAN MANDAT KAMI

BSN kekal teguh menjalankan tanggungjawab dan peranan yang dimandatkan oleh kerajaan. Peranan yang disandang pada waktu mencabar ini telah mengukuhkan kedudukan BSN sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di negara ini. Kami memastikan pelanggan dan penerima program bantuan kerajaan mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan kami yang menyeluruh melalui rangkaian 390 cawangan, 4 unit Cawangan Bank Bergerak (CBB) dan lebih daripada 2,800 Ejen Bank BSN (EB BSN). Pada 2021, EB BSN telah berjaya menyediakan perkhidmatan perbankan hingga ke kawasan terpencil seluruh negara, merekodkan 20 juta urus niaga, berjumlah RM1.66 bilion.

Selain itu, BSN juga merupakan antara bank yang mengekalkan waktu operasi harian seperti biasa semasa PKP untuk memastikan pelanggan kami terus mendapat perkhidmatan yang diperlukan.

Kami turut bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bagi memastikan kelancaran perkhidmatan perbankan dan pengagihan bantuan tunai persekutuan kepada penduduk luar bandar terpencil menerusi unit CBB kami dan kaunter-kaunter perbankan sementara yang dibuka di dewan-dewan komuniti di beberapa lokasi terpilih.

Bagi menyempurnakan mandat untuk memberi perkhidmatan kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan, BSN beraspirasi untuk menjadi peneraju pasaran dalam segmen kewangan mikro. Kami telah memperhalusi penyampaian program kewangan mikro sedia ada untuk menyokong komuniti B40 dan usahawan mikro yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Menerusi pelbagai inisiatif yang disasarkan, termasuk program PRIHATIN, PENJANA, PEMERKASA dan CENTS, kami telah mengagihkan sejumlah RM1.045 bilion pembiayaan mikro pada 2021. Jumlah akaun di bawah program ini telah menyaksikan peningkatan daripada 20,435 pada 2020 kepada 33,900 pada penghujung 2021. Proses permohonan kini telah dipermudahkan dengan membolehkan *on-boarding* menerusi laman web rasmi BSN bagi melancarkan urus niaga pelanggan kewangan mikro kami.

Untuk memenuhi keperluan komuniti yang berbeza, kami turut melancarkan program Komuniti Mikro BSN (BMC) di tiga negeri perintis iaitu Kedah, Kelantan dan Sarawak pada Oktober 2021. BMC ialah program pendekatan tiga fasa, bertujuan untuk menyediakan akses kepada pembiayaan bagi memupuk perniagaan baharu dan meningkatkan kemajuan komuniti; termasuklah pemantauan risiko kredit komuniti yang efektif dan pembangunan keusahawanan berterusan menerusi kursus latihan bersasar.

Program seperti ini penting untuk mempersiapkan usahawan mikro dengan pelbagai kemahiran kewangan dan perniagaan bagi membolehkan mereka bersedia mendepani cabaran masa hadapan. Oleh itu, kami telah menjalin kerjasama erat dengan pelbagai agensi pembangunan usahawan utama seperti Institut MARA, INSKEN dan PUNB, yang menawarkan latihan bersasar kepada sektor perniagaan dan komuniti yang berbeza. Keberkesanan pelbagai langkah dan program yang telah dilaksanakan memacu kepada pertumbuhan segmen pembiayaan mikro kami, meningkat sebanyak 16.94% kepada RM1,217.27 juta pada 2021, berbanding RM1,040.90 juta dicatatkan pada akhir 2020.

BSN juga telah diamanahkan untuk menyalurkan geran digital kepada PKS bagi membantu operasi perniagaan mereka. Kami menyokong tujuh Bidang Pendigitalan Utama Kerajaan melalui inisiatif Pendigitalan PKS, yang mana sejumlah RM158.6 juta telah diagihkan kepada 60,177 pemohon.

Antara mandat utama BSN ialah untuk menumpukan usaha memupuk golongan belia dan meningkatkan keterangkuman kewangan secara berterusan. Suka saya nyatakan bahawa walaupun terdapat kekangan mobiliti pada 2021, pembukaan akaun pelajar terus dapat dipertingkatkan dengan penggunaan saluran digital. Kami telah berjaya meningkatkan bilangan akaun pelajar BSN daripada 156,073 kepada 1.1 juta, dengan jumlah simpanan sebanyak RM636 juta pada akhir 2021, berbanding RM570 juta pada 2020. Kempen Sijil Simpanan Premium BSN (BSN SSP) khas yang disasarkan kepada Generasi Z dan pelajar institusi pengajian tinggi berumur 20 tahun ke atas telah berjaya dilaksanakan. Pada akhir 2021, kumpulan ini memiliki 379,422 akaun, dengan jumlah simpanan sebanyak RM171 juta.

Akaun pelajar BSN | *BSN student accounts*

RM 636 juta *million*

(2020: RM570 juta *million*)

DELIVERING ON OUR MANDATE

BSN remains committed to its responsibilities and roles mandated by the government. The role we played during this difficult time has affirmed the value of BSN's purpose as a Development Financial Institution (DFI). Throughout 2021, we continued to ensure that our customers and targeted recipients of government aid programmes had access to essential banking services through our unparalleled network of 390 branches, 4 mobile banking units and more than 2,800 Ejen Bank BSN (EB BSN), the latter providing banking services in some of the most rural parts of the country. In 2021, EB BSN recorded a total of 20 million transactions, amounting to RM1.66 billion.

We continued to work closely with state governments and districts to ensure the availability of banking services and the distribution of federal cash aid to remote rural populations through our mobile banking units. We also set-up temporary banking counters in community halls in selected locations. Additionally, almost uniquely within the banking industry, our branches maintained regular operating hours during the MCO to ensure that our customers continued to be served.

As part of our mandate of serving the underbanked, BSN aspires to be a market leader in microfinance. We refined the delivery of our microfinance programmes to support members of the B40 community and micro-entrepreneurs who were hit hard by the COVID-19 pandemic. Through a range of targeted initiatives, including the government's PRIHATIN, PENJANA, PEMERKASA and CENTS programmes, we disbursed a total of RM1.045 billion in microfinancing in 2021, with the total number of accounts under these programmes rising from 20,435 in 2020 to 33,900 by the end of 2021. To improve access to these schemes, we simplified the applications process by enabling on-boarding via our MyBSN website.

To meet the unique needs of microentrepreneurs in different communities, we launched the BSN Micro Community (BMC) programme in three pilot states: Kedah, Kelantan and Sarawak, in October 2021. BMC is a three-track approach programme aimed at providing communities with access to financing for nurturing new businesses and uplifting the community; effective monitoring of credit-risk, including through community-based monitoring; and ongoing entrepreneurship development via targeted training courses.

It is essential to future proof the microentrepreneurs by equipping them with the necessary financial and business skills. To enable this, we have established strong collaborations with key entrepreneur development agencies such as MARA Institute, INSKEN and PUNB, to offer highly-targeted training to different business sectors and communities. The effectiveness of the various microfinance measures and programmes that we have implemented is reflected in the growth of our microfinance financing book, which rose by 16.94% to RM1,217.27 million in 2021, compared to RM1,040.90 million recorded at the end of 2020. By equiping these microentrepreneurs with the skills and ongoing support that they need, we aim to build their capacity and help high-potential microenterprises grow into SMEs.

We also continued to play our part in closing the digital divide in the country by supporting the Government's 7 Key Digitalisation Areas through the SME Digitalisation initiative, under which BSN is entrusted to channel digital grants to SMEs. In total we disbursed RM158.6 million to 60,177 applicants.

Another key mandate of the Bank is our focus on nurturing the youth and inclusivity. I'm happy to share that despite mobility limitations in 2021, we have continued to push our effort towards utilising digital channels to mobilise student accounts. Our strategy successfully raised the number of BSN student accounts to 1.1 million, with total savings of RM636 million at the end of 2021, as compared to 156,073 accounts with total savings of RM570 million in 2020. We have also implemented a special BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) campaign targeted at Generation Z and tertiary students aged 20 and above. At the end of 2021, this group held a total of 379,422 accounts, with total savings of RM171 million.

BSN MYRINGGIT-i BANJIR

RM 335 juta *million*

kepada 34,622 isi rumah yang terjejas
to 34,622 affected households

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Kami juga melancarkan skim BSN MyRinggit-i Banjir yang menyediakan pembiayaan pada kadar keuntungan sifar kepada mangsa banjir. Pelaksanaan skim ini melakar satu lagi kejayaan baharu bagi BSN, apabila ia dilaksanakan dan dibuka kepada umum dalam masa seminggu. Secara keseluruhannya, kami mengagihkan lebih RM335 juta kepada 34,622 isi rumah terjejas. Kami juga membantu golongan ini pulih daripada kesan banjir yang teruk dengan menyediakan keperluan asas dan khidmat sokongan yang sewajarnya. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Warga BSN atas dedikasi yang tidak berbelah bagi, melangkaui skop tugasan mereka, bekerja lebih masa dalam membantu mengagihkan bantuan pembiayaan walaupun ada antara mereka turut terjejas akibat banjir.

PRESTASI KAMI

BSN berjaya mencatatkan prestasi operasi dan kewangan yang kukuh pada tahun ini, pada masa yang sama masih mengekalkan tumpuan kepada peningkatan rangkuman kewangan. Keuntungan selepas cukai dan zakat bagi tahun ini meningkat sebanyak 43%, kepada RM291.89 juta, peningkatan sebanyak RM87.78 juta daripada Tahun Kewangan (TK) 2020. Kenaikan keuntungan ini didorong oleh peningkatan kualiti aset, serta peningkatan aktiviti perniagaan sepanjang tahun.

Kedudukan kewangan Bank terus kukuh pada 2021, walaupun berhadapan persekitaran operasi yang mencabar. Pada 31 Disember 2021, jumlah aset BSN adalah sebanyak RM43.52 bilion, menandakan peningkatan sebanyak 7.48%, atau RM3.03 bilion, berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 74.5% daripada aset tersebut adalah dalam bentuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan; dan 18.5% dalam bentuk sekuriti pelaburan.

Jumlah keseluruhan liabiliti BSN mencatat RM40.02 bilion pada akhir 2021, meningkat RM3.01 bilion daripada tahun sebelumnya. Deposit merupakan bahagian terbesar liabiliti, berjumlah RM35.77 bilion atau 89.4% daripada jumlah liabiliti keseluruhan. Jumlah rizab meningkat sebanyak RM23.64 juta sepanjang tahun, daripada RM3.48 bilion pada TK2020 kepada RM3.50 bilion yang dicatatkan pada akhir TK2021. Sebahagian besar daripada kenaikan ini disumbangkan oleh keuntungan Bank pada tahun dalam tinjauan. Dasar pengurusan kredit yang berkesan telah menyaksikan nisbah Pinjaman Tidak Berbayar di BSN kekal di bawah purata industri iaitu 1.18% dan kekal dalam sasaran Penyata Selera Risiko iaitu di bawah 2.0% pada 31 Disember 2021.

PENDIGITALAN

Pendigitalan merupakan salah satu teras utama strategi korporat lima tahun kami dan merupakan nadi kepada pelan hala tuju pertumbuhan dan transformasi BSN. Operasi perbankan digital kami terus berkembang pada 2021, didorong oleh kepelbagaian perkhidmatan dan perubahan selera pelanggan. Bilangan pendaftaran baharu untuk perbankan internet myBSN meningkat sebanyak 32% kepada 2.12 juta akaun, dengan nilai urus niaga monetari myBSN melonjak sebanyak 89% kepada RM9.62 bilion. Perkhidmatan platform perbankan *corporate desktop* BSNeBiz yang dilancarkan pada 2020 juga menyaksikan peningkatan 18% bilangan pengguna kepada 12,794 akaun. Platform ini menawarkan

In December, we launched the BSN MYRINGGIT-i BANJIR scheme providing financing at a zero-profit rate to victims of the severe floods at the end of the year. The scheme marks another milestone for BSN, as it was developed and delivered within a week. In total, we disbursed more than RM335 million to 34,622 affected households, helping them with their immediate needs and providing essential support to help them recover from the impact of the floods. On this note, I would like to commend our Warga BSN for their remarkable dedication that went well beyond the call of duty, working extended hours to disburse the financing even as their own households were impacted by the flooding.

Jumlah rizab meningkat sebanyak
RM23.64 JUTA
sepanjang tahun.

Total reserves increased by
RM23.64 MILLION
over the year.

OUR PERFORMANCE

BSN delivered a strong set of operational and financial results during the year, even as we maintained a firm focus on increasing financial inclusion. Our profit after tax and zakat for the year rose by 43%, to RM291.89 million, marking a RM87.78 million increase from 2020. The growth in profit was driven by an improvement in asset quality, as well as the general pick-up in business activity during the year.

The Bank's financial position continued to strengthen in 2021, despite the ongoing challenges in the operating environment. As at 31 December 2021, BSN's total assets stood at RM43.52 billion. This marked an increase of 7.48%, or RM3.03 billion, from the year before. A total of 74.5% of assets were in the form of loans, advances and financing; and 18.5% in the form of investment securities.

perkhidmatan asas yang penting kepada pelanggan perniagaan, termasuk pembayaran balik pembiayaan, pengurusan berbilang akaun dan perkhidmatan pembayaran pukal.

Dengan perkembangan pesat perkhidmatan pembayaran dalam talian, kami telah mengintegrasikan sistem pemindahan dana segera, DuitNow, ke dalam kedua-dua platform myBSN dan BSNeBiz. Kami juga telah menambah lebih banyak pengebil bagi sistem pembayaran bil dalam talian JomPay dan menambah lebih banyak pilihan untuk sistem tambah nilai prabayar. Pada tahun ini, kami meneruskan kerjasama dengan lebih banyak platform e-dompet bagi membolehkan pelanggan menambah nilai e-dompet mereka melalui EB BSN. Di samping itu, 60 buah sekolah juga telah sertai program tanpa tunai BSN, di bawah inisiatif penabung muda.

Walau bagaimanapun, perkembangan adaptasi digital yang pesat juga memberi impak kepada peningkatan ancaman keselamatan siber. Untuk menangani hal ini, kami telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengemas kini sistem IT serta aset digital kami. Kami juga menaik taraf sistem pemantauan dan penyampaian keseluruhan saluran digital kami yang akan dilancarkan secara berperingkat bermula pada 2022. Inisiatif-inisiatif ini adalah pelan strategik kami dalam usaha mempergiatkan rangkuman kewangan.

MEMPERKUKUHKAN TENAGA KERJA KAMI

Perubahan pesat dalam landskap perniagaan bermakna keperluan tenaga kerja kami juga turut bertambah. Adalah menjadi matlamat kami untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkemampuan untuk memanfaatkan teknologi dan mengimplementasi idea baharu. Bagi mencapai matlamat ini, kami memastikan kakitangan yang direkrut mempunyai set kemahiran yang diperlukan, serta menitikberatkan latihan kemahiran digital, perkhidmatan pelanggan dan bidang lain kepada tenaga kerja sedia ada. Ini bagi memastikan kami terus memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, kualiti dan dedikasi kakitangan kami telah terbukti dengan usaha mereka memastikan pelanggan mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan semasa isu pandemik dan musibah banjir. Dedikasi mereka ini selaras dengan nilai asas yang kami terapkan kepada semua kakitangan Bank. Sepanjang tahun ini, kami berusaha untuk terus menerapkan nilai murni menerusi program latihan berstruktur di samping mengukuhkan budaya positif di tempat kerja.

BSN's total liabilities stood at RM40.02 billion at the end of 2021, an increase of RM3.01 billion from the year before. Deposits constituted the largest portion of liabilities, amounting to RM35.77 billion or 89.4% of total liabilities. Total reserves increased by RM23.64 million over the year, from RM3.48 billion in FY2020 to RM3.50 billion recorded at the end of 2021. The bulk of this increase was contributed by the Bank's profit in the year under review.

Our effective credit management policies have seen our Non-Performing Loan ratio remain visibly below the industry average, at 1.18% as at 31 December 2021. Our NPL ratio has also remained well-within our Risk Appetite Statement target of below 2.0%.

DIGITALISATION

Digitalisation is at the heart of our growth and transformation roadmap and forms one of the key thrusts of our five-year corporate strategy. Our digital banking operations continued to grow in 2021, driven by our expanded offerings and changing consumer appetite. The number of new sign-ups for our myBSN internet banking rose by 32% to a total of 2.12 million accounts, with the value of monetary transactions on myBSN surging by 89% to RM9.62 billion. The BSNeBiz corporate desktop banking platform service that was launched in 2020 also saw an 18% increase in the number of users, to 12,794 accounts. The platform provides essential services to our business customers, including financing repayment, multiple account management, and bulk payment services.

In a major expansion of our online payment services, we have integrated the DuitNow instant fund transfer system into both our myBSN and BSNeBiz platforms. We have also on-boarded more billers for the JomPay online bill payment system and added more options for prepaid top-ups and reloads. During the year, we further collaborated with more e-wallet players by enabling customers to top-up through our EB BSN. In addition, we have on-boarded 60 schools as part of our cashless programme, under our young savers initiative.

BSN is also leveraging on the growth of financial technology (FinTech) by collaborating with FinTech innovators who share our values, giving us rapid and cost-effective access to the latest financial technology innovations. We aim to magnify the impact of these collaborations by capitalising on our unequalled nationwide reach, our financial strength and on our unique credibility as a leading developmental financial institution.

Increased digital adoption has made cybersecurity threats more prevalent and we have taken measures to address this challenge by updating our IT systems and hardening our digital assets. We are also making strategic enhancements to integrate real-time monitoring and delivery across our digital channels, which will be launched in phases in 2022. Together, these initiatives form vital building blocks of our digital strategy to intensify financial inclusion.

PENYATA PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Kebajikan dan kesejahteraan kakitangan kekal menjadi keutamaan kami. Untuk mengurangkan risiko kepada kakitangan dan memastikan kesinambungan perniagaan semasa pandemik, kami telah melaksanakan pembahagian operasi, iaitu bekerja dari pejabat dan dari rumah, manakala mesyuarat pula diadakan secara dalam talian. Kami juga bekerjasama dengan organisasi penjagaan kesihatan untuk memudahkan pemberian vaksin kepada kakitangan kami.

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS KORPORAT

Bank komited untuk mengukuhkan tahap tadbir urus korporat dan integriti di kalangan kakitangan, melalui pengenalan polisi baharu dan cara beroperasi.

Pada 2021, BSN telah membuat penambahbaikan Piagam Lembaga Pengarah, Terma Rujukan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan, untuk mengukuhkan tadbir urus korporat Bank selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat BNM.

Kami juga telah membangunkan Dasar Pengarah Penama untuk mengawal dan mentadbir pelantikan pegawai sebagai Pengarah dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu, selain membangunkan prosedur yang mengawal hal ehwal sekretariat korporat.

Sepanjang tahun ini, BSN telah melaksanakan usaha mengukuhkan rangka kerja pematuhan dan penguatkuasaannya yang berkesan. Tumpuan utama kami adalah kepada pengukuhan sistem amaran awal dan pemantauan pematuhan selaras dengan keperluan kawal selia operasi. Kami juga telah memperkenalkan garis panduan bagi meningkatkan kesedaran dan pemantauan berkesan untuk memupuk budaya pematuhan di kalangan kakitangan kami selaku barisan pertahanan pertama.

MENYAMPAIKAN KOMITMEN KAMI TERHADAP MASYARAKAT: BSN CARE

Di BSN, kami percaya bahawa pengukur utama kejayaan ialah impak positif terhadap masyarakat. Pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah dilaksanakan sepanjang tahun bagi mendekati individu dan komuniti yang memerlukan.

Bagi menzahirkan penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada petugas barisan hadapan negara sejak awal pandemik, kami telah menaja dan mengagihkan pelbagai bentuk bantuan kepada mereka yang terjejas akibat pandemik dan banjir. Selain itu, kami juga telah meneruskan kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara menerusi sumbangan mesin dialisis bagi membolehkan golongan memerlukan mendapat rawatan dialisis dengan harga mampu milik.

Di samping itu, kami terus menyokong pembangunan generasi muda Malaysia menerusi penyertaan dalam program CERDIK yang disokong oleh kerajaan. Program ini memberi manfaat kepada lebih 1,400 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, dengan memberikan mereka akses kepada pembelajaran digital semasa pandemik. Melangkah ke hadapan, BSN akan terus menyokong komuniti yang kurang bernasib baik melalui program BSN Care, berpegang teguh kepada matlamat BSN Care kami.

STRENGTHENING OUR WORKFORCE

BSN aims to build a workforce that can leverage on the new technologies and new ideas that are at the heart of our business. To achieve this, we are focused on recruiting people with the right skill-sets and values and on investing in digital upskilling, customer services and other essential areas of training in our existing workforce.

The quality and dedication of our people has been repeatedly demonstrated over the last two years by the lengths to which they have gone in order to ensure our customers' access to vital financial services under pandemic and flood conditions. Their dedication is a reflection of the strong values that we hold as a company and, throughout the year, we worked to reinforce these values through our structured training programmes and through strengthening our workplace culture.

Ensuring the welfare and wellbeing of our staff remains our highest priority as a company. To mitigate the risks to our employees and ensure our business continuity during the pandemic we implemented split operations between working from the office and from home, while meetings were held online where possible. We also worked with healthcare organisations to facilitate the vaccination of our employees.

STRENGTHENING CORPORATE GOVERNANCE

The Bank is committed to upholding the highest levels of corporate governance and integrity among our people, our policies and the way we operate.

In 2021, BSN revised its Board Charter, Terms of References of the Board, Board Committees, and the Management Committee, to strengthen the Bank's corporate governance in line with BNM's Corporate Governance Policy Document. We also developed a Nominee Director Policy to govern the appointment of officers as Directors in subsidiaries and associates, as well as developing procedures governing corporate secretariat matters.

Throughout the year, BSN made significant efforts to strengthen our compliance framework and ensure its effective implementation. Our main focus during the year was on strengthening the early warning system and adherence monitoring in line with regulatory requirements. We also introduced awareness and monitoring tools to inculcate the compliance culture amongst our people as the first line of defence.

DELIVERING ON OUR COMMITMENT TO SOCIETY: BSN CARE

BSN believes that the primary measure of our success is the positive impact that we have on society. Our CSR initiatives are consolidated under the BSN Cares brand and during the year we implemented an array of CSR activities in support of our mandate. Continuing our unwavering support for our nation's frontliners since the beginning of the pandemic, we sponsored and distributed various forms of assistance to those affected by the pandemic and floods. We also continued to work with the National Welfare Foundation to benefit kidney patients by donating dialysis machines to dialysis centres that offer affordable treatments to communities.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelanggan BSN atas kepercayaan mereka. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan kami atas sokongan berterusan mereka terhadap BSN.

Terima kasih kepada pihak Pengurusan atas pelaksanaan dan kepimpinan yang berkesan dalam mengemudi BSN meraih pelbagai pencapaian yang membanggakan. Penghargaan saya juga kepada Lembaga Pengarah atas komitmen berterusan mereka dalam memberi bimbingan dan pemantauan yang diperlukan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga BSN atas dedikasi yang telah mereka tunjukkan dalam melaksanakan visi BSN, Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan.

Terima kasih.

Additionally, we continued to support the development of the next generation of Malaysians. Our participation in the government-backed CERDIK programme benefitted more than 1,400 students from low-income families, giving them access to digital learning despite the pandemic. Moving forward, BSN will continue to support underserved and disadvantaged communities through our BSN Care programmes.

ACKNOWLEDGEMENTS

I wish to thank our customers for the trust they have placed in us and to express my appreciation to all our stakeholders for their continued support for BSN.

I would also like to thank the Management for their effective execution and leadership in steering BSN through an extremely challenging year with many notable accomplishments. My appreciation also to the Board of Directors for their commitment and stewardship in providing the required oversight.

Above all, I would like to express my deepest gratitude to all Warga BSN for the remarkable dedication that they have shown to delivering on our vision of No Malaysian Left Behind.

Thank you.

IMBASAN LEMBAGA PENGARAH
BOARD AT A GLANCE

KOMPOSISI PENGARAH
BOARD COMPOSITION



Pengerusi dan Pengarah Eksekutif/ Chairman and Executive Director	2
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas/ Independent Non-Executive Director	5
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas/ Non-Independent Non-Executive Director	2

KUMPULAN UMUR
AGE GROUP



41-50 tahun/years	3
51-60 tahun/years	2
61-70 tahun/years	3

TEMPOH PERKHIDMATAN SEBAGAI PENGARAH
LENGTH OF TENURE AS DIRECTOR

0-4 tahun/years	3

JANTINA / *GENDER*

70%
Jumlah 6 Orang
Total 6 Persons

30%
Jumlah 3 Orang
Total 3 Persons

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID

PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF
NON-EXECUTIVE CHAIRMAN

Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Februari 2020.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan daripada University of Canberra, Australia. Beliau juga merupakan ahli CPA Australia.

Puan Rossana berkhidmat di beberapa lembaga pengarah termasuk sebagai Pengerusi Negara Kumpulan Syarikat Jardine Matheson di Malaysia. Beliau kini merupakan Pengerusi dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Prudential BSN Takaful Berhad. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia.

Pada Julai 2021, Puan Rossana telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Telekom Malaysia Berhad pada November 2021.

Beliau pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan dalam sektor telekomunikasi dan perbankan. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di peringkat pengurusan kanan di TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad dan RHB Bank Berhad setelah memulakan kerjayanya dengan Citibank Malaysia.

Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid was appointed as Chairman to the Board on 1 February 2020.

She holds a Bachelor of Arts in Banking and Finance from the University of Canberra, Australia. She is also a member of CPA Australia.

Puan Rossana serves on a number of boards which includes being the Country Chairman of Jardine Matheson Group of Companies in Malaysia. She currently sits as the Chairman and Non-Independent Non-Executive Director of Prudential BSN Takaful Berhad. Furthermore, she serves as a member of the Investment Panel and Investment Panel Risk Committee of the Employee Provident Fund (EPF), Malaysia.

In July 2021, Puan Rossana was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director of Astro Malaysia Holdings Berhad. She was also appointed as an Independent Non-Executive Director of Telekom Malaysia Berhad in November 2021.

She is a career professional having held several leadership positions in the telecommunications and banking sectors. She previously served in various senior management roles with TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad and RHB Bank Berhad, after beginning her career with Citibank Malaysia.

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
56

JANTINA / GENDER:
PEREMPUAN / FEMALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
1 FEBRUARI 2020 / 1 FEBRUARY 2020

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
53

JANTINA / GENDER:
PEREMPUAN / FEMALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
4 DISEMBER 2020 / 4 DECEMBER 2020

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

DR. MASTURA ABDUL KARIM

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
NON-INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

Dr. Mastura Abdul Karim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Disember 2020.

Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kewangan dan memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, pengkhususan dalam Perakaunan dari University of Hartfort, Amerika Syarikat.

Beliau telah memulakan kerjayanya dengan Perkhidmatan Awam Malaysia pada Oktober 1995 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selepas menamatkan Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam (INTAN) pada tahun 1997 beliau telah berkhidmat di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan khususnya dalam bidang fiskal, pasaran modal, analisa cukai dan bajet. Berikutan itu, beliau dilantik sebagai Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit dari tahun 2013 sehingga 2014.

Pada Julai 2017, Dr. Mastura telah berkhidmat dengan World Bank Group, Washington, D.C. selama dua tahun sebagai Pengarah Eksekutif Silih Ganti mewakili sebelas negara di Kumpulan Pengundian Asia Tengara.

Beliau kini merupakan Timbalan Setiausaha (Sektor Komersial), Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

Dr. Mastura kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Beliau pernah menerbitkan artikel di jurnal antarabangsa serta membentangkan kertas kerja di persidangan pada peringkat antarabangsa.

Dr. Mastura Abdul Karim was appointed to the Board on 4 December 2020.

Dr. Mastura holds a PhD in Finance and an MBA (Finance) from Universiti Putra Malaysia (UPM). She holds a Bachelor of Science in Business Administration (BSBA) majoring in Accounting from the University of Hartford, Connecticut, USA.

She started her career with the Malaysian Civil Service in October 1995 as Assistant Director in the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. After completing her Postgraduate Diploma in Public Management from the National Institute of Public Administration (INTAN) in 1997, she has served in various Government ministries and departments mainly in the area of fiscal, capital market, tax and budget analysis. Following this, she was appointed as the Registrar of Credit Reporting Agencies from 2013 to 2014.

In July 2017, Dr. Mastura was seconded for two years to the World Bank Group, Washington, D.C as the Alternate Executive Director representing eleven countries of the Southeast Asia Voting Group.

She is currently the Deputy Under Secretary (Commercial Sector), Government Investment Companies Division, Ministry of Finance.

Dr. Mastura currently sits on the board of Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). She has published articles in international journals and presented papers in international conferences.

TUAN HAJI SELAMAT SIRAT

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
62

JANTINA / GENDER:
LELAKI / MALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
14 JUN 2017 / 14 JUNE 2017

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

Tuan Haji Selamat Haji Sirat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Jun 2017.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Dubuque, Iowa, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM). Beliau juga Perancang Kewangan Bertauliah dalam Perancangan Kewangan Islam.

Tuan Haji Selamat dahulunya Ketua Pegawai Operasi, Al-Rajhi Bank dari Januari 2013 hingga Februari 2017, dan telah memegang jawatan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif selama hampir 18 bulan. Beliau bertanggungjawab secara keseluruhan untuk pembangunan dan perlaksanaan hala tuju strategik operasi untuk Al-Rajhi Bank. Beliau merupakan pegawai bank yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman melebihi 33 tahun di bank-bank antarabangsa.

Tuan Haji Selamat mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek perbankan, setelah menyandang pelbagai jawatan termasuk Jurubank Korporat, Pengurus Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana, Perbankan Pengguna dan Pengurus Kanan di Bahagian Perbankan Islam.

Tuan Haji Selamat Haji Sirat was appointed to the Board on 14 June 2017.

He holds a Master's Degree in Business Administration from the University of Dubuque, Iowa, Bachelor of Economics from University of Malaya (UM) and is also a Certified Financial Planner in Islamic Financial Planning.

Tuan Haji Selamat was formerly the Chief Operating Officer, of Al-Rajhi Bank from January 2013 until February 2017, and assumed the post of Acting CEO for almost 18 months. He was responsible for the overall development and implementation of strategic operational direction for Al-Rajhi Bank. He is a qualified banker with more than 33 years of experience working in international banks.

Having served in various capacities as a Corporate Banker, Business Manager for Small and Medium Industry, Consumer Banking and Senior Manager in an Islamic Banking Division, Tuan Haji Selamat has vast experience in all aspects of banking.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

DATIN ZAIMAH ZAKARIA

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
63

JANTINA / GENDER:
PEREMPUAN / FEMALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
26 MAC 2018 / 26 MARCH 2018

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

Datin Zaimah Zakaria telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 26 Mac 2018.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaantani dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau adalah Perunding Etika Sosial Antarabangsa yang bertauliah dan juga ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

Datin Zaimah merupakan Timbalan Presiden Eksekutif – Kumpulan Perniagaan Strategik dan Integrasi Serantau, RHB Bank Berhad dari April 2008 sehingga Mac 2015. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Perbendaharaan di Al-Rajhi Bank Malaysia dan pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan Alliance Investment Bank untuk tempoh lima tahun sejak tahun 2001.

Setelah berkhidmat di pelbagai sektor dalam industri kewangan, Datin Zaimah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas terutamanya dalam bidang perbankan pelaburan dan perbendaharaan.

Datin Zaimah merupakan ahli lembaga pengarah bagi Malaysia Reinsurance Berhad, AXA Affin General Insurance Berhad, dan Impact Research Consultancy Sdn. Bhd.

Datin Zaimah Zakaria was appointed to the Board on 25 March 2018.

She holds a Master's Degree in Business Administration (Finance) from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and a Bachelor of Science in Agribusiness from Universiti Putra Malaysia (UPM). She is a Certified International Social Etiquette Consultant and a member of Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

Datin Zaimah was formerly the Executive Vice President – Group Strategic Business and Regional Integration of RHB Bank Berhad from April 2008 until March 2015. Prior to this, she was the Head of Treasury at Al-Rajhi Bank Malaysia and had assumed the post of Senior General Manager at Alliance Investment Bank for five years since 2001.

Having served various senior positions in the financial industry, Datin Zaimah has vast experience and knowledge in banking especially in areas related to investment and treasury.

Datin Zaimah currently sits on the boards of Malaysia Reinsurance Berhad, AXA Affin General Insurance Berhad and Impact Research Consultancy Sdn. Bhd.

DATO' AMIRUDIN ABDUL HALIM

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
62

JANTINA / GENDER:
LELAKI / MALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
9 OGOS 2019 / 9 AUGUST 2019

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
16 / 17

Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 9 Ogos 2019.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kewangan dari St. Louis University, Missouri, Amerika Syarikat dan Diploma dalam Pengajian Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Beliau juga telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan dari Wharton Business School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai kapasiti sebagai pegawai perbankan, Dato' Amirudin mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor perbankan.

Dato' Amiruddin merupakan Ahli Lembaga Pengarah Takaful Ikhlas General Berhad sejak tarikh pelantikan beliau pada 4 Januari 2021. Beliau dahulunya merupakan Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dari Julai 2017 hingga Julai 2019. Sebelum itu, beliau berkhidmat dengan Affin Bank Berhad dari tahun 2009 hingga 2016 sebagai Pengarah, Perbankan Perniagaan dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif, Perbankan. Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang perbankan di Maybank Finance Berhad pada tahun 1988 sebagai Pembantu Pengurus Cawangan di Cawangan Alor Setar.

Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim was appointed to the Board on 9 August 2019.

He holds a Bachelor of Arts in Finance from the St. Louis University, Missouri, USA and a Diploma in Business Studies from Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. He has also completed the Advanced Management Programme from the Wharton Business School, University of Pennsylvania, USA.

Having over 20 years' experience in various capacities as a banker, Dato' Amirudin has vast experience in the banking sector.

Dato' Amiruddin sits on the board of Takaful Ikhlas General Berhad from his appointment date on 4 January 2021. Dato' Amiruddin was previously the Chief Operating Officer (Business) of Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad from July 2017 till July 2019. Prior to that, he was with Affin Bank Berhad from 2009 till 2016 as the Director of Business Banking and was promoted to the post of Executive Director of Banking. He started his career as a banker with Maybank Finance Berhad in 1988 as an Assistant Branch Manager at the Alor Setar Branch.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
50

JANTINA / GENDER:
LELAKI / MALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
9 OGOS 2019 / 9 AUGUST 2019

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

AHMAD LUTFI ABDULL MUTALIP @ TALIB

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 9 Ogos 2019.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian Kelas Tinggi Kedua dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1995 dan seterusnya memperoleh sijil kesetiausahaan korporat dari Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom.

Encik Lutfi merupakan rakan kongsi pengasas Messrs. Azmi & Associates, Peguambela & Peguamcara, Malaysia. Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kewangan, korporat dan pengurusan hartanah dengan pengkhususan dalam Perbankan Islam.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), AAA Consulting Sdn. Bhd., Prudenz Corporatehouse Sdn. Bhd., Impact Analytix Sdn. Bhd. dan Azmi Global Pte Ltd.

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib was appointed to the Board on 9 August 2019.

He graduated with a second class upper LL.B (Honours) in 1995 from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and thereafter obtained his corporate secretarial certificate from the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom.

Encik Lutfi is the founding partner of Messrs. Azmi & Associates, Advocates & Solicitors, Malaysia. He has considerable experience in finance, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking.

He currently sits on the board of Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), AAA Consulting Sdn. Bhd., Prudenz Corporatehouse Sdn. Bhd., Impact Analytix Sdn. Bhd. and Azmi Global Pte Ltd.

DATO' MOHD RIZAL MOHD JAAFAR

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF
INDEPENDENT NON-EXECUTIVE DIRECTOR

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
47

JANTINA / GENDER:
LELAKI / MALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
23 OKTOBER 2019 / 23 OCTOBER 2019

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
15 / 17

Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 23 Oktober 2019.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya (UM). Dato' Rizal juga merupakan Akauntan Bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia.

Dato' Mohd Rizal merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Widad Group Berhad. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Hubungan, Jabatan Pengawasan Perbankan di Bank Negara Malaysia pada tahun 1999. Pada tahun 2010, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah, Strategi dan Pejabat Pengurusan Transformasi di SME Bank Berhad. Beliau kemudian dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan pada tahun 2012.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Widad Group Berhad dan anak-anak syarikatnya Widad Business Group Sdn. Bhd. dan Dataprep Holdings Berhad.

Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar was appointed to the Board on 23 October 2019.

He holds a Master's Degree in Business Administration from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and a Bachelor's Degree in Accounting from University of Malaya (UM). Dato' Rizal is also a Chartered Accountant under the Malaysian Institute of Accountants.

Dato' Mohd Rizal is the Group Managing Director of Widad Group Berhad. He started his career as a Relationship Manager, Banking Supervision Department at Bank Negara Malaysia in 1999. He joined SME Bank Berhad in 2010 as Director, Strategy and Transformation Management Office. He was then promoted to the post of Group Chief Operating Officer in 2012.

He currently sits on the boards of Widad Group Berhad and its subsidiaries, Widad Business Group Sdn. Bhd. and Dataprep Holdings Berhad.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

WARGANEGARA / NATIONALITY:
MALAYSIA / MALAYSIAN

UMUR / AGE:
45

JANTINA / GENDER:
LELAKI / MALE

TARIKH PELANTIKAN / DATE OF APPOINTMENT:
3 FEBRUARI 2021 / 3 FEBRUARY 2021

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PADA TK2021 / BOARD MEETING ATTENDANCE IN FY2021:
17 / 17

JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH

KETUA EKSEKUTIF / PENGARAH EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE / EXECUTIVE DIRECTOR

Encik Jay Khairil Jeremy Abdullah telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif dan Pengarah Eksekutif pada 3 Februari 2021.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perniagaan dan Kewangan dari Heriot-Watt University, Scotland, United Kingdom dan Diploma Tinggi dalam Pengurusan Perakaunan (LCCI Higher) dari Systematic Group of Colleges Malaysia. Beliau merupakan seorang Jurubank Bertauliah dan Akauntan Pengurusan Global Bertauliah. Beliau ialah ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Chartered Institute of Management Accountants dan Ahli Berkanun di Institut Juruaudit Dalaman.

Encik Jay Khairil merupakan seorang jurubank profesional yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan di Alliance Bank Financial Group.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat di BSN sebagai Ketua Pegawai Kewangan di mana beliau telah membantu Bank untuk mencapai prestasi kewangan yang kukuh melalui pengurusan aset dan liabiliti yang berhemah, langkah pengoptimuman kos dan penambahbaikan proses yang berkaitan.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Audit Serantau untuk Kumpulan CIMB serta Timbalan Pengarah Audit Dalaman di Bank Negara Malaysia.

Encik Jay Khairil Jeremy Abdullah was appointed as Chief Executive and Executive Director of BSN on 3 February 2021.

He holds a Bachelor of Arts in Business and Finance from Heriot-Watt University, Scotland, United Kingdom and a Higher Diploma in Management Accounting (LCCI Higher) from Systematic Group of Colleges Malaysia. He is a Chartered Banker and a Chartered Global Management Accountant. He is also a member of the Malaysian Institute of Accountants, a member of the Chartered Institute of Management Accountants and a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors.

Encik Jay Khairil is a seasoned banking professional with over 20 years of experience, whereby his last role was the Group Chief Internal Auditor of the Alliance Bank Financial Group.

Prior to that, he was with BSN as the Chief Financial Officer where he helped the Bank achieve strong financial performance through prudent management of assets and liabilities, cost optimisation measures and relevant process improvements.

Encik Jay Khairil was also the Regional Head of Audit for CIMB Group and Deputy Director of Internal Audit with Bank Negara Malaysia.

JAWATANKUASA SYARIAH
SHARIAH COMMITTEE

PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA

Pengerusi / Chairman

Malaysia / Malaysian

Lelaki / Male

42 Tahun / 42 Years Old

1 Jun 2016 / 1 June 2016

Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 Jun 2016. Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah pada 1 Jun 2020.

Beliau kini merupakan pensyarah dan Profesor Madya di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperoleh ijazah pertama dalam bidang Syariah dan Kehakiman dari USIM, Sarjana Kehakiman Syariah dari Universiti Jordan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Fiqh dan Usul Al-Fiqh (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang pengkhususan beliau adalah Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Pasaran Modal Islam dan Pengurusan Harta Islam. Selain menerbitkan beberapa penulisan akademik, beliau turut terlibat secara aktif dalam penyelidikan di USIM.

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria was appointed as a Shariah Committee member on 1 June 2016. He was subsequently appointed as Chairman of the Shariah Committee on 1 June 2020.

He is currently a lecturer and Associate Professor at the Faculty of Shariah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM). He obtained his first degree in Shariah and Judiciary from USIM, Master of Shariah Judiciary from University of Jordan and PhD in Fiqh and Usul Al-Fiqh (Shariah) from International Islamic University Malaysia (IIUM). His areas of interest are Fiqh Muamalat, Islamic Banking and Finance, Islamic Capital Market and Islamic Wealth Management. In addition to publishing several academic writings, he is also actively involved in research at USIM.

PROF. MADYA DR. AHMAD ZAKI SALLEH

Ahli / Member

Malaysia / Malaysian

Lelaki / Male

46 Tahun / 46 Years Old

1 April 2011 / 1 April 2011

Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 April 2011.

Beliau kini merupakan seorang pensyarah dan Profesor Madya di Fakulti Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di mana beliau mengajar kursus Perbankan Islam & Takaful dan Pasaran Modal Islam kepada pelajar-pelajar peringkat pra dan pasca siswazah. Beliau memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Syariah dari Universiti al-Albayt, Jordan. Beliau seterusnya berkelulusan Ijazah Sarjana Syariah dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pasaran Modal Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga telah menerbitkan beberapa artikel mengenai undang-undang kontrak Islam, Perbankan Islam dan Pasaran Modal Islam selain daripada terlibat secara aktif di dalam penyelidikan di USIM. Beliau merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Syariah BSN (Jun 2016 – Mei 2020), ahli Jawatankuasa Syariah di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) dan AmBank Islamic. Beliau juga telah dilantik sebagai Pakar Syariah (Pasaran Modal Islam) di IIFIN Consulting Sdn Bhd sejak tahun 2010.

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Zaki Salleh was appointed as a Shariah Committee member on 1 April 2011.

He is currently a lecturer and an Associate Professor at the Faculty of Shariah and Law, Islamic Science University Malaysia (USIM) where he lectures Islamic Banking & Takaful and Islamic Capital Market courses to undergraduate and postgraduate students. He obtained his first degree in Shariah from al-Albayt University, Jordan. He then obtained a Master Degree in Shariah and PhD in Islamic Capital Market from International Islamic University Malaysia (IIUM). He has published several articles on Islamic law of contract, Islamic Banking and Islamic Capital Market, and is actively involved in research at USIM. He is a former Chairman of BSN Shariah Committee (June 2016 – May 2020), member of Shariah Committee for Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) and AmBank Islamic. He has also been appointed as Shariah Expert (Islamic Capital Market), at IIFIN Consulting Sdn Bhd since 2010.

JAWATANKUASA SYARIAH
SHARIAH COMMITTEE

PROF. MADYA DR. KAMARUZAMAN NOORDIN

Ahli / Member

Malaysia / Malaysian

Lelaki / Male

46 Tahun / 46 Years Old

1 Januari 2021 / 1 January 2021

Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Januari 2021.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Ijazah Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaya (UM). Beliau juga memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam dari University Of Wales. Beliau kini merupakan pensyarah kanan di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Universiti Malaya (UM). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Swiss Re Retakaful, ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank Berhad. Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah di Kenanga Investment Bank Berhad (2012-2020).

Assoc. Prof. Dr. Kamaruzaman Noordin was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2021.

He has a Bachelor in Shariah and a Masters in Business Administration from the University of Malaya (UM). He also obtained a PhD in Islamic Studies from the University of Wales. He is currently a senior lecturer at the Department of Shariah and Management of the University of Malaya (UM). He is also Chairman of Shariah Advisory Committee Swiss Re Retakaful, member of the Shariah Advisory Committee of Employees Provident Fund (EPF) and Shariah Committee member of RHB Islamic Bank Berhad. Previously, he was the Chairman and member of Shariah Advisory Committee for Kenanga Investment Bank Berhad (2012-2020).

DR. ASMA HAKIMAH AB HALIM

Ahli / Member

Malaysia / Malaysian

Perempuan / Female

45 Tahun / 45 Years Old

1 Januari 2019 / 1 January 2019

Dr. Asma Hakimah Ab Halim dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 Januari 2019.

Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaaan Malaysia (UKM) sejak tahun 2007. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan LL.B (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sijil Program Pentadbiran Syarikat (CiCA) dari universiti yang sama pada tahun 2002. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian dalam Sarjana Undang-Undang (LL.M) di UKM pada tahun 2006 dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Glasgow Caledonian University, Scotland pada tahun 2015. Dr. Asma Hakimah telah menerbitkan beberapa artikel mengenai Undang-Undang Kontrak Islam, Perbankan Islam dan terlibat secara aktif dalam pelbagai projek penyelidikan di UKM.

Dr. Asma Hakimah Ab Halim was appointed as a Shariah Committee member on 1 January 2019.

She is currently a Senior Lecturer at the Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) since 2007. She obtained her Bachelor of Laws (LLB) and LL.B (Shariah) from International Islamic University Malaysia (IIUM) and a Certificate in Company Administration Programme (CiCA) from the same university in 2002. She then pursued her Master in Laws (LL.M) at UKM in 2006 and thereafter obtained her PhD from Glasgow Caledonian University, Scotland in 2015. Dr. Asma Hakimah has published several articles on Islamic Law of contract, Islamic Banking and actively involved in numerous research projects at UKM.

DR. RAZLI RAMLI

Ahli / Member

Malaysia / Malaysian

Lelaki / Male

55 Tahun / 55 Years Old

1 Januari 2021 / 1 January 2021

Dr. Razli Ramli dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bermula 1 Januari 2021.

Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di Azman Hashim International Business School (AHIBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari The Flinders University of South Australia. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang perbankan dan kewangan di mana 18 tahun daripadanya adalah di dalam bidang Kewangan Islam dan beliau juga merupakan ahli kepada Malaysian Institute of Management (MIM).

Dr. Razli Ramli was appointed as Shariah Committee member since 1 January 2021.

He is currently a Senior Lecturer at Azman Hashim International Business School (AHIBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). He holds a PhD in Management from Universiti Utara Malaysia (UUM) and possesses a Bachelor in Economics from The Flinders University of South Australia. He brings with him over 25 years of experience in banking and finance including 18 years in the field of Islamic finance and he is also a member of the Malaysian Institute of Management (MIM).

AHMAD LUTFI ABDULL MUTALIP @ TALIB

Ahli / Member

Malaysia / Malaysian

Lelaki / Male

51 Tahun / 51 Years Old

1 April 2020 / 1 April 2020

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah pada 1 April 2020.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1995 dan kemudian menjadi ahli Badan Peguam Malaysia pada tahun 1996. Beliau memperoleh kelayakan profesionalnya dalam kesetiausahaan korporat dari Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom pada tahun 1996. Beliau memulakan kerjayanya sebagai pengamal undang-undang bersama Hisham Sobri & Kadir dari tahun 1996 hingga 2000 dan kemudian menjadi salah seorang rakan kongsi pengasas Azmi & Associates pada 1 September 2000. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan ahli Jawatankuasa Syariah MIDF. Encik Ahmad Lutfi kini merupakan ahli Lembaga Pengarah BSN.

Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib was appointed as a Shariah Committee member on 1 April 2020.

He obtained his Bachelor of Laws (LL.B) from International Islamic University Malaysia (IIUM) in 1995 and was admitted to the Malaysian Bar in 1996. He also obtained his professional qualification in corporate secretarial from the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), United Kingdom in 1996. He embarked on his journey as a legal practitioner by joining Hisham Sobri & Kadir from 1996 to 2000 and then became one of the founding partners of Azmi & Associates on 1 September 2000. He is also a member of the Board of Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) and a member of MIDF Shariah Committee. Encik Ahmad Lutfi currently sits on the Board of BSN.

PENGURUSAN
MANAGEMENT

Jay Khairil Jeremy Abdullah
Ketua Eksekutif / Chief Executive
(mulai pada 3 Februari 2021 /
effective on 3 February 2021)

Kameel Abdul Halim
Ketua Pegawai Operasi / Chief Operating Officer

Mujibburrahman Abd Rashid
Ketua Pegawai Perniagaan /
Chief Business Officer

Norhafizah Md Shariff
Ketua Pegawai Kewangan / Chief Financial Officer
(mulai pada 1 Oktober 2021 /
effective on 1 October 2021)

Asaraf Aboo Bakar
Naib Presiden Kanan / Ketua, Perbendaharaan & Pelaburan)
Senior Vice President / Head, Treasury & Investment
(mulai pada 1 Oktober 2021 / effective on 1 October 2021)
Ketua Pegawai Kewangan / Chief Financial Officer
(sehingga 30 September 2021 / until 30 September 2021)

Azlan Abu Bakar
Naib Presiden Kanan / Ketua, Operasi Kredit
Senior Vice President / Head, Credit Operations

Ahmad Khairi Shamsuddin
Naib Presiden Kanan / Ketua, Kewangan
Senior Vice President / Head, Finance

Lee Choon Yong
Naib Presiden Kanan / Ketua, Teknologi Maklumat
Senior Vice President / Head, Information Technology

Sr. Rosman Ramlan
Naib Presiden Kanan / Ketua, Perkhidmatan Am & Keselamatan Dalaman
Senior Vice President / Head, General Administration & Security

PENGURUSAN
MANAGEMENT

Ummul Shirin Mohamed Thalha
Naib Presiden Kanan / Ketua, Undang-Undang & Sekretariat Korporat
Senior Vice President / Head, Legal & Corporate Secretariat

Syanorida Bahari
Naib Presiden Kanan / Ketua, Pengurusan Sumber Manusia
Senior Vice President / Head, Human Resource Management

Mohd Sofian Amirudin
Naib Presiden Kanan / Ketua, Perniagaan Kad & CRM Senior
Vice President / Head, Cards Business & CRM
(sehingga 31 Ogos 2021 / until 31 August 2021)

Azrul Farique Dato' Mustafa
Naib Presiden Kanan / Ketua, Perbankan Digital
Senior Vice President / Head, Digital Banking
(mulai pada 2 Februari 2021 / effective on 2 February 2021)

Samsudin Samsuri
Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Pematuhan
Senior Vice President / Chief Compliance Officer

Roodi Mohd Rashid
Naib Presiden Kanan / Ketua Juruaudit Dalaman
Senior Vice President / Chief Internal Auditor

Misah Meon
Naib Presiden Kanan / Ketua, Pemulihan Kredit
Senior Vice President / Head, Credit Recovery

Haris Yaakob Abdullah
Naib President Kanan /
Ketua, Strategi Korporat
Senior Vice President /
Head, Corporate Strategy

Darween Naidu A / L Doraisingam
Naib Presiden Kanan / Ketua, Transformation Lab
Senior Vice President / Head, Transformation Lab
(mulai pada 23 Ogos 2021 /
effective on 23 August 2021)

Aizurra Mellissa Muzammil
Naib Presiden /
Ketua, Komunikasi Strategik
Vice President / Head,
Strategic Communications

PENGURUSAN
MANAGEMENT

Mohd Fuad Jamel
Naib Presiden / Pemangku Ketua Pegawai Risiko
Vice President / Acting Chief Risk Officer

Mohd Khairil Mohd Nor
Naib Presiden / Ketua, Pengurusan Cawangan
Vice President / Head, Branch Management

Arida Ariffin
Naib Presiden /
Ketua, Customer Experience
Vice President /
Head, Customer Experience

Anuar Elias
Naib Presiden /
Ketua, Perbankan Islam
Vice President /
Head, Islamic Banking

Zarida Jean Noordin
Naib Presiden /
Ketua, Deposit & Pembayaran
Vice President /
Head, Deposit & Payment

Andy Chew Chin Heng
Naib Presiden / Ketua, Data Governans
Vice President / Head, Data Governance
(sehingga 30 Jun 2021 / until 30 June 2021)

Ismail Abd Aziz
Naib Presiden / Ketua, Data Governans
Vice President / Head, Data Governance
(mulai pada 1 September 2021 / effective on 1 September 2021)

Mohamad Nizam Kalam
Ketua Pegawai Integriti & Governans
Chief Integrity & Governance Officer

Zadatul Akhmar Sharmila Mustaffa
Naib Presiden / Ketua, Perolehan
Vice President / Head, Procurement
(sehingga 20 Jun 2021 / until 20 June 2021)

Norainah Mohmad Zakuan
Naib Presiden / Ketua, Perniagaan Runcit
Vice President / Head, Retail Banking
(mulai pada 1 April 2021 / effective on 1 April 2021)

MANDAT & KELESTARIAN
MANDATE & SUSTAINABILITY

Memperkaya Setiap Langkah Kehidupan
Enriching Lives Each Step of the Way

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/ YANG DIMANDATKAN
DEVELOPMENTAL/MANDATED ACHIEVEMENTS

Semenjak penubuhannya 47 tahun dahulu di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974, BSN meneruskan mandat institusinya untuk membantu meningkatkan keupayaan kewangan dan bijak kewangan semua rakyat Malaysia terutamanya kepada segmen yang kurang dan yang tidak mendapat perkhidmatan perbankan. BSN terus menyantuni rakyat sepanjang separuh pertama tahun 2021 ketika negara sedang bergelut menangani pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan – Sebanyak 390 cawangan BSN kekal beroperasi, walaupun dengan waktu urus niaga disingkatkan di mana sebanyak 179 cawangan BSN beroperasi di kawasan bukan bandar / luar bandar. Pada penghujung bulan Oktober 2021, BSN telah melancarkan 4 Cawangan Bank Bergerak (CBB) di Sarawak dan Sabah untuk menggembleng simpanan serta memudahkan urusan perkhidmatan perbankan, pembayaran bil dan pengeluaran tunai kepada penduduk kawasan pedalaman.

BSN merupakan saluran Kerajaan untuk memberikan bantuan tunai kepada individu atau isi rumah yang telah dikenal pasti terjejas akibat pandemik COVID-19. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 telah memanfaatkan lebih 7.3 juta individu dan isi rumah manakala Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) telah memanfaatkan lebih 8.4 juta individu dan isi rumah kumpulan B40. Bantuan tunai langsung, yang bermula pada Oktober 2021, iaitu Bantuan Khas COVID-19 (BKC) telah dimanfaatkan oleh 9.9 juta penerima dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kepada lebih 840,000 penerima.

RINGKASAN OUTPUT / HASIL PEMBANGUNAN TAHUN 2021

MENGGEMBLENG SIMPANAN DARIPADA PENYIMPAN MUDA

Meskipun berhadapan dengan pandemik COVID-19, BSN masih kekal berhubung dengan sekolah-sekolah, menambah penyertaan ahli baharu melalui program simpanan pelajar iaitu Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP). Namun, dengan penutupan sekolah, BSN telah melaksanakan program celik kewangannya melalui kuiz dan tayangan video secara atas talian di mana penyertaan peserta boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 119,000 pelajar sekolah rendah dan menengah kebangsaan telah menyertai kuiz dan video atas talian, manakala simpanan terkumpul SGSP ialah sebanyak RM623.9 juta.

Oleh kerana lawatan ke sekolah tidak dibenarkan, BSN telah mempergiatkan usaha mempromosi Cabutan Khas BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) untuk Generasi Z dan pelajar institusi pengajian tinggi. Secara keseluruhan, baki terkumpul simpanan penyimpan muda pada akhir tahun 2021 adalah lebih daripada RM1.2 bilion, melibatkan 2.3 juta akaun. BSN juga bekerjasama dengan pentadbir-pentadbir sekolah melalui Pejabat Pendidikan Negeri dan Daerah secara atas talian untuk pendaftaran bagi Program Sekolah Tanpa Tunai BSN. Dalam tahun 2021, sebanyak 60 sekolah telah menyertai program ini di mana lebih daripada 17,800 akaun baharu telah dibuka.

In the 47 years since its inception under the Bank Simpanan Nasional Act 1974, BSN has continued its institutional mandate to look after the financial well-being and financial savviness of all Malaysians especially the unserved and underserved segments. The Bank continued to serve the rakyat throughout the first half of 2021 when the country was grappling with the COVID-19 pandemic and restricted movement orders – BSN's 390 branches remained opened, albeit at shorter operating hours, with 179 branches operating in non-urban / rural areas. At the end of October 2021, BSN introduced 4 mobile branches (Cawangan Bank Bergerak) serving parts of rural Sarawak and Sabah to mobilise savings as well as to facilitate bill payments and cash withdrawals to better serve the rural areas.

BSN was the Government's channel for cash aids to identified individuals or households affected by the pandemic. The Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 has benefited over 7.3 million individuals and households while the Bantuan Prihatin Rakyat BPR) benefited over 8.4 million B40 individuals and households. Direct cash assistances, which started in October 2021, namely the Bantuan Khas COVID-19 (BKC) saw over 9.9 million recipients and Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) with over 840,000 recipients.

SUMMARY OF 2021 DEVELOPMENT OUTPUTS / OUTCOMES

MOBILISING DEPOSITS FROM YOUNG SAVERS

Despite the pandemic, the Bank continuously reached out to schools, garnering new members through its student deposit programme, *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP). However, because of school closures, the Bank had run its financial literacy programme through online quizzes and videos where participants record their enrolment as part of their co-curricular activity. As at 31 December 2021, 119,000 students from primary and secondary national schools participated in the online quizzes and videos and deposits from SGSP totalled RM623.9 million.

As visits to schools during this period were prohibited, BSN focused its efforts on *BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)* special draw for Gen Z and students in tertiary education. Overall outstanding balance of deposits mobilised from young savers at the end of 2021 was more than RM1.2 billion from 2.3 million accounts. The Bank also engaged online with schools' administrations through the State and District Education Offices to enrol into BSN's Cashless School programme. In 2021, 60 schools were on-boarded and more than 17,800 new student accounts opened.

PERLINDUNGAN TAKAFUL UNTUK SEGMEN YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pada Mac 2021, BSN dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) telah melancarkan *BSN Takaful Sakinah*. Ia adalah pelan perlindungan Takaful Keluarga mikro yang mudah difahami dan mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pelan tersebut yang boleh dibeli dengan mudah secara atas talian atau melalui mana-mana cawangan BSN, menawarkan perlindungan untuk musibah kematian semula jadi atau kematian akibat kemalangan dengan manfaat Khairat sehingga RM3,500. Sehingga 31 Disember 2021, BSN telah menerima lebih daripada 230,000 kes dengan jumlah sumbangan bernilai lebih daripada RM14 juta.

SOKONGAN DAN PEMBIAYAAN UNTUK USAHAWAN MIKRO

BSN adalah antara 11 institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan untuk usahawan mikro. Sejak 2020, BSN merupakan peneraju inisiatif pembiayaan mikro yang dimandatkan oleh Kerajaan, iaitu Mikro Prihatin dan Mikro Penjana. BSN juga menawarkan pembiayaan Kemudahan Bantuan Khas dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar di bawah program Bank Negara Malaysia (BNM) untuk PKS di Malaysia dalam sektor perkhidmatan yang terjejas oleh pengenalan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak Jun 2020.

Pada April 2021, BSN telah melancarkan Skim Mikro Pemerkasa dan Mikro Cents untuk membantu usahawan mikro memulihkan perniagaan mereka selepas pandemik, di mana Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM390 juta pembiayaan mikro pada kadar 3.0% setahun. Skim-skim di bawah Pemerkasa telah memastikan lebih banyak perniagaan mikro seperti perniagaan yang dikendalikan oleh wanita, belia dan orang kurang upaya mendapat akses kepada pembiayaan. Sehingga 31 Disember 2021, Skim Pemerkasa-Nita telah memanfaatkan[1] lebih 2,100 pemilik perniagaan wanita, kira-kira 960 belia di bawah Skim Pemerkasa-Belia dan lebih daripada 30 pemilik perniagaan kurang upaya di bawah Skim Pemerkasa-Istimewa. Skim Pemerkasa juga membantu lebih 3,800 perniagaan mikro pulih selepas pandemik dengan membiayai modal kerja dan perbelanjaan modal mereka.

Selain daripada memberi khidmat pembiayaan, BSN terus berkolaborasi dengan agensi-agensi seperti INSKEN, ADFIM, AKPK dan SME Corp untuk melatih pelanggan mikro BSN. Sehingga akhir Disember 2021, 161 pelanggan telah dipilih oleh BSN untuk menyertai pelbagai program latihan di bawah agensi-agensi ini. Pada bulan Oktober 2021, BSN telah melancarkan program perintis Komuniti Mikro BSN (BMC) di tiga negeri: Kedah, Kelantan dan Sarawak dengan matlamat program untuk menyediakan komuniti dengan akses kepada fasiliti pembiayaan untuk memupuk perniagaan baharu dan meningkatkan komuniti serta membangunkan keusahawanan yang berterusan melalui kursus / latihan bersasar. Dalam tempoh tiga bulan projek perintis ini dilaksanakan, BSN telah berjaya mengembangkan 113 usahawan mikro kepada usahawan kecil dan sederhana di mana perniagaan mereka telah merekodkan jualan tahunan sebanyak RM300,000 dan ke atas.

TAKAFUL PROTECTION FOR THE UNDERSERVED SEGMENT

In March 2021, BSN and Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) launched BSN Takaful Sakinah. It is a simple-to-understand and affordable micro Family Takaful plan for Malaysians, especially for the lower income group. The plan, which can be easily purchased online or at any BSN branch, covers death from natural causes or accidental death with Khairat benefits of up to RM3,500. As at 31 December 2021, the Bank has received more than 230,000 cases with total contribution worth over RM14 million.

SUPPORT AND FINANCING FOR MICRO ENTERPRISES

BSN is among 11 financial institutions which offer financing for micro entrepreneurs. Since 2020, the Bank has spearheaded micro financing initiatives initiated by the Government, i.e. Micro Prihatin and Micro Penjana. BSN also offers Special Relief Facility and Targeted Relief and Recovery Facility under Bank Negara Malaysia's (BNM's) programme for Malaysian SMEs in the services sector affected by the reintroduction of COVID-19 containment measures since June 2020.

In April 2021, BSN launched Micro Pemerkasa and Micro Cents for micro businesses recovering from the pandemic, in which the Government had allocated RM390 million for micro financing at a rate of 3.0% per annum. The schemes under Pemerkasa ensures more underserved micro businesses have access to financing, for example businesses operated by women, youth, and the disabled. As at 31 December 2021, Pemerkasa-Nita scheme has benefited[1] over 2,100 women business owners, around 960 youths benefited from the Pemerkasa-Belia scheme and more than 30 disabled business owners had participated in the Pemerkasa-Istimewa scheme. The Pemerkasa scheme has assisted more than 3,800 micro businesses recovering post-pandemic by financing their working capital and capital expenditures.

Apart from providing financing, BSN continues to maintain close collaborations with other agencies like INSKEN, ADFIM, AKPK and SME Corp for training the Bank's micro customers. As at end of December 2021, 161 customers were nominated by BSN to participate in various training programmes under these agencies. In October 2021, the Bank piloted the BSN Micro Community (BMC) programme in three states: Kedah, Kelantan and Sarawak with the goal to provide communities access to financing facilities for nurturing new businesses and uplifting the community as well as ongoing entrepreneurship development via targeted training / courses. In the three months of running the pilot programme, BSN has nurtured 113 micro enterprises to SME where these businesses had reported annual sales of RM300,000 and above.

[1] Berdasarkan pembiayaan yang diluluskan / Based on approved financing

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/YANG DIMANDATKAN
DEVELOPMENTAL/MANDATED ACHIEVEMENTS

MEMPERJUANGKAN RANGKUMAN KEWANGAN

BSN terus menyokong saranan BNM mengenai keterangkuman kewangan terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman bagi memastikan perkhidmatan perbankan asas dapat diakses. Selain daripada 390 cawangan yang dilengkapi dengan 678 mesin teler automatik (ATM), 315 mesin deposit tunai (CDM) dan 80 *Cash Recycler Machine* (CRM), BSN turut melantik Ejen Bank (EB) di kalangan pemilik perniagaan dalam komuniti setempat, contohnya kedai serbaneka atau runcit, kedai tambah nilai telefon bimbit, stesen minyak, dan kedai koperasi. Sehingga 31 Disember 2021, BSN mempunyai 2,801 EB di mana 1,951 (70%) daripadanya beroperasi di komuniti luar bandar. Secara keseluruhan, perkhidmatan EB BSN meliputi 98.1% daripada 886 mukim yang dikenal pasti oleh BNM (TK2020: 95.7%). Pada Oktober 2021, BSN mempunyai empat unit cawangan bank bergerak (CBB) yang beroperasi di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak. Pecahan saluran perbankan BSN di kawasan luar bandar dan bandar adalah seperti di bawah:

CHAMPIONING FINANCIAL INCLUSION

BSN continues to support BNM's call for financial inclusivity especially for those living in rural or remote areas to ensure basic banking services are available. Apart from the 390 physical brick-and-mortar branches equipped with a total of 678 automated teller machines (ATMs), 315 cash deposit machines (CDMs) and 80 cash recycler machines (CRMs), BSN also appoints banking agents (EB) from among owners of establishments in the local community, for example sundries or grocery shops, mobile phone top up shops, petrol stations, and co-operative shops. As at 31 December 2021, BSN has 2,801 EB of which 1,951 (70%) are operating in rural communities. In total, BSN's EB serves 98.1% of 886 mukims identified by BNM (FY2020: 95.7%). In October 2021, BSN has four units of mobile bank branches (CBB) operating in the rural areas of Sabah and Sarawak. Table below shows the breakdown of BSN's rural and urban channels.

	EB		ATM		CDM		CRM	
Saluran / Channels	**Bandar / Urban**	**Luar bandar / Rural**	**Bandar / Urban**	**Luar bandar / Rural**	**Bandar / Urban**	**Luar bandar / Rural**	**Bandar / Urban**	**Luar bandar / Rural**
TK2021 / FY2021	850	1,951	310	368	174	141	50	30

MENGINSTITUSIKAN RANGKA KERJA PENGUKURAN PRESTASI (PMF) DI BSN

Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (PMF) BNM dihasilkan untuk menilai sumbangan Institusi Pembangunan Kewangan (IKP) secara lebih meluas melangkaui fokus terhad penunjuk pertumbuhan pembiayaan. Ia menawarkan IKP satu kaedah menyeluruh yang menunjukkan keberkesanan usaha pembangunan kewangan. Di BSN, pengukuran PMF telah bermula sebagai suatu pelaporan berkala kepada BNM (Pengawal Selia) mengenai pencapaian mandatnya. Namun, pada tahun 2021, kepentingan PMF telah dipertingkatkan menjadi alat perancangan strategik bagi menyelaraskan operasi perniagaan dan impak pembangunan.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan BSN merupakan barisan hadapan dalam memacu inisiatif bank untuk memastikan keberkesanan penyampaian mandat, rangkuman kewangan dan mengembangkan jangkauan perbankan. Pada tahun 2021, mereka telah meluluskan penggabungan penunjuk PMF ke dalam Kad Skor Korporat BSN yang seterusnya dijadikan KPI untuk pihak Pengurusan Kanan dan Pengurusan Pertengahan yang berkaitan. Jawatankuasa kerja rentas fungsi untuk PMF terus menambahbaik pengenalpastian, reka bentuk, pengukuran dan pelaporan impak pembangunan BSN. Salah satu inisiatif ialah pengumpulan data perniagaan mikro BSN melalui soal selidik atas talian untuk mewujudkan penunjuk *additionality* reka bentuk bagi pembiayaan dan khidmat nasihat mikro BSN. Jawatankuasa ini juga berusaha untuk meningkatkan pengumpulan data untuk penunjuk *additionality* kewangan sedia ada terutamanya bagi simpanan daripada belia dan segmen B40. Walau bagaimanapun, usaha ini dijangka akan diteruskan dengan lebih baik pada tahun hadapan dengan pelancaran *Enterprise Data Warehouse* yang dijangka akan beroperasi pada akhir tahun 2022.

INSTITUTIONALISING THE PERFORMANCE MEASUREMENT FRAMEWORK (PMF) IN BSN

BNM's Performance Measurement Framework (PMF) was designed to capture the broader contributions of Development Financial Institutions (DFIs) beyond the narrow focus of financing growth indicators. It offers DFIs a complementary method to showcase the effectiveness of their developmental efforts. In BSN, the PMF journey had begun as a periodic reporting to the regulator on our mandated achievements. However, in 2021, the prominence of the PMF was amplified to become a strategic planning tool to align business operations and developmental impact.

BSN's Board of Directors and Management are at the forefront in driving the bank's initiatives for efficient delivery of mandates, inclusion and expanding outreach. In 2021, they had approved the incorporation of PMF indicators in BSN's Corporate Scorecard which in turn are reflected in the KPIs of relevant senior and middle management. A cross-functional working committee for PMF continues to enhance the identification, design, measurement and reporting of developmental impacts of the Bank. One of the initiatives is the collection of data on micro businesses by way of online surveys to establish design additionality indicators of BSN's micro financing and advisory services. The committee also undertook to improve the data collection for existing financial additionality indicators particularly on deposits mobilised from youth and B40 segments. However, this effort will continue into the following year as the Bank awaits the launch of Enterprise Data Warehouse, expected to fully operate by end of 2022.

Bagi memastikan penglibatan dan sumbangan penuh kakitangan ke arah pencapaian obligasi mandat dan pembangunan BSN, kakitangan baharu akan diberi taklimat mengenai peranan yang dimandatkan semasa kursus induksi. Selain itu, kakitangan BSN juga dilengkapi dengan rangkaian persendirian maya (VPN) untuk memastikan tanggungjawab kerja serta khidmat sokongan kepada pelanggan tidak terjejas semasa pengaturan bekerja dari rumah dan waktu kerja anjal.

Akhir sekali, BSN sentiasa bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk menggalakkan serta memastikan PMF dapat dilaksanakan secara konsisten dan difahami oleh semua pihak. Laporan regulatori berkala iaitu Penyataan Niat Korporat (PNK) dan Keperluan Pendanaan Tahunan (KPT) dan laporan PMF menggariskan inisiatif strategik utama BSN dan penunjuk prestasi yang berkaitan. Laporan-laporan ini digunakan untuk mengukur prestasi BSN dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan menyokong mandat yang diamanahkan serta memaparkan hasil positif kepada segmen yang disasarkan. Sementara itu, penzahiran berkaitan pencapaian peranan pembangunan dan mandat telah dilaporkan dalam laporan tahunan BSN sejak tahun 2015.

MEREALISASIKAN PENYAMPAIAN *ADDITIONALITY*

Additionality ditakrifkan sebagai impak positif yang dikaitkan dengan IKP, melangkaui persekitaran komersial atau dipacu keuntungan semata-mata. Pada dasarnya, ia adalah nilai tambah IKP kepada segmen yang diberi perkhidmatan oleh IKP. Empat *Additionality* yang disampaikan ialah Kewangan, Reka bentuk, Demonstrasi dan Polisi seperti yang ditakrifkan di bawah:

Additionality	
Kewangan	Meningkatkan saiz pelaburan, menyediakan pembiayaan kitaran balas, bantuan teknikal dan khidmat nasihat untuk menyokong segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan yang tidak mendapat perkhidmatan serta rangkuman kewangan
Reka bentuk	Memperkukuh kesan pembangunan pelaburan melalui penggunaan ciri reka bentuk produk yang inovatif untuk mempertingkatkan kesejahteraan pelanggan dan meningkatkan limpahan positif contohnya pekerjaan baharu menjana pendapatan dan kenaikan taraf
Demonstrasi	Menunjukkan atau membangunkan potensi pertumbuhan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan demi menarik minat pembiayaan dan pelaburan sektor swasta
Dasar	Menyumbang ke arah penciptaan persekitaran yang membolehkan segmen sasaran berkembang dengan mempengaruhi reka bentuk dasar awam secara proaktif

Untuk pelaporan tahunan pada tahun ini, BSN akan mamaparkan penunjuk pembangunan *additionality* Kewangan dan Reka bentuk di dalam Rangka Kerja Pengukuran Prestasi BSN seperti di bawah.

To ensure staff's participation and contribution towards the achievement of the Bank's mandate and developmental obligations, new employees are briefed on the Bank's mandated role during induction. In addition, staff are equipped with virtual private network (VPN) connections to ensure work obligations, as well as support for customers, are not disrupted with work-from-home arrangements and flexi working hours.

Last, but not least, BSN continues to engage with both internal and external stakeholders on its PMF journey to promote and ensure consistent understanding among all parties. The regulatory reports i.e. the Statement of Corporate Intent (SCI) and Annual Funding Requirement (AFR) and the PMF reports submitted, outlines the Bank's key strategic initiatives undertaken and related performance indicators. These are used to gauge the performance of the Bank and ensure BSN's activities support the mandates entrusted to the Bank as well as showcase the positive outcomes of its interventions to the segments being served. Meanwhile, disclosure on developmental and mandated achievements have been reported in BSN's annual report since 2015.

ADDITIONALITY CREATION

An "additionality" is the positive impact attributable to DFIs which is delivered beyond a purely commercial or profit-driven environment. In essence, it is the DFIs' value-add to the segment in which they serve. The four additionalities are Financial, Design, Demonstration and Policy which are further defined as below:

Additionality	
Financial	Increasing the size of investment, providing counter-cyclical financing, technical assistance and advisory to support the underserved and unserved segments and financial inclusion
Design	Amplifying the development impact of investments through innovative use of product design features to enhance customers' welfare and increase positive spillovers e.g. new employment generated increase in income and upward migration
Demonstration	Demonstrate or develop the growth potential of underserved segments in order to crowd in private sector financing and investments
Policy	Contribute to the creation of an enabling environment for target segments to flourish by proactively influencing public policy design

For this year's annual reporting, BSN will disclose the following developmental indicators related to Financial and Design additionalities under BSN's Performance Measurement Framework.

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/YANG DIMANDATKAN
DEVELOPMENTAL/MANDATED ACHIEVEMENTS

***Additionality* Kewangan**	**Petunjuk**	**Prestasi untuk TK2021**	**Nota**
Rangkuman Kewangan – pusat akses di kawasan luar bandar	Akses kepada perkhidmatan perbankan bagi komuniti di luar bandar / pedalaman	Kawasan luar bandar / pedalaman di Malaysia mendapat perkhidmatan dari: – 179 cawangan BSN (45.9% daripada 390 jumlah cawangan) – 1,951 ejen perbankan (69.7% daripada jumlah 2,801 EB BSN) – 4 cawangan bank bergerak	Jumlah cawangan: 390 Jumlah EB BSN: 2,801
Pembiayaan yang diluluskan kepada isi rumah B40	Bilangan isi rumah B40 yang mendapat manfaat daripada pembiayaan BSN	Isi rumah B40 merangkumi 45.8% (>34,600) daripada jumlah kes yang diluluskan berjumlah RM2.56 bilion	Secara keseluruhan, isi rumah B40 merangkumi 55.2% (>242,100) daripada jumlah pembiayaan terkumpul setakat Disember 2021
Pembiayaan yang diluluskan kepada usahawan mikro	Pembiayaan kepada usahawan mikro yang terjejas dan yang sedang pulih daripada pandemik COVID-19	Pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM348.89 juta kepada lebih 13,500 usahawan mikro	
	Pembiayaan kepada perniagaan mikro baharu (beroperasi kurang daripada 3 tahun)	Pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM0.91 juta kepada 29 perniagaan mikro baharu	
Latihan untuk perniagaan mikro dan program celik kewangan	Pelanggan mikro yang mendapat manfaat daripada program latihan	160 pelanggan mikro telah dicalonkan untuk program latihan di bawah INSKEN, ADFIM dan AKPK	
	Bilangan individu yang mendapat manfaat daripada Program celik kewangan (khususnya program pelajar BSN) yang mana belia berumur 15-24 tahun	Lebih daripada 743,000 peserta, di mana >591,000 adalah dari golongan belia	

***Additionality* Kewangan**	**Petunjuk**	**Prestasi untuk TK2021**	**Nota**
Perkembangan usahawan mikro (di bawah program perintis Komuniti Mikro BSN (BMC) di 3 buah negeri)	Bilangan usahawan mikro dengan nilai jualan tahunan ≥RM300,000	>110 usahawan mikro telah melaporkan jualan tahunan RM300,000 dan ke atas	Program perintis BMC telah dilancarkan pada suku tahun ke-4 2021 di 3 buah negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Sarawak

Financial Additionality	Indicators	Performance for FYE2021	Notes
Financial inclusion – Touch points in rural areas	Access to banking services for rural / remote communities	Rural / suburban areas in Malaysia are serviced by: – 179 BSN branches (45.9% of 390 total branches) – 1,951 banking agents (69.7% of total 2,801 EB BSN) – 4 mobile bank branches *(cawangan bank bergerak)*	Total branches: 390 Total EB BSN: 2,801
Financing approved to B40 households	Number of B40 households benefiting from BSN financing	B40s comprises 45.8% (>34,600) of total cases approved amounting to RM2.56 billion	Overall B40s comprise 55.2% (>242,100) of total financing outstanding as at December 2021
Approved financing to Microenterprises	Financing micro enterprises affected by, and recovering from, COVID-19 pandemic	RM348.89 million approved financing to more than 13,500 micro enterprises	
	Financing to new micro businesses (in operation for less than 3 years)	RM0.91 million approved financing to 29 new micro businesses	
Training for micro businesses and financial literacy programs	Micro finance customers benefiting from training programmes	160 micro customers were nominated for training programmes under INSKEN, ADFIM and AKPK	
	Number of individuals benefiting from Financial literacy programmes (mainly from BSN student programmes) of which youth aged 15-24 years old	More than 743,000 participants, of which >591,000 are youths	

Design Additionality	Indicators	Performance for FYE2021	Notes
Graduation of micro enterprises (under BSN Micro Community (BMC) pilot programme in 3 states	Number of micro enterprises with annual sales ≥RM300,000	>110 micro enterprises have reported annual sales of RM300,000 and above	The BMC pilot programme was launched in Q4 2021 in 3 states i.e. Kedah, Kelantan and Sarawak

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/YANG DIMANDATKAN
DEVELOPMENTAL/MANDATED ACHIEVEMENTS

BERKOLABORASI DENGAN KERAJAAN

Sebagai sebuah agensi yang diberi mandat untuk melaksanakan usaha pembangunan Kerajaan, BSN telah diamanahkan untuk melancarkan beberapa skim pembiayaan bagi membantu rakyat Malaysia, khususnya perniagaan mikro yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Jadual berikut menunjukkan prestasi skim pembiayaan / pinjaman yang dibiayai oleh Kerajaan dan disalurkan melalui BSN pada tahun 2021.

			Prestasi pada 31 Disember 2021	
Skim Pembiayaan	**Tujuan**	**Saiz geran pada 31 Disember 2021**	**Pembiayaan terkumpul**	**Bilangan peminjam yang mendapat bantuan**[1]
Skim Pembiayaan Perusahaan Kecil Komuniti Cina	Pembiayaan mikro untuk usahawan kecil komuniti Cina	RM150 juta	RM96.1 juta	3,730
BSN Micro Cents	Pembiayaan perniagaan mikro kepada peniaga bangsa Cina yang terjejas dan yang sedang pulih daripada pandemik COVID-19 dan Perintah Larangan Pergerakan	RM90 juta	RM89.2 juta	3,009
Pakej Rangsangan Kredit Mikro – PRIHATIN – PENJANA – PEMERKASA	Pembiayaan kepada perniagaan mikro yang terjejas dan yang sedang pulih daripada pandemik COVID-19 dan Perintah Larangan Pergerakan	RM800 juta	PRIHATIN: RM316.7 juta PENJANA: RM388.2 juta PEMERKASA: RM155.4 juta	PRIHATIN: 11,379 PENJANA: 12,689 PEMERKASA: 6,843
Skim Khas Rumah Pekerja Estet (SKRE)	Skim pembiayaan perumahan untuk pekerja estet bagi pembelian rumah pertama mereka	RM50 juta	RM19.6 juta	282

[1] berdasarkan kepada pembiayaan yang dibayar

COLLABORATION WITH THE GOVERNMENT

As an agency mandated to carry out Government's developmental efforts, BSN has been entrusted to roll out financing to help Malaysians, particularly micro businesses affected by the spread of COVID-19 pandemic. The following table shows the performance of Government-led financing schemes channelled through BSN.

			Performance as at 31 December 2021	
Financing Scheme	**Purpose**	**Grant size as at 31 December 2021**	**Financing outstanding**	**Number of borrowers assisted[1]**
Skim Pembiayaan Perusahaan Kecil Komuniti Cina	Microfinancing for small entrepreneurs in the Chinese community	RM150 million	RM96.1 million	3,730
BSN Micro Cents	Financing for Chinese-owned micro businesses affected by, and recovering from, the COVID-19 pandemic and restricted movements	RM90 million	RM89.2 million	3,009
Micro Credit Stimulus Package – PRIHATIN – PENJANA – PEMERKASA	Financing to micro businesses affected by, and recovering from, the COVID-19 pandemic and restricted movements	RM800 million	PRIHATIN: RM316.7 million PENJANA: RM388.2 million PEMERKASA: RM155.4 million	PRIHATIN: 11,379 PENJANA: 12,689 PEMERKASA: 6,843
Skim Khas Rumah Pekerja Estet (SKRE)	Mortgage financing scheme for estate workers to purchase their first home	RM50 million	RM19.6 million	282

[1] Based on financing disbursed

TINJAUAN STRATEGIK
STRATEGIC OUTLOOK

2021 MERUPAKAN TAHUN PEMULIHAN

Tahun 2021 menunjukkan peralihan fasa yang lebih baik. Ketika ekonomi dan masyarakat mengadaptasi dengan realiti baharu disebabkan pandemik COVID-19 yang berterusan dan vaksinasi global, langkah-langkah pembendungan telah dilonggarkan dan keadaan menjadi semakin normal. Pembukaan semula ekonomi domestik dan perdagangan antarabangsa membawa kepada pertumbuhan ekonomi global sebanyak 5.9% pada 2021, menurut anggaran IMF.

Di peringkat nasional, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021. Hal ini menandakan pemulihan ketara berbanding penurunan mendadak sebanyak -5.6% pada 2020. Pemulihan dalam ekonomi Malaysia disokong oleh pelonggaran sekatan pergerakan secara beransur-ansur, rangsangan kerajaan yang berterusan dan persekitaran kadar faedah yang rendah. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah tidak sekata pada tahun lalu. Ekonomi berkembang dengan kukuh pada separuh pertama 2021, tetapi momentum menjadi lemah pada separuh kedua tahun lalu disebabkan oleh peningkatan jangkitan COVID-19 dan gangguan kepada rantaian bekalan global.

Namun begitu, pertumbuhan ekonomi domestik terus meningkat hasil dari pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), dan pelaksanaan Pelan Pemulihan Nasional, yang mempercepatkan pembukaan semula kebanyakan sektor ekonomi. Hasil daripada langkah-langkah ini, kedua-dua aktiviti pembuatan dan perdagangan kekal kukuh walaupun berhadapan dengan cabaran.

Negara ini juga mendapat manfaat daripada pemulihan harga komoditi dan tenaga berikutan permintaan yang semakin pulih, walaupun berhadapan dengan kebimbangan disebabkan kemunculan varian Omicron. Pemulihan yang meluas menyaksikan pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi utama, dengan sektor perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan masing-masing meningkat sebanyak 1.9%, 9.5% dan 0.3%. Dari segi perbelanjaan, pertumbuhan didorong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah dan aktiviti perdagangan berikutan permintaan yang mendadak.

PROSPEK YANG LEBIH KUKUH UNTUK 2022

Pemulihan dijangka berterusan pada 2022, sejajar dengan penyambungan semula aktiviti ekonomi dan sokongan dasar yang berterusan. KDNK Malaysia diunjurkan meningkat antara 5.3% dan 6.3%, didorong oleh pemulihan permintaan pengguna dan industri global serta perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi. Penggunaan swasta, yang menyumbang hampir 60% daripada KDNK Malaysia, dijangka meningkat sebanyak 9.0%. Peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah akan disokong, terutamanya oleh pemulihan dalam pendapatan dan pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi juga akan didorong oleh langkah-langkah rangsangan di bawah Bajet 2022 sebanyak RM332.1 bilion, yang merupakan bajet persekutuan terbesar dalam sejarah. Sebahagian besar jumlah itu diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan, serta perbelanjaan yang disasarkan bagi mempercepatkan pemulihan Malaysia akibat pandemik. Pemulihan dalam penggunaan domestik dan aktiviti perniagaan akan menyokong prospek pekerjaan negara, dengan kadar pengangguran Malaysia diunjurkan menurun kepada 4% pada 2022.

2021 WAS A YEAR OF RECOVERY

2021 was marked by a broad recovery. As economies and societies adapted to the new realities of the ongoing COVID-19 pandemic and global vaccination, containment measures were eased and a higher degree of normalcy was restored. The reopening of domestic economies and international trade led to global economic growth of 5.9% in 2021, according to IMF estimates.

At national level, Malaysian economy rebounded, growing by 3.1% in 2021, which marked a major turnaround from the steep decline of -5.6% in 2020. The rebound in Malaysia's economy was underpinned by the gradual easing of movement restrictions, continued government stimulus and the low interest rate environment. However, the pace of the recovery was uneven during the year. The economy grew strongly in the first half of 2021, but momentum weakened in the second half of the year, weighed down by increasing COVID-19 infections and disruptions to global supply chains.

Nonetheless, domestic economic growth was sustained by the successful rollout of the National COVID-19 Immunisation Programme (PICK), and the implementation of the National Recovery Plan, which accelerated the reopening of most economic sectors. As a result of these measures, both manufacturing and trade activity remained strong despite the challenges.

The country also benefited from the rebound in commodity and energy prices on the back of recovering demand, despite concerns stemming from the emergence of the Omicron variant. The broad recovery saw growth in all major economic sectors, with the services, manufacturing and mining sectors expanding by 1.9%, 9.5% and 0.3% respectively. On the expenditure side, growth was driven mainly by the improvement in household spending and trade activity due to the release of pent-up demand.

STRONGER PROSPECTS FOR 2022

The recovery is set to continue in 2022, in line with the resumption of economic activity and continued policy support. Malaysia's GDP is projected to grow between 5.3% and 6.3%, driven by the rebound in global consumer and industrial demand and by higher private sector expenditure. Private consumption, which accounts for almost 60% of Malaysia's GDP, is expected to grow by 9.0%. The rise in household spending will be supported, primarily, by the recovery in income and employment. The economic expansion will also be driven by stimulus measures under Budget 2022. At RM332.1 billion, it is the largest-ever federal budget and includes a record-high allocation for development expenditure, as well as targeted spending to accelerate Malaysia's recovery from the pandemic. The recovery in domestic consumption and business activity will support the country's employment outlook, with Malaysia's unemployment rate projected to decline to 4% in 2022.

Walau bagaimanapun, pemulihan tertakluk kepada risiko berterusan daripada kemunculan varian baharu COVID-19, ketidakstabilan dalam pasaran kewangan global, gangguan rantaian bekalan yang berpanjangan dan ketidaktentuan geopolitik. Peningkatan risiko geo-politik yang berpunca dari konflik Rusia-Ukraine akan memberi kesan kepada Malaysia menerusi peningkatan ketidakstabilan dalam pasaran kewangan dan komoditi global. Dijangkakan mata wang ringgit akan terus menghadapi tekanan menurun berbanding dolar AS kerana pelabur lebih mengelak risiko dan mengurangkan pendedahan mereka kepada pasaran memuncul. Mata wang Malaysia juga menghadapi tekanan daripada kenaikan kadar faedah AS. Dari segi komoditi, harga minyak terus didorong oleh permintaan tenaga yang berdaya tahan dan ketegangan geopolitik yang meningkat, yang boleh mengakibatkan gangguan bekalan dan mengancam kapasiti pengeluaran global. Kenaikan harga tenaga dan pemulihan dalam komoditi utama telah menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi di peringkat global, dan menimbulkan kebimbangan dalam pemulihan ekonomi global.

Di Malaysia, purata inflasi bagi 2022 dijangka kekal sederhana antara 2.2%-3.2% disebabkan oleh kesan asas daripada inflasi bahan api semakin berkurangan. Inflasi utama dijangka meningkat antara 2.0%-3.0%, seiring dengan perubahan aktiviti ekonomi terhadap persekitaran kos input yang tinggi.

Tekanan inflasi yang meningkat menyebabkan BNM menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dengan kadar faedah terkumpul sebanyak 75 mata asas (bps) kepada 2.50%, yang menandakan permulaan normalisasi kadar dasar. Ekonomi domestik terus kukuh dan terdapat potensi untuk kenaikan 25bps lagi kepada 2.75% dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada November 2022. Kenaikan OPR akan meningkatkan margin faedah bersih merentasi sektor perbankan dan membantu mengimbangi kesan negatif daripada cukai yang lebih tinggi di bawah Cukai Makmur ke atas syarikat yang memperoleh pendapatan lebih daripada RM100 juta. Selain itu, pengetatan dasar monetari dijangka akan mengurangkan kesan inflasi daripada ketidakstabilan harga komoditi dan gangguan rantaian bekalan.

Sektor perbankan Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih kukuh pada 2021, dengan pembiayaan perumahan, peribadi dan sewa beli kenderaan penumpang masing-masing merekodkan pertumbuhan tahun-ke-tahun sebanyak 6.8%, 0.7% dan 1.2% pada 2021, menurut Buletin Statistik BNM. Berdasarkan momentum ini, sistem perbankan Malaysia dijangka kekal stabil dan menyaksikan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi sebanyak 5.4% hingga 6.4% pada 2022, yang dipacu oleh permintaan daripada perniagaan dan pengguna.

The strength of the recovery, however, is subject to the continued risks from the emergence of new variants of COVID-19, volatility in global financial markets, prolonged supply chain disruptions and geopolitical uncertainties. Heightened geo-political risks centred on the Russia-Ukraine conflict will impact Malaysia through increased volatility in global financial and commodities markets. It is anticipated that the ringgit will continue to face downwards pressure against the US dollar as investors became more risk-averse and reduce their exposure to emerging markets. The Malaysian currency also faces additional pressure from the rise in US interest rates. On the commodities front, oil prices continue to be fuelled by resilient energy demand and heightened geopolitical tensions, which may result in supply disruptions and threaten global production capacity. Rising energy prices and the broad rebound across key commodities have contributed to higher inflation globally, and led to concerns about the strength of the global economic recovery.

At Malaysian level, average headline inflation for 2022 is likely to remain moderate at between 2.2%-3.2% as the base effect of fuel inflation dissipates. Core inflation appears to edge higher between 2.0%-3.0%, as economic activity adapts to the environment of high input costs.

Rising inflationary pressure led BNM to raise its Overnight Policy Rate (OPR) by a cumulative interest rate of 75bps to 2.50%, marking the start of rate normalisation. There is potential for a further 25bps hike to 2.75% in the November 2022 Monetary Policy Committee (MPC) meeting, as the domestic economy continues to strengthen. The OPR hike will expand net interest margins across the banking sector and help to offset the negative impact from higher taxation under the Cukai Makmur on companies earning more than RM100 million. Additionally, the tightening of monetary policy is likely to mitigate the inflationary impact of commodity price volatility and supply chain disruptions.

The Malaysian banking sector delivered a stronger performance in 2021, with mortgages, personal financing and passenger hire purchase recording year-on-year growth of 6.8%, 0.7% and 1.2% respectively in 2021, according to BNM's Statistical Bulletin. Building on this momentum, the Malaysian banking system is expected to remain stable and to see higher loan growth in 2022 at 5.4% to 6.4%, driven by demand from both businesses and consumers.

TINJAUAN STRATEGIK
STRATEGIC OUTLOOK

Ekonomi yang semakin kukuh dan kadar faedah yang menguntungkan dijangka mendorong permintaan untuk pembiayaan peribadi. Selain itu, kadar faedah menarik yang ditawarkan oleh bank pada kad kredit boleh meningkatkan penggunaan pendahuluan tunai atau perkhidmatan tunai mudah di kalangan pengguna. Kenaikan harga emas yang berterusan juga menggalakkan pengguna mendapatkan wang hasil dari pelaburan emas mereka untuk membiayai perbelanjaan peribadi. Selain daripada itu, perubahan keutamaan di kalangan pengguna dan tekanan inflasi akan menyaksikan peningkatan dalam permintaan untuk pembiayaan peribadi yang berkaitan dengan pengubahsuaian rumah dan pembiayaan semula perumahan.

Pasaran hartanah kediaman menunjukkan pemulihan pada 2021. Menurut Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), pasaran hartanah kediaman merekodkan transaksi sebanyak 198,812 unit, bernilai RM76.90 bilion pada 2021. Ini menandakan peningkatan jumlah unit sebanyak 3.9% dan 16.7% dalam nilai berbanding 2020. Pemulihan dalam pasaran hartanah Malaysia diunjurkan berterusan pada 2022, dengan permintaan menjurus kepada perumahan mampu milik, yang merupakan petanda baik untuk pertumbuhan pasaran sasaran BSN. BSN berhasrat untuk memanfaatkan pemulihan pasaran hartanah pada 2022 dengan melancarkan Skim Rumah Pertamaku (SRP) untuk membiayai pembelian rumah pertama.

Pertumbuhan dalam pasaran hartanah kediaman akan turut disokong oleh peningkatan dalam sentimen pengguna. Peningkatan jaminan pekerjaan yang dikaitkan dengan pemulihan pasaran buruh merupakan komponen penting untuk menarik minat dalam pasaran hartanah disebabkan pembeli semakin yakin dalam membuat pembelian aset bernilai tinggi.

Tinjauan hartanah juga telah dipengaruhi oleh peralihan sikap rakyat Malaysia terhadap pasaran kediaman akibat dari pandemik COVID-19. Kajian Sentimen Pengguna PropertyGuru Malaysia separuh tahun kedua 2021 mendapati bahawa 73% rakyat Malaysia yang ditinjau ingin mengubah keadaan rumah mereka selepas menghabiskan lebih banyak masa di rumah akibat daripada pandemik. Keputusannya hampir sama antara mereka yang ingin mengubah suai atau membuat semula rumah mereka (38%) dan mereka yang mula berfikir lebih lanjut untuk memiliki rumah atau berpindah dari lokasi semasa mereka (35%). Kajian ini juga mendapati tahap minat yang tinggi terhadap pemilikan rumah, iaitu 4 daripada 5 rakyat Malaysia yang ditinjau berhasrat untuk membeli hartanah di Malaysia pada masa hadapan. Perkembangan ini akan memanfaatkan perniagaan pembiayaan peribadi dan pinjaman perumahan BSN. Walau bagaimanapun, permintaan untuk hartanah akan terjejas jika tekanan inflasi terus meningkat, lalu memberi kesan negatif kepada kuasa beli perbelanjaan pengguna. Peningkatan OPR akan memberi kesan mendadak kepada bakal pembeli rumah, terutamanya pembeli kali pertama, sekali gus mengurangkan pertumbuhan pinjaman untuk bank.

Sektor automotif Malaysia menyaksikan prestasi bercampur pada 2021. Segmen kenderaan komersial mencatatkan pertumbuhan sebanyak 15.9% sehingga mencecah 56,248 unit, apabila syarikat-syarikat melabur dalam jangkaan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, segmen kenderaan penumpang mencatatkan jualan yang lebih rendah dan merosot sebanyak 28,308 unit

The strengthening economy and a favourable interest rates are expected to support growth in demand for personal financing. On the other hand, attractive interest rates offered by banks on credit cards could see consumers increase utilisation of cash advances or easy cash services. Continued strength in the gold price may also see consumers cashing out their gold investments to fund personal spending. Additionally, changing consumer preferences and inflationary pressure may see an increase in demand for personal financing related to home renovation and mortgage refinancing.

The residential property market saw a rebound in 2021. According to the National Property Information Centre (NAPIC), the residential properties market recorded 198,812 units, worth RM76.90 billion transaction in 2021. This marked an increase of 3.9% in volume and 16.7% in value compared to 2020. The recovery in Malaysia's property market is projected to continue in 2022, with demand skewed toward affordable housing, which bodes well for the growth of BSN's target market. BSN intends to capitalise on the property market recovery in 2022 by launching Skim Rumah Pertamaku (SRP) to finance the purchase of first homes.

The growth in the residential property market will be underpinned by the improvement in consumer sentiment. The increased sense of job security associated with the labour market recovery has been a critical component contributing to the recovery of interest in the property market, as buyers become increasingly confident in making big-ticket purchases.

The property outlook has also been influenced by shifts in Malaysians' attitude to the residential market as a result of the COVID-19 pandemic. The PropertyGuru Malaysia Consumer Sentiment Study 2H 2021 found that 73% of Malaysians surveyed are looking to change their home situation after spending more time at home due to the pandemic. The result was almost evenly split between those wanting to renovate or repurpose their home (38%) and those starting to think more about owning a home or moving out of their current location (35%). The study also found continued high levels of interest in home ownership, with 4 out 5 Malaysians surveyed intending to buy properties in Malaysia in the future. This development will continue to benefit BSN's personal financing and home loan businesses. However, demand for property may be negatively affected if inflationary pressure continues to grow, impacting consumers' spending power. A hike in the OPR would have a knee-jerk effect on potential house buyers, particularly on first-time buyers, thus weighing down the loan growth for banks.

Malaysia's automotive sector saw a mixed performance in 2021. The commercial vehicles segment registered growth of 15.9%, to hit 56,248 units, as companies invested in anticipation of an economic rebound. However, the passenger vehicles segment registered lower sales, declining by 28,308 units or 5.9%, with total sales of 452,663 units for the year. The automotive market is projected to strengthen in 2022, with the Malaysian Automotive Association (MAA) forecasting total industry volume (TIV) to 630,000 units, marking an 23.8% increase from the 508,911 units in 2021. TIV growth in 1H 2022 will be mainly driven by the sales and service tax exemption, coupled with the impact from the easing of movement restrictions which has revitalised the atau 5.9%, dengan jumlah jualan sebanyak 452,663 unit bagi tahun tersebut. Pasaran automotif dijangka akan terus mengukuh pada 2022. Persatuan Automotif Malaysia (MAA) meramalkan jumlah keseluruhan industri (TIV) kepada 630,000 unit, menandakan peningkatan sebanyak 23.8% daripada 508,911 unit pada 2021. Pertumbuhan TIV pada separuh tahun pertama 2022 akan didorong terutamanya oleh pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan, ditambah pula dengan kesan daripada pelonggaran sekatan pergerakan yang telah menggiatkan semula sektor pelancongan domestik. Perancangan keluaran model baharu yang mantap dijangka dapat mengekalkan minat pengguna untuk membeli kereta baharu. BSN memperkenalkan produk baharu, seperti pembiayaan sewa beli dengan kadar terapung untuk meningkatkan tawaran bagi pendekatan jualan yang lebih bersasar. Risiko utama kepada jangkaan peningkatan jualan kenderaan ialah kekurangan cip semikonduktor global yang berterusan, yang akan mengehadkan pengeluaran automotif. Di peringkat domestik, terdapat juga risiko bank untuk mengetatkan kelulusan pinjaman kereta. Kadar OPR yang lebih tinggi juga akan menyebabkan kos pembiayaan kereta yang lebih tinggi. Akibatnya, bank akan menjadi lebih berhati-hati dan memerlukan pemohon membuktikan sejarah kredit yang kukuh dan pekerjaan yang bergaji lumayan.

KESEDIAAN BSN UNTUK MENYOKONG PEMULIHAN

Tatkala kita kekal menyedari akan risiko daripada COVID-19, program vaksinasi Malaysia yang sangat berkesan, peralihan kepada fasa endemik COVID-19 dan penyesuaian yang dibuat oleh perniagaan dan masyarakat kepada keadaan pandemik telah meletakkan BSN pada kedudukan yang baik untuk menangani sebarang ketidakstabilan daripada kebangkitan semula COVID-19.

Salah satu impak positif yang berkekalan dari pandemik ialah perkembangan pendigitalan merentasi semua bidang ekonomi. Industri kewangan sendiri sedang membentuk semula dengan pesat oleh pertumbuhan perbankan internet, sistem pembayaran dalam talian, e-dagang dan kebangkitan syarikat FinTech, menerusi perubahan landskap kewangan Malaysia yang lebih dinamik dengan pelancaran lima bank digital pada 2022. Ketika kita mengharungi landskap perniagaan dan ekonomi yang berkembang, BSN akan terus menyokong teknologi digital untuk mempercepatkan pengembangan perkhidmatan perbankan kami di seluruh negara. Inisiatif khusus yang telah kami laksanakan dalam bidang digital dibincangkan secara terperinci dalam kenyataan Pengerusi.

Di sebalik cabaran yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia, perjalanan tahun hadapan kelihatan cerah untuk ekonomi negara dan BSN di mana kami berusaha untuk melaksanakan mandat kami. Meningkatkan rangkuman kewangan adalah salah satu tonggak utama pelan strategik lima tahun BSN (2022-2026). Pelan strategik kami “Melangkah Ke Hadapan. Bersama-sama.” meletakkan komitmen kami kepada tindakan, seterusnya menyediakan kami untuk menangani persekitaran operasi yang berubah dengan pantas pada ketika kami berusaha untuk menyediakan perkhidmatan di 100% mukim di Malaysia, mengembangkan operasi perbankan digital dan memantapkan kepimpinan kami dalam kewangan mikro, antara yang lain.

domestic travel sector. The robust new model pipeline is expected to continue, keeping consumers interested in purchasing new cars. In order to broaden offering for a targeted sales approach, BSN introduced new products like floating rate hire purchase. The key risk to the anticipated rise in vehicle sales is the continued global shortage of semiconductor chips, which has impeded the recovery of automotive production. On the domestic front, there is also the risk of banks tightening approvals for car loans. A higher OPR will translate into higher cost of financing for car purchases. Consequently, banks will likely turn more cautious, requiring applicants to prove a strong credit history and well-paying job.

POSITIONING BSN TO SUPPORT THE RECOVERY

While we remain cognisant of the risk from COVID-19, Malaysia’s highly-effective vaccination programme, the shift to the endemic phase of COVID-19 and the adaptations made by businesses and society to the pandemic conditions have positioned BSN well to manage any rise in volatility from a resurgence of COVID-19.

One of the lasting legacies of the pandemic is the accelerated pace of digitalisation across all areas of the economy. The financial industry itself is rapidly being reshaped by the growth of internet banking, online payment systems, e-commerce and the rise of the FinTech companies, with the Malaysian financial landscape set for a further shake-up with the launch of five purely digital banks in 2022. As we navigate the evolving business and economic landscape, BSN will continue to embrace digital technology to accelerate the expansion our banking services nationwide. The specific initiatives that we have undertaken on the digital front are discussed in detail in the Chairman’s statement.

Despite the challenges that the Malaysian economy faces, the year ahead looks promising for the national economy and for BSN as we work to deliver on our mandate. Increasing financial inclusion is one of the key pillars of BSN's five-year strategic plan (2022-2026). Our "Step Forward. Together." strategic plan, which puts our commitment into action, positions us to navigate the rapidly changing operating environment as we seek to establish a presence in 100% of Malaysia's mukims, expand our digital banking operations, and establish our leadership in microfinance, among others.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

1 KEMPEN 'BELANJA, TAP & MENANG DENGAN KAD DEBIT BSN'

12 JANUARI 2021, WISMA BSN, JALAN AMPANG

BSN telah menyampaikan hadiah kepada pemenang Kempen 'BELANJA, TAP & MENANG DENGAN KAD DEBIT BSN' iaitu Dr. Aimi Syahirah Binti Azmi, 27, doktor yang berasal dari Bestari Jaya, Selangor. Beliau merupakan pemenang hadiah utama bagi kempen ini dan telah memandu pulang sebuah kereta Perodua Aruz.

Seramai 2,020 orang pemenang telah dipilih untuk kempen ini. Selain daripada hadiah utama, Ahli Kad BSN juga turut membawa pulang hadiah bulanan menarik sepanjang tempoh kempen berlangsung.

'SHOP, TAP & WIN WITH BSN DEBIT CARD' CAMPAIGN

12 JANUARY 2021, WISMA BSN, JALAN AMPANG

BSN presented prizes to the winners of the 'SHOP, TAP & WIN WITH BSN DEBIT CARD' Campaign. Dr. Aimi Syahirah Binti Azmi, 27, a doctor from Bestari Jaya, Selangor was the grand prize winner for the campaign and drove home a Perodua Aruz.

A total of 2,020 winners were selected for the campaign. Apart from the main prizes, BSN Cardmembers also took home attractive monthly prizes throughout the campaign period.

2 SUMBANGAN IKHLAS BERSEMPENA PROGRAM *'SSP CARE FOR SABAH'*

13 JANUARI 2021, JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH, KOTA KINABALU, SABAH

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), BSN Care, telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM90,000 dalam bentuk BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) kepada 900 petugas barisan hadapan di enam (6) buah hospital awam terpilih di Sabah.

'Program *SSP Care for Sabah*' ini diadakan bertujuan untuk menghargai khidmat serta pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi gelombang ketiga penularan pandemik COVID-19 di Sabah. Petugas barisan hadapan di setiap hospital terpilih menerima sumbangan berbentuk BSN SSP bernilai RM100.

CONTRIBUTIONS IN CONJUNCTION WITH 'SSP CARE FOR SABAH' PROGRAMME

13 JANUARY 2021, SABAH STATE HEALTH DEPARTMENT, KOTA KINABALU, SABAH

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, presented a contribution of RM90,000 in the form of BSN Premium Savings Certificates (BSN SSP) to 900 frontliners at six (6) selected public hospitals in Sabah.

The 'SSP Care for Sabah programme' was held in appreciation of the services and sacrifices of the frontliners who had worked hard to fight the third wave of the COVID-19 pandemic in Sabah. Frontliners at each selected hospital received a contribution in the form of BSN SSP worth RM100.



3 SUMBANGAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA ANJUNG SINGGAH YKN KUALA LUMPUR

22 JANUARI 2021, ANJUNG SINGGAH YKN, KUALA LUMPUR

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), BSN Care, telah mengadakan penyerahan sumbangan barangan keperluan harian kepada wakil dari Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Kuala Lumpur. Sumbangan yang disampaikan adalah berupa barangan kelengkapan dan keperluan fasiliti Anjung Singgah seperti kipas, pelitup muka, pembersih tangan, telekung, set cadar, set peralatan mandian dan lain-lain.

CONTRIBUTION OF ESSENTIAL GOODS TO ANJUNG SINGGAH YKN KUALA LUMPUR

22 JANUARY 2021, ANJUNG SINGGAH YKN, KUALA LUMPUR

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, handed over donations of daily necessities to representatives from Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Kuala Lumpur. The donations were in the form of equipment and facilities such as fans, face masks, hand sanitizers, *telekung*, sheets, sets of toiletries and others.

4 LAWATAN MENTERI KEWANGAN MALAYSIA KE CAWANGAN BSN SEMPENA PENUNAIAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) 2.0 FASA 2

26 JANUARI 2021, CAWANGAN BSN TAMAN SRI SERDANG & CPI BSN BANDAR BARU BANGI

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia telah mengadakan lawatan ke Cawangan BSN Taman Sri Serdang dan Cawangan Perbankan Islam (CPI) BSN Bandar Baru Bangi bagi menyaksikan operasi dan proses penunaian Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Fasa 2. Beliau turut berkesempatan untuk beramah mesra dengan para pelanggan yang menunggu giliran.

VISIT BY THE MINISTER OF FINANCE MALAYSIA TO BSN BRANCH IN CONJUNCTION WITH THE FULFILMENT OF BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) 2.0 PHASE 2

26 JANUARY 2021, BSN TAMAN SRI SERDANG & BSN BANDAR BARU BANGI BRANCH

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia visited the BSN Taman Sri Serdang Branch and BSN Bandar Baru Bangi Islamic Banking Branch (CPI) to witness the operations and fulfilment process for Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Phase 2. He also had the opportunity to mingle with customers who were waiting in line.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

5 JOM *TO SCHOOL SPECTACULAR*

27 JANUARI 2021, DI SELURUH MALAYSIA

Seramai 2,000 pelajar kurang berkemampuan dari seluruh negara telah menerima bantuan persiapan persekolahan melalui program *'Jom To School Spectacular'* (JTS *Spectacular*). Program ini dijalankan secara berperingkat bermula pada bulan Disember 2020 melibatkan seramai 100 hingga 250 orang pelajar dari setiap negeri. Para pelajar terpilih menerima pemeriksaan mata dan cermin mata percuma bernilai RM150 daripada pakar optometri yang dilantik oleh BSN, beg sekolah *BSN Care* serta sumbangan RM50 didepositkan ke akaun BSN pelajar.

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini dijalankan menerusi jenama CSR BSN, *BSN Care* yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar kurang berkemampuan membuat persiapan persekolahan.

Bantuan cermin mata ini diharapkan dapat membantu pelajar mengikuti proses pembelajaran dengan lebih baik dan selesa terutamanya apabila perlu berinteraksi menerusi skrin komputer setiap hari.

JOM TO SCHOOL SPECTACULAR

27 JANUARY 2021, THROUGHOUT MALAYSIA

A total of 2,000 underprivileged students from all over the country received school preparation assistance through the 'Jom To School Spectacular' (JTS Spectacular) programme. The programme was conducted in stages starting from December 2020 involving a total of 100 to 250 students from each state. Selected students received free eye checks and spectacles worth RM150 from optometrists appointed by BSN, a BSN Care school bag and a contribution of RM50 which is deposited into the students' BSN account.

This Corporate Social Responsibility (CSR) initiative is carried out through BSN's CSR brand, BSN Care which aims to help underprivileged students prepare for school.

It is hoped the glasses will be useful in helping the students better follow the learning process and more comfortably, especially as they need to use a computer screen every day.

6 BSN HULUR RM50,000 BANTUAN BANJIR

9 FEBRUARI 2021, NEGERI JOHOR, PAHANG, KELANTAN, TERENGGANU & PERAK

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), *BSN Care*, telah menyediakan dan menyampaikan bantuan khas dalam bentuk bekalan makanan berjumlah RM50,000 bagi meringankan beban mangsa bencana banjir yang telah melanda di beberapa buah negeri.

Bantuan telah diagihkan kepada 500 buah keluarga di Negeri Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perak. Penyerahan bantuan ini telah diadakan dengan mengikut garis panduan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa tempatan. Bantuan ini diharapkan dapat membantu kelangsungan hidup mereka pasca-bencana banjir.

BSN DONATES RM50,000 FOR FLOOD AID

9 FEBRUARY 2021, STATES OF JOHOR, PAHANG, KELANTAN, TERENGGANU & PERAK

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, provided and delivered special assistance in the form of food supplies amounting to RM50,000 to alleviate the burden of victims who were affected by the flood in several states.

500 families in Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu and Perak received the food supplies. The handover of supplies was done in accordance with the SOP guidelines set by the government and local authorities. It is hoped that the assistance will help the victims rebuild their lives after the flood.

7 MAJLIS PELANCARAN MEDIA BSN TAKAFUL SAKINAH

7 MEI 2021, KLCC CONVENTION CENTRE

BSN dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), pengendali takaful utama di Malaysia telah melancarkan pelan perlindungan baharu, BSN Takaful Sakinah. Diperkenalkan sebagai 'Pelan Perlindungan Pertama', BSN dan PruBSN bekerjasama untuk menyediakan pelan perlindungan yang mampu milik dengan akses mudah untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia mengurangkan beban kewangan pada waktu mereka memerlukannya.

BSN TAKAFUL SAKINAH MEDIA LAUNCH CEREMONY

7 MAY 2021, KL CONVENTION CENTER

BSN and Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), the leading takaful operators in Malaysia launched a new protection plan, BSN Takaful Sakinah. Introduced as a 'First Protection Plan', BSN and PruBSN are working together to offer affordable protection plans with easy access to help more Malaysians reduce their financial burden when they need it.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

8 MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN CAWANGAN BANK BERGERAK (CBB) BSN

10 MEI 2021, KUCHING, SARAWAK

Kerajaan Negeri Sarawak telah melancarkan perkhidmatan Cawangan Bank Bergerak (CBB) BSN yang menyediakan perkhidmatan perbankan bagi pelanggan di kawasan pedalaman Sarawak.

CBB BSN ini merupakan sebuah kenderaan lori berkapasiti 3 tan yang telah diubah suai bagi menempatkan (1) unit ATM dan dua (2) kaunter pelanggan yang mengguna pakai terminal POS Ejen Bank (EB). Perkhidmatan yang disediakan adalah pembukaan akaun dengan kad ATM, deposit tunai, pengeluaran tunai, pemindahan wang, pembelian BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP), tambah nilai, pembayaran tanpa tunai dan pembayaran bil.

Melalui perkhidmatan CBB BSN ini diharapkan dapat memenuhi keperluan perbankan masyarakat di kawasan pedalaman Sarawak terutamanya para penduduk di daerah Sungai Asap dan Sebauh seiring dengan visi BSN iaitu ‘Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan’.

BSN MOBILE BANKING BRANCH (CBB) SERVICE LAUNCHING CEREMONY

10 MAY 2021, KUCHING, SARAWAK

The Sarawak State Government launched the BSN Mobile Banking Branch (CBB) service which provides banking services for customers in rural Sarawak.

BSN’s CBB is 3-ton lorry that has been modified to accommodate (1) ATM unit and two (2) customer counters that use the Bank Agent POS (EB) terminal. The services provided are account opening with ATM card, cash deposit, cash withdrawal, money transfer, purchase of BSN Premium Savings Certificate (BSN SSP), top-up, cashless payment and bill payment.

It is hoped that BSN’s CBB service will be able to meet the banking needs of communities in rural areas of Sarawak, especially residents of Sungai Asap and Sebauh districts, in line with BSN’s vision of ‘No Malaysian Is Left Behind’.

9 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA 'TOKOH GURU KEBANGSAAN & TOKOH KEPIMPINAN PENDIDIKAN'

17 MEI 2021, PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA

BSN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia terus menghargai golongan pendidik negara melalui penyampaian Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan dan Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2021. BSN selaku penaja utama bagi hadiah Hari Guru 2021 telah menaja sebanyak RM230,000 jumlah keseluruhan hadiah (RM150,000 bagi peringkat kebangsaan dan RM80,000 bagi peringkat negeri).

Di majlis ini, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, mantan Perdana Menteri Malaysia dan Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN telah menyerahkan hadiah berupa BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP), masing-masing bernilai RM50,000 kepada dua (2) Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan dan seorang (1) Tokoh Guru Kebangsaan.

PRIZE GIVING CEREMONY FOR 'NATIONAL EMINENT TEACHER & NATIONAL EDUCATION LEADERSHIP AWARDS

17 MAY 2021, PRIME MINISTER'S OFFICE, PUTRAJAYA

BSN in collaboration with the Ministry of Education Malaysia continues to recognise the country's educators through the presentation of the National Education Leadership Award and the National Eminent Teacher Award in conjunction with the National Teachers' Day celebrations 2021. BSN as the main sponsor for the Teachers' Day 2021 prize sponsored a total of RM230,000. (RM150,000 for the national level and RM80,000 for the state level).

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, former Prime Minister of Malaysia and Jay Khairil, Chief Executive of BSN presented gifts in the form of BSN Premium Savings Certificates (BSN SSP), each worth RM50,000 to two (2) National Education Leadership recipients and one (1) National Eminent Teacher recipient.

10 500 KOTAK MAKANAN DISUMBANGKAN KEPADA KELUARGA YANG MEMERLUKAN

17 JULAI 2021, MASJID AL-HASANAH, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), *BSN Care*, terus membantu rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui sumbangan 500 kotak makanan kepada keluarga yang memerlukan di sekitar Bangi, Selangor.

Pelaksanaan program bersama komuniti ini telah disertai oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia dan Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN yang turut hadir menyerahkan sumbangan bertempat di Masjid Al-Hasanah di Bandar Baru Bangi mengikut SOP yang komprehensif.

Sumbangan kotak makanan ini merangkumi pelbagai barangan keperluan asas berjumlah RM100 setiap satu. Diharapkan melalui sumbangan yang dihulurkan ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka terutamanya yang terdiri daripada golongan B40.

500 BOXES OF FOOD DONATED TO FAMILIES IN NEED

17 JULY 2021, MASJID AL-HASANAH, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, continues to help Malaysians affected by the COVID-19 pandemic by donating 500 boxes of food to needy families in Bangi, Selangor.

The implementation of this programme with the community was carried out in accordance with comprehensive SOP guidelines and attended YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia and Jay Khairil, Chief Executive of BSN who gave out the donations at the Al-Hasanah Mosque in Bandar Baru Bangi.

The donation included various basic necessities amounting to RM100 each. It is hoped that this contribution would to some extent ease their burden, especially those from the B40 group.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

11 BSN BAWA KECERIAAN GOLONGAN ANAK YATIM, OKU DAN ASNAF DI SELURUH NEGARA

3 OGOS 2021, SELURUH NEGARA

Menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), *BSN Care*, meneruskan usaha membantu golongan yang memerlukan dengan menyampaikan wang sumbangan dan duit belanja dengan jumlah keseluruhan melebihi RM90,000 kepada rumah anak-anak yatim, Orang Kurang Upaya (OKU) dan asnaf terpilih di seluruh negara.

Selain wang sumbangan, BSN turut menyampaikan duit belanja berjumlah RM50 setiap seorang kepada 1,300 penerima. Diharapkan melalui bantuan yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat membantu dan membawa keceriaan kepada mereka.

BSN BRINGS JOY TO ORPHANS, THE DISABLED AND ASNAF THROUGHOUT THE COUNTRY

3 AUGUST 2021, NATIONWIDE

BSN, through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, continues to help the needy by giving out donations and spending money totalling more than RM90,000 to orphanages, People with Disabilities (OKU) and selected asnaf throughout country.

Apart from donations, BSN also presented spending money of RM50 each to 1,300 recipients. It is hoped that this assistance will to some extent help and bring them happiness.

12 BSN SUMBANG RM2.5 JUTA BAGI LEBIH 1,300 PELAJAR B40

12 OGOS 2021, KUALA LUMPUR

BSN menyumbangkan sebanyak RM2.5 juta bagi Program CERDIK, sebuah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) serta Kementerian Kewangan (MOF). Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan akses digital seperti komputer riba, tablet dan sambungan data atau *'data connection'* kepada murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah.

Sumbangan ini membantu lebih 1,300 pelajar dari 16 buah sekolah di Negeri Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Johor, Kedah, Negeri Sembilan dan Sarawak daripada keluarga B40 bagi merapatkan jurang proses pembelajaran secara dalam talian, e-learning serta pembelajaran luar kelas *'outside-classroom teaching'* semasa pandemik COVID-19. Penyertaan BSN dalam Program CERDIK yang dikelolakan oleh Yayasan Hasanah selaku sekretariat inisiatif ini adalah antara usaha berterusan BSN dalam menyediakan keperluan asas persekolahan bagi pelajar yang memerlukan.

BSN CONTRIBUTES RM2.5 MILLION FOR OVER 1,300 B40 STUDENTS

12 AUGUST 2021, KUALA LUMPUR

BSN contributed RM2.5 million for the CERDIK Programme, a Corporate Social Responsibility (CSR) initiative by government-linked companies (GLCs) and government-linked investment companies (GLICs) in collaboration with the Ministry of Education (MOE) and the Ministry of Finance (MOF). This programme was implemented to provide digital access such as laptops, tablets and data connection for students from low-income families.

This contribution helped more than 1,300 students from 16 schools in Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Johor, Kedah, Negeri Sembilan and Sarawak from B40 families to bridge the gap in online learning, e-learning as well as outside the classroom teaching during the COVID-19 pandemic. BSN's participation in the CERDIK Programme organised by Yayasan Hasanah, the secretariat for this initiative is one of BSN's ongoing efforts in providing basic schooling needs for needy students.

13 PEMBAYARAN BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)

6 SEPTEMBER 2021, CAWANGAN BSN PUTRAJAYA

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia mengadakan pertemuan maya dengan kakitangan dan pelanggan BSN di seluruh negara sempena pembayaran Bantuan Khas COVID-19 (BKC) Fasa 1. YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz turut serta dalam sesi pertemuan maya ini. Beliau turut melawat Cawangan BSN Putrajaya untuk melihat pembayaran BKC di cawangan tersebut.

COVID-19 SPECIAL ASSISTANCE PAYMENT (BKC)

6 SEPTEMBER 2021, BSN PUTRAJAYA BRANCH

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Prime Minister of Malaysia held a virtual meeting with BSN staff and customers nationwide in conjunction with the payment of the COVID-19 Special Assistance Payment (BKC) Phase 1. YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz also participated in the virtual meeting. He also visited the BSN Putrajaya Branch to observe the payment of BKC at the branch.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

14 PROGRAM SUMBANGAN KOTAK MAKANAN DI JOHOR BAHRU

9 OKTOBER 2021, CAWANGAN UTAMA NEGERI BSN JOHOR (WISMA MUAFAKAT)

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), *BSN Care*, terus membantu rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui sumbangan 500 kotak makanan bernilai RM50,000 dan jumlah yang sama turut disumbangkan oleh Kementerian Kewangan kepada komuniti berbilang kaum yang memerlukan di sekitar Johor Bahru, Johor.

Program kotak makanan ini telah disertai oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia dan Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN yang turut hadir menyerahkan sumbangan.

FOOD BOX DONATION PROGRAMME IN JOHOR BAHRU

9 OCTOBER 2021, BSN MAIN BRANCH JOHOR STATE (WISMA MUAFAKAT)

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, continues to help Malaysians affected by the COVID-19 pandemic by donating 500 boxes of food worth RM50,000 and the same amount was donated by the Ministry of Finance to multiracial needy communities around Johor Bahru, Johor.

The programme was attended by YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia and Jay Khairil, Chief Executive of BSN who gave out the donations.

15 MAJLIS PELANCARAN CAWANGAN BANK BERGERAK BSN (CBB BSN) DI SABAH

18 SEPTEMBER 2021, PERKARANGAN MAJLIS DAERAH SIPITANG, SABAH

Cawangan Bank Bergerak BSN (CBB BSN) telah dilancarkan oleh YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II yang turut dihadiri oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN.

CBB BSN Sabah akan beroperasi di enam (6) daerah terpilih iaitu Paitan, Pitas, Sook, Nabawan, Tungku dan Kalabakan. Dijangkakan seramai 270,000 rakyat Sabah mendapat akses perbankan asas melalui perkhidmatan CBB BSN ini.

BSN MOBILE BANKING BRANCH (CBB BSN) LAUNCHING CEREMONY IN SABAH

18 SEPTEMBER 2021, SIPITANG DISTRICT COUNCIL COURTYARD, SABAH

The BSN Mobile Banking Branch (CBB BSN) was launched by YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Deputy Minister of Finance II, and also attended by Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN.

BSN's CBB Sabah will operate in six (6) selected districts, namely Paitan, Pitas, Sook, Nabawan, Tungku and Kalabakan. It is expected that 270,000 Sabahans will have access to basic banking services through BSN's CBB.

16 BSN DAN YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN (YDSM) MEMBANGUNKAN USAHAWAN MIKRO TERANGGANU

23 NOVEMBER 2021, KUALA LUMPUR

BSN menjalinkan kerjasama bersama Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) melalui memorandum persefahaman sebagai penyedia pembiayaan BSN Micro-i sehingga RM5 juta kepada 1,000 orang alumni Usahawan Mikro YDSM (UMY).

Memorandum persefahaman tersebut ditandatangani oleh Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN selaku wakil dari BSN. Bagi pihak YDSM pula, ia ditandatangani oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof dan Encik Azizulrahim bin Ahmad Zambri; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM. Turut hadir menyaksikan memorandum persefahaman ini adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu.

Matlamat pembiayaan BSN Micro-i sehingga RM5 juta ini adalah bagi membuka langkah dan peluang kepada 1,000 alumni YDSM sebagai usahawan di samping meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka. BSN turut memberikan pendedahan, menganjurkan sesi latihan dan khidmat nasihat kepada para usahawan secara percuma.

BSN AND YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN (YDSM) TO DEVELOP TERANGGANU MICRO ENTREPRENEURS

23 NOVEMBER 2021, KUALA LUMPUR

BSN collaborated with Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) through a memorandum of understanding as the provider of BSN Micro-i financing of up to RM5 million for 1,000 alumni of YDSM Micro Entrepreneurs (UMY).

The memorandum of understanding was signed by Jay Khairil, Chief Executive of BSN and Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN as representatives of BSN. YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof and Encik Azizulrahim bin Ahmad Zambri; Members of the Board of Trustees of YDSM signed on behalf of YDSM. Also present to witness this memorandum of understanding was His Majesty Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan of Terengganu.

The goal of this BSN Micro-i funding of up to RM5 million is to open up opportunities for the 1,000 YDSM alumni as entrepreneurs as well as to further improve their economic standing. BSN also provides exposure, organises training sessions and advisory services to the entrepreneurs for free.

BSN CARE
BSN CARE

PENDIDIKAN
EDUCATION

Inisiatif Program CERDIK

Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menyumbang sebanyak RM2.5 juta di bawah 'Program CERDIK' bagi membantu pelajar dari 16 sekolah di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Johor, Kedah, Negeri Sembilan dan Sarawak daripada keluarga B40 bagi merapatkan jurang proses pembelajaran secara dalam talian serta pembelajaran luar kelas ketika pandemik COVID-19.

Inisiatif ini adalah antara usaha berterusan BSN dalam memastikan generasi muda terus mendapat pendidikan berkualiti dan cemerlang dalam pelajaran walaupun menghadapi cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

Melalui 'Program CERDIK', ia memberi manfaat kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dengan menyediakan akses digital yang terdiri daripada komputer riba, tablet dan sambungan data untuk membantu mereka menghadapi sesi persekolahan PdPR yang diperkenalkan sejak Mac 2020.

Selain itu, semua spesifikasi perkakasan dan perisian untuk 'Program CERDIK' dipilih dengan teliti bagi memastikan pelaksanaan yang lebih mampan / lestari, termasuk waranti perlindungan, kebolehgunaan dan jangka hayat yang lebih lama untuk pembelajaran digital masa hadapan.

'CERDIK' adalah inisiatif perintis CSR yang didorong oleh GLC yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 untuk menyediakan akses digital kepada pendidikan melalui kebolehcapaian peranti dan sambungan data. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kewangan (MOF), inisiatif ini dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sektor swasta. Sekretariat inisiatif CERDIK adalah Yayasan Hasanah, yayasan kebajikan Khazanah Nasional Berhad.

CERDIK Program Initiative

Bank Simpanan Nasional (BSN) has contributed RM2.5 million under the 'CERDIK Program' to students from B40 families from 16 schools in Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Johor, Kedah, Negeri Sembilan and Sarawak to bridge the gap of learning process as well as extracurricular learning during the COVID-19 pandemic.

This initiative is one of BSN's ongoing efforts in ensuring the younger generation continues to receive quality education and excel in education despite the challenges posed by the COVID-19 pandemic.

Through the 'CERDIK Program', it benefits students from low-income families by providing digital access consisting of laptops, tablets and data connections to help them cope with the ongoing PdPR school sessions introduced since March 2020.

In addition, all hardware and software specifications for the 'CERDIK Program' are carefully selected to ensure more sustainable implementation, including warranties of protection, usability and a longer lifespan for future digital learning.

'CERDIK' is a GLC-driven CSR pilot initiative announced in the Budget 2021 to provide digital access to education via accessibility of devices and data connectivity. In partnership with the Ministry of Education (MOE) and the Ministry of Finance (MOF), the initiative is fully funded by Government Linked Companies (GLCs), Government Linked Investment Companies (GLICs), and the private sector. The Secretariat of the CERDIK initiative is Yayasan Hasanah, the charitable foundation of Khazanah Nasional Berhad.

BSN CARE
BSN CARE

KESIHATAN & KESELAMATAN

HEALTH & SAFETY

Penjagaan Buah Pinggang

Sebagai langkah ke arah mempromosikan dan menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan boleh diakses oleh semua, BSN telah menyumbang dua (2) buah mesin dialisis kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk memberi manfaat kepada pesakit-pesakit buah pinggang di bawah program *'BSN Care – Kidney Care'*.

Melalui sumbangan ini, BSN membantu menyediakan rawatan dialisis mampu milik kepada pesakit berpendapatan rendah, mengurangkan beban kos rawatan yang tinggi, membantu lebih ramai rakyat Malaysia yang memerlukan rawatan dialisis, dan meningkatkan penjagaan am dan kesihatan secara mampan.

Kidney Care

As a step towards promoting and providing quality healthcare that is accessible to all, BSN has donated two (2) dialysis machines to the National Welfare Foundation (YKN) to benefit kidney patients under the 'BSN Care – Kidney Care program'.

Through this contribution, BSN helps to provide affordable dialysis treatment to low income patients, reduces the burden of high treatment costs, helps more Malaysians in need of dialysis treatment, and sustainably improves general and health care.

SUKAN

SPORTS



Ikon Pelajar BSN (2020-2021)

'Ikon Pelajar BSN' adalah program penajaan pelajar yang berpotensi/bakal bintang yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan malahan juga dalam bidang akademik. 'Ikon Pelajar BSN' diharap akan memberi inspirasi sebagai pelajar contoh di kalangan remaja.

BSN telah melantik Muhammad Azeem Mohd Fahmi sebagai 'Ikon Pelajar BSN' oleh kerana kecemerlangannya dalam kedua-dua bidang sukan dan akademik. Pelantikan ini merupakan tajaan yang merangkumi pembiayaan pelajaran serta perlindungan takaful BSN Fitrah selama dua (2) tahun mulai Januari 2020 hingga 2021. Program ini bertujuan memupuk bakat dengan menanamkan kepentingan sukan dalam kalangan generasi akan datang.

BSN Student Icon (2020-2021)

'BSN Student Icon' is a sponsorship program for athletic rising stars who are not only successful in sports but also in academics. 'BSN Student Icon' will be an influencer and role model for other students.

BSN has appointed Muhammad Azeem Mohd Fahmi as the 'BSN Student Icon' for his excellence in sports and academics. The appointment is a sponsorship to fund Azeem's education for two (2) years starting January 2020 until 2021 as well as BSN Fitrah takaful protection. This program is to cultivate talent by instilling the importance of sports among future generations.


BSN
Gibraltar BSN
Hayat
Didik


RM10,000
BSN


Soji
BSN
Care

BSN CARE
BSN CARE

KOMUNITI
COMMUNITY

Sumbangan Kepada Gelandangan

Program 'BSN Care *Donation to the Homeless 2021*' dilaksanakan melalui sumbangan barang-barang keperluan di Pusat Intervensi Sosial Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Kuala Lumpur untuk membantu golongan gelandangan di Malaysia. Pusat intervensi ini memberi kemudahan tempat tinggal sementara, makanan dan minuman, dan sebagai pusat intervensi bagi menyediakan golongan gelandangan untuk menempuhi cabaran hidup agar tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara.

BSN telah menyumbang barang-barang keperluan di pusat intervensi tersebut untuk membantu komuniti gelandangan dan orang yang kurang berkemampuan dengan memberikan bantuan keperluan asas seperti sarung tilam, sarung bantal, peralatan mandian, kipas, telekung, kain pelikat, pelitup muka, *hand sanitizer* dan tuala wanita.

Donation to the Homeless

'BSN Care Donation to the Homeless 2021' program is implemented by donating essential items at the Social Intervention Center Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Kuala Lumpur to help the homeless in Malaysia. The center provides temporary accommodation, food and drink, and as an intervention center to prepare the homeless to face life challenges and not be marginalised from national development currents.

BSN has donated essential items at the intervention center to help the homeless and the underprivileged community by providing necessities such as mattress covers, pillowcases, toiletries, fans, prayer veils, *kain pelikat*, face masks, hand sanitizers and sanitary napkins.

Sewing World

BSN bekerjasama dengan Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia untuk mewujudkan peluang menjana mata pencarian mampan dan impak sosial, bagi membantu wanita dan ibu tunggal daripada komuniti terpinggir dengan kursus pembelian mesin jahit, e-pembelajaran dan promosi secara e-jualan.

Program ini membuka peluang kepada wanita dan ibu tunggal untuk mengikuti kursus pembelajaran jahitan kreatif dan membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri melalui jualan kraf tangan buatan sendiri.

Sewing World

BSN collaborates with the Malaysian Creative Sewing Arts Association to create opportunities to generate sustainable livelihoods and social impact to help women and single mothers from marginalised communities with sewing machine purchase courses, e-learning, and e-sales promotions.

The program opens up opportunities for women and single mothers to take creative sewing learning courses and allows them to start their businesses by selling homemade handicrafts.

Bantuan Makanan untuk Keluarga di sekitar Bangi, Selangor & Johor Bahru

Sejak penularan wabak COVID-19 bermula awal tahun lalu, BSN telah menyumbang sejumlah RM100,000 keperluan makanan asas untuk 1,000 keluarga di Bangi, Selangor dan Johor Bahru dalam usaha bersama Kementerian Kewangan di bawah program 'BSN Care – *Food Basket for the Needy*'.

Dengan sumbangan ini, BSN dapat meringankan sedikit beban dan membantu kesejahteraan komuniti yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Food Basket for the Needy Bangi, Selangor & Johor Bahru

Since the outbreak of COVID-19 early last year, BSN has contributed a total of RM100,000 worth of basic food needs to 1,000 families in Bangi, Selangor and Johor Bahru in a joint effort with Ministry of Finance under the 'BSN Care – Food Basket for the Needy program'.

With this contribution, BSN can ease some of the burdens and help the well-being of communities affected by COVID-19.

BSN Care Ramadan / Raya 2021

Program 'BSN Care Ramadan / Raya 2021' bertujuan untuk membantu meringankan beban dan menceriakan anak-anak yatim, golongan kelainan upaya (OKU) dan golongan yang kurang berkemampuan sepanjang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri dengan sumbangan Duit Raya bagi membantu mereka membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri serta untuk menjaga kemudahan rumah kebajikan tersebut.

BSN Care Ramadan / Raya 2021

BSN Care Ramadan / Raya 2021 program is to help lessen the burden and to spread some festive cheer to the orphans, disabled persons (OKUs) and the underprivileged during Ramadan and Hari Raya Aidilfitri by giving out Duit Raya to assist them in preparing for the Hari Raya Aidilfitri celebration as well as to upkeep the facilities of the homes.

BSN Care – Bantuan Mangsa Banjir 2021

Komuniti B40 kekal menjadi keutamaan dalam agenda kelestarian BSN kerana BSN berpegang pada janji jenama iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

500 bakul makanan bernilai RM50,000.00 telah diagihkan kepada mangsa banjir di Pahang, Johor, Perak, Kelantan dan Terengganu pada Januari 2021.

BSN Care – Donation to Flood Victims 2021

The B40 community remains a priority in BSN's sustainability plan as BSN adheres to the brand promise of 'No Malaysian Left Behind.'

500 food baskets worth RM50,000.00 were distributed to the flood victims in Pahang, Johor, Perak, Kelantan and Terengganu in January 2021.

SSP Care untuk Sabah 2021

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR) BSN Care telah memberi sumbangan berjumlah RM90,000 dalam bentuk BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) kepada 900 petugas barisan hadapan di enam (6) buah hospital awam terpilih di Sabah yang bertungkus-lumus menangani gelombang pandemik COVID-19.

Program 'SSP Care for Sabah' ini adalah bertujuan untuk menghargai khidmat serta pengorbanan petugas barisan hadapan yang berusaha menangani COVID-19 tanpa mengenal erti penat lelah. Hospital-hospital awam di Sabah yang terlibat dalam program ini adalah Hospital Tawau, Hospital Sandakan, Hospital Kota Kinabalu, Hospital Tuaran, Hospital Lahad Datu dan Hospital Semporna.

SSP Care for Sabah 2021

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand BSN Care has contributed RM90,000 in the form of BSN *Sijil Simpanan Premium* (BSN SSP) to 900 frontliners at six (6) selected public hospitals in Sabah who are struggling to cope with the COVID-19 pandemic.

The 'SSP Care for Sabah' program aims to appreciate the service and sacrifice of frontliners who are working tirelessly to deal with COVID-19. Public hospitals in Sabah involved in this program are Tawau Hospital, Sandakan Hospital, Kota Kinabalu Hospital, Tuaran Hospital, Lahad Datu Hospital and Semporna Hospital.

SOROTAN MEDIA
MEDIA HIGHLIGHTS

580,710
FACEBOOK FANS

5,830
FACEBOOK POSTINGS

42,937
INSTAGRAM FOLLOWERS

692
INSTAGRAM POSTINGS


BSN supports micro entrepreneurs and businesses
The Malaysian Reserve
Sarawak CM launches mobile banking services
Atendan pam berusia 72 tahun jadi jutawan SSP
RinggitPlus
BSN Increases MyRinggit-i BANJIR Loan Facility Up To RM10,000
We are here to assist you
BSN sokong Pelan Pemulihan Negara
BSN sumbang RM2.5 juta jayakan Program CERDIK
BSN tawar 5 Skim Mikro Kredit PEMERKASA, bantu usahawan terjejas COVID-19
Utusan Borneo
BSN taja hadiah utama sempena Hari Guru 2021
ts Jay Khairil Jeremy as chief
pulang ganjaran RM1 juta cabuta
BSN

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional (Lembaga Pengarah) komited untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dengan memperjuangkan akauntabiliti, kebertanggungjawaban dan integiriti secara berterusan dalam pengendalian perniagaan dan hal ehwal BSN, selaras dengan Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang Ditetapkan (Dokumen Dasar BNM).

A. LEMBAGA PENGARAH

SAIZ DAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mengikuti kehendak yang ditetapkan dalam Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146). Komposisi ini juga memenuhi syarat untuk memiliki majoriti pengarah bebas seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar BNM. Ketua Eksekutif adalah satu-satunya Pengarah Eksekutif di Lembaga Pengarah, sementara satu (1) Bukan Eksekutif Bukan Bebas merupakan calon Kementerian Kewangan Malaysia. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan kepelbagaian dan penyertaan dalam komposisi dan proses membuat keputusan. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah mempertimbangkan kepelbagaian dari beberapa aspek yang berbeza, termasuk jantina, umur, latar belakang pendidikan, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan jangka masa perkhidmatan.

Kemahiran dan pengalaman ahli-ahli Lembaga Pengarah merangkumi yang berikut:

- Perbankan
- Pelaburan Kerajaan
- Pegangan Pelaburan
- Undang-undang dan Pematuhan
- Tadbir Urus Korporat
- Audit

Lembaga Pengarah kini dianggotai lapan (8) orang Pengarah yang terdiri daripada satu (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, enam (6) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan satu (1) Pengarah Eksekutif. Pengarah Eksekutif merupakan Ketua Eksekutif BSN. Kesemua Pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap Pengarah juga disertakan dalam laporan ini pada muka surat 25 sehingga 32.

Pelantikan kesemua Pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam Dokumen Dasar BNM.

TEMPOH PERKHIDMATAN PENGARAH

Selaras dengan Dokumen Dasar BNM dan sepertimana yang termaktub di dalam Piagam Lembaga BSN, tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak boleh melebihi jangka waktu kumulatif selama sembilan (9) tahun, kecuali dalam situasi luar biasa atau sebahagian dari pengaturan peralihan ke arah pelaksanaan rancangan penggantian Bank sepenuhnya.

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional (the Board) is committed to uphold the principles of corporate governance by continuously advocating accountability, responsibility and integrity in the conduct of the business and affairs of BSN, in line with the Bank Negara Malaysia Policy Document on Corporate Governance for prescribed Development Financial Institutions (BNM Policy Document).

A. BOARD OF DIRECTORS

BOARD SIZE AND COMPOSITION

The composition of the Board follows the requirement stipulated in the Bank Simpanan Nasional Act 1974 (Act 146). The composition also meets the requirement of having a majority of independent directors as set out in the BNM Policy Document. The Chief Executive is the only Executive Director on the Board, while one (1) Non-Independent Non-Executive Director is a nominee of the Ministry of Finance, Malaysia. The Board is committed in ensuring diversity and inclusion in its composition and decision-making process. In this regard, the Board considers diversity from a number of different aspects, including gender, age, educational background, professional experience, skills, knowledge and length of service.

The skills and experience of the Board members include the following:

- Banking
- Government Investments
- Investment Holding
- Legal and Compliance
- Corporate
- Audit

The Board currently has eight (8) members, comprising of one (1) Non-Independent Non-Executive Director, six (6) Independent Non-Executive Directors and one (1) Executive Director. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All Directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each Director is briefly described on pages 25 to 32 of this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under the BNM Policy Document.

TENURE OF DIRECTORS

As per BNM Policy Document and reflected in the BSN Board Charter, the tenure of an Independent Non-Executive Director shall not exceed a cumulative term of nine (9) years, except under exceptional circumstances or as part of transitional arrangements toward full implementation of the succession plans of the Bank.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

- Untuk meluluskan selera risiko, rancangan perniagaan, rancangan strategik dan inisiatif lain Bank yang secara tunggal atau kumulatif akan memberi kesan terhadap kekukuhan kewangan, reputasi atau kawalan operasi utama, profil risiko Bank dan kemampuan berterusan untuk menyokong mandatnya;
- Untuk meluluskan bajet anggaran perbelanjaan tahunan Bank dan melakukan tinjauan berkala mengenai pencapaian oleh jabatan-jabatan operasi terhadap sasaran perniagaan masing-masing;
- Untuk meluluskan dasar-dasar Bank dan mengawasi penetapan prosedur pentadbiran Bank;
- Untuk mengawasi operasi perniagaan dan prestasi kewangan Bank;
- Untuk mengawasi pemilihan, prestasi, pampasan dan rancangan penggantian untuk jawatan Pegawai Kanan Utama dan anggota Pengurusan Kanan yang lain (secara kolektif disebut sebagai "Pengurusan Kanan") selaras dengan bidang tugas penugasan, sehingga Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kecekapan kolektif Pengurusan Kanan untuk memimpin operasi Bank dengan berkesan;
- Untuk mempromosikan, bersama-sama Pengurusan Kanan, budaya korporat yang mantap di dalam Bank yang mengukuhkan tingkah laku etika, berhemah dan profesional. Ini termasuk memastikan bahawa Pengurusan Kanan melaksanakan dan memantau dasar dan prosedur yang menghalang aktiviti dan hubungan yang tidak selaras dengan urus tadbir yang baik, menangani situasi konflik kepentingan dengan berkesan, melarang urusan rasuah dan memastikan urusan selengan dengan pihak yang berkaitan dan entiti yang berminat;
- Untuk menggalakkan kelestarian melalui pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus yang sesuai dalam strategi perniagaan Bank;
- Untuk mengawasi dan menyetujui pemulihan dan rancangan kesinambungan perniagaan Bank untuk mengembalikan kekuatan kewangan, operasi kritikal dan perkhidmatan kritikal ketika mengalami tekanan;
- Untuk menggalakkan komunikasi yang cepat dan berkesan antara Bank, Bank Negara Malaysia dan pihak kementerian berkepentingan mengenai perkara-perkara yang mempengaruhi atau yang boleh mempengaruhi keselamatan, kekukuhan dan mandat Bank;
- Untuk melakukan tinjauan secara berkala terhadap mandat Bank, dengan mempertimbangkan perubahan dalam ekonomi dan sistem kewangan. Lembaga Pengarah akan membuat saranan untuk meninjau mandatnya kepada Kerajaan setelah berkonsultasi dengan Bank Negara Malaysia, sekiranya relevan;

FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The key responsibilities of the Board are as follows:-

- Approve the Bank's risk appetite, business plans, strategic plans and other initiatives which would singularly or cumulatively have an impact on the financial soundness, reputation or key operational controls, risk profile of the Bank and continuing ability to support its mandate;
- Approve the Bank's annual budget and carry out periodic reviews of the achievements of the various operating departments against their respective business targets;
- Approve policies of the Bank and oversee the establishment of procedures governing the Bank;
- Provide oversight over the Bank's business operations and financial performance;
- Oversee the selection, performance, compensation and succession plans for the post of Key Senior Officers and other members of the senior management (collectively referred to as "Senior Management") in alignment with the assignment of responsibility areas, such that the Board is satisfied with the collective competence of the Senior Management to effectively lead the operations of the Bank;
- Promote together with Senior Management, a sound corporate culture within the Bank which reinforces ethical, prudent and professional behaviour. This shall include ensuring that the Senior Management implements and monitors policies and procedures that prevent activities and relationships inconsistent with sound governance, effectively address conflict of interest situations, prohibits corrupt dealings and ensures arm's length dealings with connected parties and other interested entities;
- Promote sustainability through appropriate environmental, social and governance considerations in the Bank's business strategies;
- Oversee and approves the recovery and business continuity plans for the Bank to restore its financial strength, critical operations and critical services when it comes under stress;
- Promote the timely and effective communication between the Bank, Bank Negara Malaysia and stakeholder ministries on matters affecting or that may affect the safety, soundness and mandate of the Bank;
- Perform regular reviews on the Bank's mandate, taking into account changes in the economy and financial system. Where relevant, the Board shall make recommendations to the Government in consultation with Bank Negara Malaysia, for a review of its mandate;

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Untuk mengawasi pengaturan tadbir urus untuk mempromosikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses pengurusan dan pembuatan keputusan dalam Bank, dan memastikan bahawa Ketua Eksekutif melaksanakan pengaturan tadbir urus di semua fungsi Bank dengan efektif;
- Untuk mengawasi perkembangan dan pelaksanaan efektif rangka pengukuran prestasi Bank yang sesuai dengan mandatnya;
- Untuk menyediakan fungsi pengawasan dalam membangunkan rangka tadbir urus Syariah yang kuat dan sesuai dengan ukuran, kerumitan dan sifat perniagaan Bank.
- Untuk bertindak demi kepentingan terbaik Bank, bebas dari pengaruh luaran tidak wajar yang boleh menjejaskan mandat dan kekukuhan kewangan Bank yang diluluskan; dan
- Untuk mengawasi semua isu peraturan dan / atau kepatuhan termasuk tetapi tidak terhad kepada Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram dan Transaksi Pihak Berhubung.

LATIHAN BAGI PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan lanjutan pelajaran bagi para Pengarah untuk memastikan bahawa mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan memenuhi cabaran-cabaran yang dihadapi Lembaga Pengarah. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, semua ahli Lembaga Pengarah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan BSN. Memandangkan penularan wabak COVID-19, program-program latihan dikendalikan secara maya sepanjang tahun 2021.

- Oversee the governance arrangements to promote transparency and accountability in the management and decision-making processes within the Bank, and to ensure that the Chief Executive effectively implements the governance arrangements across all functions of the Bank;
- To oversee the development and effective implementation of a performance measurement framework for the Bank that is aligned with its mandate;
- Provide the oversight function in establishing a robust Shariah governance framework that commensurate with the size, complexity and nature of the Bank's business.
- Act in the best interest of the Bank, free from any undue external influence which could undermine the Bank's approved mandate and financial soundness; and
- Oversee all regulatory and / or compliance matters including but not limited to Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism and Connected Party Transactions.

DIRECTORS' TRAINING

The Board acknowledges the importance of continuous education for the Directors to ensure that they are well equipped with the necessary skills and knowledge to perform their duties and meet the challenges facing the Board. During the financial year ended 31 December 2021, all the Board members attended various training programmes and workshops on issues relevant to BSN. In view of the COVID-19 pandemic, the training programmes attended were conducted virtually throughout the year 2021.

Tumpuan Latihan / Training Focus	**Senarai Persidangan / Seminar dan Program Latihan / List of Conferences / Seminars and Training Programmes**
Tadbir Urus Korporat / Corporate Governance	• Program Teras FIDE untuk Modul A / FIDE Core Program for Module A • Program Teras FIDE untuk Modul B / FIDE Core Program for Module B • Dialog BNM – FIDE Forum / BNM – FIDE Forum Dialogue
Syariah / Kewangan Islam / Shariah / Islamic Finance	• Program Kewangan Islam untuk Lembaga Pengarah – ISRA / Islamic Finance for Board of Directors Program – ISRA • Latihan Dalaman untuk Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Syariah BSN 2021 / In-House Training for Board Members and Shariah Committee Members of BSN 2021
Pematuhan / Compliance	• Latihan Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan (AMLCFT) / AMLCFT Training
Keselamatan Siber / Cybersecurity	• Latihan Kesedaran Keselamatan Siber Lembaga Pengarah / Board's Cybersecurity Training Awareness
Kepimpinan / Leadership	• *LESA 2021 – Leadership Enterprise Sustainability Asia* / LESA 2021 – Leadership Enterprise Sustainability Asia

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Pakej imbuhan untuk Pengarah Bukan Eksekutif setimpal dengan peranan dan tanggungjawab pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan menurut arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Julat imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif BSN pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

BOARD REMUNERATION

The remuneration package for Non-Executive Directors commensurate with the accountabilities, roles and responsibilities at both the Board and Board Committees, and is in accordance with the directive issued by the Minister of Finance, Malaysia.

The range of remuneration of Non-Executive Directors of the Bank during the financial year ended 31 December 2021 are as follows:

Pengarah Bukan Eksekutif / Non-Executive Directors	Bil. Pengarah / No. of Directors
Bawah / Below RM10,000.00	–
Bawah / Below RM100,000.00	–
RM100,000.00 – RM200,000.00	2
RM200,000.00 – RM300,000.00	5

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua belas (12) kali pada setiap tahun kewangan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi BSN. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting sekiranya perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak tujuh belas (17) kali. Memandangkan penularan wabak COVID-19, mesyuarat telah dikendalikan secara maya sepanjang tahun 2021. Kehadiran Pengarah-Pengarah adalah seperti berikut:

BOARD MEETINGS

The Board shall convene at least twelve (12) times in each financial year to consider financial matters, strategies and policies as well as monitor the overall performance of BSN. Special Board meetings are held to consider urgent business matters as and when required. During the financial year ended 31 December 2021, the Board convened seventeen (17) times. In view of the COVID-19 pandemic, the meetings were conducted virtually throughout the year 2021. The attendance of the Directors is as follows:

Bil / No.	Pengarah / Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid** Pengerusi Bukan Eksekutif / Non-Executive Chairman	17 / 17
2	**Dr. Mastura Abdul Karim** (Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif / Non-Independent Non-Executive Director	17 / 17
3	**Jay Khairil Jeremy Abdullah** Pengarah Eksekutif / Executive Director (dilantik pada 3 Februari 2021 / appointed on 3 February 2021)	15 / 15*
4	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif / Independent Non-Executive Director	17 / 17
5	**Datin Zaimah Zakaria** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif / Independent Non-Executive Director	17 / 17
6	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif / Independent Non-Executive Director	16 / 17
7	**Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif / Independent Non-Executive Director	17 / 17
8	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif / Independent Non-Executive Director	15 / 17

* *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan*
Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Terdapat four (4) jawatankuasa lembaga yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab:

(i) Jawatankuasa Lembaga Audit;
(ii) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko;
(iii) Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan;
(iv) Jawatankuasa Lembaga Tender.

B. BOARD COMMITTEES

There are four (4) Board Committees to assist the Board in discharging its duties and responsibilities:

(i) Board Audit Committee;
(ii) Board Risk Management Committee;
(iii) Board Nomination and Remuneration Committee; and
(iv) Board Tender Committee.

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Audit (JLA) adalah untuk mengkaji penyata kewangan BSN, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLA adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak Pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JLA tidak boleh terlebih dahulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JLA juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara BSN dan pengurusan kecairan BSN keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula kebebasan dan prestasi Juruaudit Luar, bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pihak Pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli Juruaudit Luar serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;

BOARD AUDIT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Audit Committee (BAC) is to review the financial statements of BSN, its internal controls, performance and findings of the internal auditors and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BAC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner, with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss statement before presenting them to the Board and ensure the annual report is published according to schedule;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations, etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend actions to be taken by the Management. The reports from internal auditors and BAC should not be subject to the clearance of the Chief Executive / Executive Director. The BAC should also evaluate the performance of and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of BSN;
- Evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review the independence and performance of the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by the Management and its staff to the External Auditors and any findings and actions to be taken;

- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
  - Andaian perniagaan berterusan;
  - Pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
  - Perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
  - Isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit.
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit Luar tanpa pembabitan pihak Pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada Pengurusan dari Juruaudit Luar serta jawapan dari pihak Pengurusan; dan
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam BSN atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak Pengurusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 JLA telah bermesyuarat sebanyak empat belas (14) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
  - Continuous business assumptions;
  - Compliance with accounting standards and legal requirements;
  - Changes in policy and accounting practices;
  - Important issues and extraordinary matters arising from the audit process.
- Discuss any issues and reservations raised by the External Auditors from the interim and final audits, as well as any matter which the External Auditors may wish to discuss without the involvement of the Management;
- Review the contents of the Management Letter issued by the External Auditors as well as the Management's responses thereto; and
- Review any related party transactions and conflict of interest situations that may arise in BSN or within the Group including any transaction, procedure or conduct that raises questions on the Management's integrity.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BAC shall convene at least once in two (2) months. During the financial year ended 31 December 2021, the BAC convened fourteen (14) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil / No.	Pengarah / Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat** (Pengerusi / Chairman)	14 / 14
2	**Datin Zaimah Zakaria**	14 / 14
3	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	14 / 14
4	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar**	14 / 14

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) adalah untuk menyelia aktiviti Pengurusan kanan dalam mengurus bahagian risiko utama BSN dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk mengurus keseluruhan risiko berkaitan dengan aktiviti-aktiviti BSN;
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia ada untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pihak Pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko; dan
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangya sekali dalam dua (2) bulan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, JLPR telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the Senior Management's activities in managing the key risk areas of BSN and to ensure that the risk management process is in place and is functioning effectively.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulate strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Review the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promote an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensure that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Review the Management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulate business continuity plans.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BRMC shall convene at least once in two (2) months. During the financial year ended 31 December 2021, the BRMC convened twelve (12) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil / No.	Pengarah / Director	Kehadiran Mesyuarat / Meeting Attendance
1	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim** (Pengerusi / Chairman)	12 / 12
2	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	12 / 12
3	**Datin Zaimah Zakaria**	12 / 12
4	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar**	12 / 12

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (JLPI) adalah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan telus berkaitan perlantikan ahli-ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Jawatankuasa ini juga berperanan menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPI adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama menerusi semakan tahunan;
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Pengarah yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan untuk kelulusan dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia;
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- Menyarankan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran Pengarah / Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab;
- Memastikan semua Pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan;
- Menyelia perlantikan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran mana-mana Eksekutif-eksekutif Kanan Utama yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

BOARD NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and Key Senior Officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and Key Senior Officers. The objective of the BNRC is also to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with BSN’s culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BNRC are as follows:

- Establish minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive, Non-Executive and Independent Directors, mix of skills and other core competencies required through annual reviews;
- Recommend and assess the nominees for directorship, the Directors to fill Board committees as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing Directors and the Chief Executive for reappointment before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia;
- Establish a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the Board, the contribution of the various Board committees and the performance of the Chief Executive;
- Recommend to the Board on the removal of a Director / Chief Executive if he / she is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities;
- Ensure that all Directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training;
- Oversee the appointment, management of succession planning and performance evaluation of Key Senior Officers, and recommending to the Board the removal of any Key Senior Officers, if they are ineffective, erroneous or negligent in discharging their responsibilities.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Mengesyorkan rangka imbuhan untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Dasar ini patut:
  - Didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
  - Menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah secara individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama;
  - Mencukupi untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan; dan
  - Wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.
- Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan. Pakej berkenaan patut:
  - Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
  - Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
  - Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu; dan
  - Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

JLPI bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2021, JLPI telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

- Recommend a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration policy should:
  - be documented and approved by the Board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the Board;
  - reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and Key Senior Officers;
  - be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and Key Senior Officers of calibre needed to manage BSN successfully; and
  - be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to fund excessive remuneration packages.
- Recommend specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration packages should:
  - be based on an objective consideration and approved by the Board;
  - take due consideration of assessments of the Committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive and Key Senior Officers concerned;
  - not be decided by the exercise of sole discretion of any individual or restricted group of individuals; and
  - be competitive and is consistent with BSN's culture, objectives and strategies.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BNRC shall convene once every two (2) months. During the financial year ended 31 December 2021, the BNRC convened twelve (12) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil / No	Pengarah / Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar** (Pengerusi / Chairman)	12 / 12
2	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	12 / 12
3	**Datin Zaimah Zakaria**	12 / 12
4	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	12 / 12

JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Tender (JLT) adalah untuk memperkuatkan urus tadbir korporat, integriti dan ketelusan dalam proses perolehan dan pengurusan kontrak.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLT adalah seperti berikut:

- Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa.
- Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender.
- Mempertimbang dan memutuskan tender yang menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
- Memutuskan untuk ditender semula atau mengesyorkan cara-cara perolehan yang lain, jika JLT mendapati bahawa tatacara perolehan tersebut tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku.
- Mempertimbangkan dan setuju terima tawaran dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara sahaja dan selaras dengan had nilai yang diluluskan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

JLT bermesyuarat apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan berakhir 2021, JLT telah bermesyuarat sebanyak sebelas (11) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

BOARD TENDER COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Tender Committee (BTC) is to reinforce corporate governance, integrity and transparency in the procurement process and contract management.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BTC are as follows:

- Ensure that all tender invitations comply with the tender management procedures in force;
- Review the technical and financial capabilities of the tenderer;
- Consider and decide on a favourable tender taking into account the costs, service or use of goods, quantity, quality, delivery or completion period, maintenance costs and other related factors;
- In the event the BTC finds that the procurement procedure does not follow the prescribed rules or suspects that irregularities have occured, BTC may decide if a project should be re-tendered or recommends other means of procurement; and
- Consider and agree to accept the offer provided that the decision made is unanimous and in accordance with the approved value limit.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BTC shall convene as and when necessary. During the financial year ended 31 December 2021, the BTC convened eleven (11) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil / No	Pengarah / Director	Kehadiran Mesyuarat / Meeting Attendance
1	**Datin Zaimah Zakaria** (Pengerusi / Chairman)	11 / 11
2	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	11 / 11
3	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	11 / 11
4	**Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib**	11 / 11

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Selaras dengan prinsip dan garis panduan tadbir urus risiko, pihak Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko di peringkat Jawatankuasa Lembaga yang memberi sokongan bagi pihak Lembaga Pengarah dalam mengawal selia pengurusan risiko Bank bagi memastikan objektif korporat Bank adalah disokong oleh strategi dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan bersesuaian dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bank telah direka bentuk untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang kukuh dan terkawal di dalam Bank. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan Bank yang optimum dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko melalui pengurusan yang menyeluruh merangkumi risiko strategik, risiko kredit, risiko operasi, risiko pengurusan kesinambungan perniagaan, risiko pasaran, risiko teknologi maklumat dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, dasar risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko termasuk mengawasi dasar, garis panduan, kawalan dan pematuhan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank selaras dengan amalan terbaik industri dan falsafah serta strategi pengurusan risiko seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko serta mengesyorkan selera risiko / toleransi Bank di peringkat perusahaan dan jabatan perniagaan strategik, kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti pula bertanggungjawab untuk mengawasi kecukupan dan pendedahan risiko terhadap komposisi aset dan liabiliti Bank, serta keperluan pembiayaan dan kecairannya.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has established a Board Risk Management Committee (BRMC) at the Board-committee level to provide an oversight support on behalf of the Board on the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. This framework outlines the Bank's optimum approach in identifying, assessing, monitoring and addressing risks through a holistic management covering strategic risks, credit risks, operational risks, business continuity management risks, market risks, information technology risks and Shariah non-compliance risks.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities are consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. The MRC's responsibilities include oversight of risk management policies, guidelines, controls and compliance, tools and systems of the Bank in line with best industry practices and the risk management philosophy and strategy as outlined in the Risk Management Framework as well as recommending the risk appetite / tolerance of the Bank at enterprise and strategic business department levels, to BRMC and the Board. On the other hand, ALCO is responsible for overseeing the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.



Rajah 1: Struktur Pentadbiran Risiko (Pelaporan kepada Jawatankuasa)
Figure 1: Risk Governance Structure (Committee Escalation Route)

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah merupakan badan pentadbir mutlak yang meluluskan dan mengawasi pelaksanaan objektif strategik, rangka kerja tadbir urus dan budaya korporat oleh pihak Pengurusan. Antara tanggungjawab utamanya adalah meluluskan Penyata Selera Risiko dan memastikan ia kekal konsisten dengan strategi jangka pendek dan panjang Bank, pelan perniagaan dan modal serta kapasiti pengambilan risiko serta memastikan penerapan selera risiko yang berterusan dalam proses membuat keputusan.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko menyediakan pengawasan menyeluruh ke atas pendedahan risiko termasuk penetapan selera risiko / toleransi Bank dan merangka strategi untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan aktiviti Bank. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko juga bertanggungjawab bagi mengesyorkan dasar, prosedur dan proses pengurusan risiko yang sesuai dalam bidang risiko utama seperti risiko iklim, risiko pengurusan kesinambungan perniagaan, risiko pasaran, risiko kredit, risiko pengunderaitan, risiko pelaburan, risiko operasi, risko ketidakpatuhan Syariah, risiko teknologi maklumat dan risiko keselamatan siber yang menyokong keseluruhan selera risiko Bank.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak selaku platform pengurusan peringkat atasan yang bertanggungjawab dalam mengawasi risiko Bank dan perkara-perkara yang berkaitan. Tanggungjawab Jawatankuasa ini termasuk mengawasi dasar, garis panduan, kawalan dan pematuhan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank selaras dengan amalan terbaik industri seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko, serta mengesyorkan selera / toleransi risiko Bank di peringkat perusahaan dan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga memberikan kepimpinan dalam menyampaikan selera risiko kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk memastikan bahawa pertimbangan pengambilan risiko yang sesuai diterapkan di dalam budaya risiko Bank serta memberi nasihat dalam penetapan selera risiko Bank dan unit perniagaan strategik untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah, mengikut keperluan dan kesesuaian.

JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti adalah bertanggungjawab untuk memberikan sokongan kepada pihak Pengurusan dalam memastikan langkah-langkah yang diambil oleh Bank dalam mengurangkan risiko Pengurusan Aset dan Liabiliti adalah mencukupi dan bersesuaian. Semua keputusan yang dibuat dalam mesyuarat hendaklah disebarkan dengan sewajarnya kepada jabatan yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga memantau dan mengurus risiko berkaitan yang mempunyai kesan langsung ke atas kunci kira-kira.

RISK GOVERNANCE STRUCTURE

BOARD OF DIRECTORS (BOARD)

The Board is the ultimate governing body which oversees and approves the Management's implementation of the strategic objectives, governance framework and corporate culture. Amongst its key responsibilities are to approve the Risk Appetite Statement and to ensure that it remains consistent with the Bank's short-term and long-term strategies, business and capital plans and risk-taking capacity as well as ensure the on-going application of risk appetite in key decision making process.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE (BRMC)

BRMC provides oversight of the overall risk exposures which includes the setting of the risk appetite / tolerance of the Bank and formulating strategies to manage the risks associated with the Bank's activities. BRMC is also expected to recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as climate risk, business continuity management risk, market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk, operational risk, Shariah non-compliance risk, information technology risk and cyber security risk that support the overall Bank's risk appetite.

MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

MRC acts as a top-level management platform responsible for overseeing the risks of the Bank and related matters. The MRC's responsibilities include oversight of risk management policies, guidelines, controls and compliance, tools and systems of the Bank in line with best industry practices and the risk management philosophy and strategy as outlined in the Risk Management Framework as well as recommending the risk appetite / tolerance of the Bank at enterprise and strategic business department levels, to BRMC and the Board. The MRC also provides leadership in communicating risk appetite to internal and external stakeholders so as to ensure that the appropriate risk taking consideration is embedded into the Bank's risk culture as well as advise on the setting of the risk appetite / tolerance of the Bank and strategic business unit levels for further deliberation at the BRMC and the Board, as required and appropriate.

ASSETS AND LIABILITIES COMMITTEE (ALCO)

ALCO is responsible for providing support to the Management in ensuring that steps taken by the Bank in mitigating Asset and Liability Management (ALM) risks are sufficient and appropriate. All decisions made by ALCO are disseminated accordingly to related departments. ALCO also monitors and manages the relevant risks that have direct impact on the balance sheet.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mempertimbangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan pengurusan modal dan akan terus melaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko apabila tahap modal menghampiri tahap yang telah ditetapkan, sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran tahap kecukupan modal, dan hal-hal pengurusan modal yang lain.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO

Jawatankuasa Kerja Risiko berperanan sebagai platform peringkat pengurusan pertengahan untuk membincangkan isu / perkara risiko, dan meluluskan serta memutuskan perkara yang dibincangkan sebelum diajukan kepada jawatankuasa Pengurusan Kanan untuk pemberitahuan, pengesahan atau kelulusan. Ini meliputi sebarang perubahan yang dicadangkan kepada perkara / pendekatan pengurusan risiko yang melibatkan rangka kerja, dasar, garis panduan, langkah kawalan, alatan dan sistem pengurusan risiko Bank, untuk memastikan Bank sentiasa mematuhi falsafah dan strategi pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab bagi mempertimbangkan dan membincangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan pembangunan produk baharu dan pengaturan penyumberan luaran sebelum diajukan ke jawatankuasa-jawatankuasa atasan Bank.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO PEMATUHAN SYARIAH

Jawatankuasa Kerja Pematuhan Syariah ditubuhkan oleh pihak Bank untuk bertanggungjawab terhadap pembangunan dan / atau penambahbaikan kepada keupayaan Bank di dalam menguruskan risiko ketidakpatuhan Syariah dan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Syariah BSN (JKS-BSN) untuk perbincangan lanjut dan membuat keputusan.

Antara peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Pematuhan Syariah ialah untuk membincangkan isu-isu berkaitan risiko ketidakpatuhan Syariah termasuk insiden peristiwa ketidakpatuhan Syariah, tadbir urus Syariah, tadbir urus maklumat, memantau dan menjejak, mekasnime dan kawalan dalaman, peristiwa luaran, dan lain-lain perkara berkaitan Syariah.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengesahkan insiden Potensi Ketidakpatuhan Syariah (PSNC) dan mengadakan perbincangan yang mendalam terhadap isu-isu PSNC terutamanya dari sudut pandangan Syariah dan kawal selia setelah mempertimbangkan fakta-fakta dan bukti-bukti yang diberikan oleh pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum isu-isu tersebut diajukan kepada JKS-BSN untuk membuat keputusan.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jawatankuasa Kerja Risiko Teknologi Maklumat diwujudkan untuk membincang dan menyemak isu-isu yang berkaitan dengan masalah operasi teknologi termasuk memantau tindakan mitigasi untuk kejadian kerugian, masalah aplikasi, tadbir urus data dan hartanah, ketidakcukupan proses dalaman, kawalan risiko dan langkah-langkah peningkatan lain seperti yang dikehendaki oleh Pihak Pengurusan, Lembaga Pengarah, Pengawal Selia, atau amalan terbaik industri.

ALCO is also responsible for deliberating on issues / matters pertaining to capital management and to escalate to BRMC when capital levels are approaching the set triggers, any non-compliance and breaches in capital adequacy levels, and on any other capital management matters.

RISK WORKING COMMITTEE (RWC)

RWC acts as the mid-level management platform to deliberate risk issues / matters and approve and decide on the matters discussed prior to their escalation to the Senior Management committees for notification, endorsements or approval. This includes any proposed revisions to the risk management matters / approaches involving the Bank's frameworks, policies, guidelines, control measures, risk management tools and systems, to ensure that the Bank is consistently in line with the Board's approved risk management philosophy and strategy as outlined in the Risk Management Framework. The RWC is also responsible for deliberation and discussion on matters related to new product development and outsourcing arrangements prior to their escalation to the higher committees of the Bank.

SHARIAH COMPLIANCE WORKING COMMITTEE (SCWC)

The SCWC was set up by the Bank to be responsible for developing and / or enhancing the capability of the Bank in managing Shariah non-compliance risks and recommending the same to the Shariah Committee of BSN (SC-BSN) for further deliberation and decision.

Among the roles and responsibilities of SCWC are discussing issues in relation to Shariah non-compliance risk including incidence of Shariah non-compliance events, Shariah governance, information governance, tracking and monitoring, internal control and mechanism, external events, and other Shariah related matters.

SCWC is also responsible for confirming on the Potential Shariah Non-Compliance (PSNC) and to provide extensive deliberation on PSNC issues especially from Shariah and regulatory point of view after considering all the presented facts and evidence provided by the relevant stakeholders prior to escalation to the SC-BSN for decision.

INFORMATION TECHNOLOGY RISK WORKING COMMITTEE (ITRWC)

ITRWC was established for the purpose of discussing and reviewing technology operational issues including tracking the mitigation action for incidence of losses, applications issues, data and property governance, internal process inadequacies, other risk control and escalation measures as required by the Management, Board, regulators, and industry best practices.

FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

"Risiko" ditakrifkan sebagai "kesan ketidaktentuan terhadap objektif" dan pengurusan risiko di BSN ditakrifkan seperti berikut: "Proses yang berterusan, proaktif dan sistematik dalam memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampaikan risiko yang membentuk perspektif keseluruhan bagi syarikat. Ianya bagi memudahkan pihak Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian keseluruhan objektif Bank." Falsafah asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa semua aktiviti harus berusaha untuk mencapai keseimbangan optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan / pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, hubungan risiko-ganjaran juga haruslah selaras dengan struktur, tadbir urus dan amalan terbaik industri serta mematuhi keperluan kawal selia dan Syariah; dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah dipandu dan ditadbir terutamanya oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang diterima pakai, dan di mana berkenaan, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan keperluan kawal selia lain oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bersandarkan pada falsafah asas ini, Bank telah mengamalkan konsep "tiga barisan pertahanan", di mana risiko diuruskan secara kolektif oleh semua jabatan dan fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

MEMBANGUNKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO YANG LESTARI

Penentu utama kejayaan dalam pengurusan risiko ialah memastikan budaya kelestarian yang kukuh dan kesedaran risiko meresap kepada setiap kakitangan Bank. Pihak Bank akan memberikan sokongan penuh untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dengan struktur organisasi yang bersesuaian dan akan memastikan kebertanggungjawaban ditakrifkan dengan jelas dan disampaikan di semua peringkat. Ini akan membolehkan maklumat risiko disampaikan melalui struktur pelaporan yang jelas dan mantap.

SELERA RISIKO

Selera risiko Bank mentakrifkan sempadan dan pertimbangan perniagaan selaras dengan strategi korporat, pelan perniagaan, dan kapasiti serta keupayaan teknologi Bank, dengan pertimbangan sewajarnya kepada kapasiti pengambilan risiko dan had toleransi Bank. Ia mewujudkan pendekatan bersepadu yang memanfaatkan tadbir urus risiko dengan meletakkan tumpuan dan penekanan yang sama kepada risiko kewangan dan bukan kewangan jangka pendek dan jangka panjang, dengan jangkaan pengawalseliaan yang diserapkan, dalam menyampaikan hasil yang ketara dengan cara yang kos efektif. Selera risiko memudahkan pihak berkepentingan dalam merumuskan hala tuju perniagaan strategik dan taktikal serta membuat keputusan operasi harian dengan mewujudkan asas untuk mengukur, memantau dan menyesuaikan, jika perlu, kedudukan risiko sebenar berbanding selera risiko yang dinyatakan. Hasil selera risiko juga membentuk asas yang mana pihak berkepentingan Bank boleh menimbulkan isu risiko dan kebimbangan lain berkaitan Bank dan memastikan pengurusan risiko sejajar dengan keperluan dan jangkaan kawal selia.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

"Risk" is defined as the "effect of uncertainty on objective" and risk management in BSN is defined as, "A continuous, proactive and systematic process to understand, identify, manage and communicate risk that forms an enterprise-wide perspective. It is about facilitating the Bank in making its decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives." The basic philosophy of the Bank's risk management is that all of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth / return goals against the related risks. At the same time, the risk-reward relationship must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Shariah requirements; and achieving its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Shariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of "three lines of defence", where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

DEVELOPING SUSTAINABLE RISK MANAGEMENT CULTURE

The key determinant of success in risk management is ensuring that a strong sustainable culture and awareness of risk permeates across every employee of the Bank. The Bank shall provide full support to implement the risk management processes with an appropriate organisational structure and shall ensure that accountabilities are clearly defined and communicated at all levels. This will enable risk information to be communicated through a clear and robust reporting structure.

RISK APPETITE

The Bank's risk appetite defines the boundaries and business considerations in accordance with the Bank's corporate strategy, business plan, and technological capacity and capability, with due consideration to the Bank's risk-taking capacity and tolerance limit. It establishes an integrated approach that capitalises on the risk governance by placing an equal focus and emphasis on the short-term and long-term financial and non-financial risks, with embedded regulatory expectations, in delivering tangible results in a cost effective manner. The risk appetite facilitates stakeholders in formulating strategic and tactical business directions and daily operational decision-making by establishing a basis for measuring, monitoring and adjusting, when necessary, the actual risk positions against the expressed risk appetite. The risk appetite outcomes also form the basis by which the Bank's stakehoders may raise risk issues and other relevant concerns across the Bank and ensures that the management of risks are aligned with the regulatory requirements and expectations.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Fokus Masa Nyata Real Time Focus	Barisan Pertahanan Pertama First Line of Defence	• Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko / dasar dan amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. • Embedding risk management framework / policies and sound risk management practices into standard operating procedures. • Bertanggungjawab untuk memantau dan menilai risiko dan kawalan. • Responsible and accountable for monitoring and assessing risks and controls. • Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. • Ensuring staff have the appropriate skills and trainings. • Bertanggungjawab untuk pengurusan harian risiko operasi dalam bidang kuasa mereka dengan menerapkan dasar, prosedur, proses, sistem dan sumber untuk mengurus risiko operasi yang dilaksanakan oleh fungsi tersebut. • Responsible for the day-to-day management of operational risks within their purview by embedding policies, procedures, processes, systems and resources to manage operational risks undertaken by the function. • Bertanggungjawab bagi mengenal pasti, menilai, mengurangkan, mengawal dan memantau risiko dan kawalan sebagai sebahagian daripada operasi harian mereka. • Responsible for identifying, assessing, mitigating, controlling and monitoring risk and controls as part of their day-to-day operations. • Semua fungsi perniagaan dan sokongan bertanggungjawab untuk melantik Wakil Risiko (RR) untuk menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko operasi. • All business and support functions are responsible to designate Risk Representatives (RR) to support the implementation of operational risk management activities. • Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Unit Perniagaan / Unit Sokongan Business Units / Support Units
Fokus Kajian & Masa Nyata Real Time & Review Focus	Barisan Pertahanan Kedua Second Line of Defence	• Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, dasar, sistem, proses dan alatan, termasuk mengesahkan dan mencabar penilaian aktiviti pengurusan risiko untuk pengurusan dan pengukuran risiko yang berkesan dan konsisten di seluruh Bank. • Develop risk management framework, policies, system, processes and tools, including validating and challenging the assessment of the risks management activities for effective and consistent management and measurement of risks across the Bank. • Menyokong unit-unit pada barisan pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko di Bank. • Support units in the 1st line of defence in embedding the risk management culture in the Bank. • Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Jabatan Pengurusan Risiko / Jabatan Pematuhan Risk Management Department / Compliance Department
Fokus Kajian Review Focus	Barisan Pertahanan Ketiga Third Line of Defence	• Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. • Review the effectiveness of risk management practices. • Mengesahkan tahap pematuhan. • Verify the level of compliance. • Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. • Recommend improvements and corrective actions, where necessary.	Jabatan Audit Dalaman Internal Audit Department

Rajah 2: Pengurusan Risiko Model Tiga Barisan Pertahanan
Figure 2: Risk Management Three Lines of Defence Model

PROSES PENGURUSAN RISIKO / RISK MANAGEMENT PROCESS



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko
Figure 3: Risk Management Process

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan pengenalpastian, penilaian / pengukuran, mitigasi, pemantauan, komunikasi dan pelaporan bagi mengoptimumkan pulangan ke atas aktiviti pembiayaan dan pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam mengurus risiko kredit, pasaran, operasi dan ketidakpatuhan Syariah di semua jabatan dan fungsi Bank melalui pembentukan dasar, garis panduan, prosedur dan had risiko yang sesuai. Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang utama berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment / measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting to optimise returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits. Risk management concentrates on the following key areas:



PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

1. RISIKO PERUSAHAAN

Risiko Perusahaan ialah proses merancang, mengatur, memimpin dan mengurus aktiviti organisasi untuk meminimumkan kesan risiko ke atas modal dan pendapatan organisasi. Pengurusan Risiko Perusahaan membolehkan organisasi menangani ketidakpastian dengan berkesan serta risiko dan peluang yang berkaitan, meningkatkan kapasiti Bank untuk mencapai keseimbangan optimum antara matlamat pertumbuhan dan pulangan serta risiko yang berkaitan. Pengurusan Risiko Perusahaan di BSN adalah berdasarkan prinsip yang digariskan dalam ISO31000:2009.

2. RISIKO OPERASI

Risiko Operasi merujuk kepada risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa luaran yang termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perundangan dan ketidakpatuhan Syariah. Risiko operasi wujud dalam semua aktiviti, produk dan perkhidmatan Bank dan boleh merangkumi pelbagai aktiviti dan bahagian perniagaan di dalam Bank. Ia termasuk spektrum luar risiko heterogen seperti penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan urus niaga, pelanggaran undang-undang dan peraturan serta kesihatan dan keselamatan kakitangan dan ketidakpatuhan Syariah.

Risiko Operasi boleh mengakibatkan kesan kewangan dan bukan kewangan seperti kesan yang timbul daripada liabiliti undang-undang, kehilangan rekursa, pengembalian, penurunan nilai, gangguan perniagaan dan kerosakan reputasi.

Bank mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko operasi yang berkesan, yang merangkumi set piawaian, proses, dasar dan struktur yang menyediakan asas untuk melaksanakan kawalan dalaman di seluruh organisasi. Kunci kepada ini adalah penubuhan struktur tiga (3) barisan pertahanan yang terdiri daripada fungsi perniagaan dan sokongan, Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman, dengan pengawasan yang teguh oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Tahap pelaksanaan pendekatan tiga (3) barisan pertahanan adalah setimpal dengan sifat, saiz, dan kerumitan operasi perniagaan Bank.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. ENTERPRISE RISK

Enterprise Risk is the process of planning, organising, leading and managing the activities of the organisation in order to minimise the effects of risk on the organisation's capital and earnings. Enterprise Risk Management enables the organisation to effectively deal with uncertainty and associated risks and opportunities, enhancing the Bank's capacity to achieve an optimal balance between growth and return goals and related risks. Enterprise Risk Management in BSN is based on the principles outlined in ISO31000:2009.

2. OPERATIONAL RISK

Operational Risk refers to the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events, which include but is not limited to, legal and Shariah non-compliance risks. Operational risk is inherent in all activities, products and services of the Bank and can transverse multiple activities and business lines within the Bank. It includes a wide spectrum of heterogeneous risks such as fraud, physical damage, business disruption, transaction failures, legal and regulatory breaches as well as employee health and safety hazards as well as Shariah non-compliance.

Operational Risk may result in both financial and non-financial impacts such as the impact arising from legal liability, loss of recourse, restitution, write downs, business interruption and reputational damage.

The Bank maintains an effective operational risk management framework, which encompasses a set of standards, processes, policies and structures that provide the basis for carrying out internal controls across the organisation. Key to this is the establishment of a three (3) lines of defence structure consisting of the business and support functions, Risk Management and Internal Audit, with robust oversight by Management and the Board. The degree of implementation of the three (3) lines of defence approach is commensurate with the nature, size and complexity of the business operations of the Bank.

3. RISIKO KREDIT

Risiko Kredit ditakrifkan sebagai potensi kehilangan pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) untuk memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Pendedahan Bank kepada risiko kredit adalah terutamanya daripada aktiviti pinjaman / pembiayaan kepada pelanggan runcit, perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpandukan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi Jabatan Pengurusan Risiko adalah untuk menguruskan pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan ketika beroperasi berpandukan selera risiko dan tahap toleransi Bank. Untuk memastikan risiko kredit dikurangkan, prestasi kualiti aset sentiasa dipantau dan diawasi.

Satu lagi bidang yang ditadbir di bawah bidang Risiko Kredit ialah penggunaan model untuk pelbagai tujuan berkaitan kredit (contohnya peruntukan kredit di bawah MFRS9) yang mendedahkan Bank kepada Risiko Model. Risiko model ditakrifkan sebagai risiko model yang dibangunkan tidak mencapai prestasi yang memuaskan seperti mana objektif, tujuan dan jangkaannya, yang mungkin berpotensi mengakibatkan kerugian kewangan, keputusan perniagaan yang tidak wajar, salah nyata pendedahan kewangan atau kerosakan reputasi. Untuk mengurus risiko model dengan betul, Bank telah mewujudkan proses tadbir urus, pengawasan dan pemantauan yang wajar untuk memastikan model yang digunakan kekal sesuai untuk digunakan.

Sebagai sebahagian daripada tadbir urus model, pengesahan model dilaksanakan untuk menilai sama ada model yang dibangunkan berfungsi mengikut jangkaan. Ia dilaksanakan bebas daripada fungsi pembangunan model dan pengguna model sebelum pelaksanaan model serta selepas pelaksanaan secara berkala. Selain itu, pemantauan berkala perlu dilakukan oleh pemilik model untuk memastikan model berfungsi seperti yang dijangkakan, dan andaian yang digunakan dalam pembangunan model kekal wajar. Kedua-dua proses disemak secara bebas oleh Audit Dalaman.

4. RISIKO ASET DAN LIABILITI

Risiko Aset dan Liabiliti ialah potensi kerugian dalam nilai aset bersih Bank akibat dari perubahan dalam pembolehubah risiko pasaran. Pada dasarnya, ianya adalah risiko yang timbul daripada komposisi dan dinamik kunci kira-kira, khususnya kesannya terhadap kecairan, pendapatan dan kecukupan modal. Ia terdiri daripada ketidakpadanan kedudukan antara aset dan liabiliti buku perbankan pada kunci kira-kira. Ia juga melibatkan kesan struktur penentuan harga aset dan liabiliti terhadap margin kasar Bank termasuk struktur penentuan harga semula dan kematangan aset dan liabiliti serta kesannya ke atas kadar pulangan.

3. CREDIT RISK

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from financing and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending / financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide risk appetite, the Risk Management department's function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite and its tolerance level. To ensure that credit risk is being mitigated, performance on the asset quality is constantly monitored and tracked.

Another area governed under Credit Risk's ambit is the utilisation of models for various credit related purposes (e.g. credit provisioning under MFRS9) which exposes the Bank to model risk. Model Risk is defined as the risk of a developed model not performing adequately to its objectives, purposes and expectations, which may potentially result in financial loss, inappropriate business decisions, misstatement of financial disclosures, or damage to the reputation. In order to properly managed the model risk, the Bank has established proper governance, oversight and monitoring process to ensure the models used remain fit-for-use.

As part of model governance, model validation is performed in order to assess whether the developed models are performing according to expectations. It is performed independently from the model development function and model users before model implementation as well as periodically post implementation. Additionally, periodic monitoring is required to be carried out by the model owners to ensure that the models are performing as expected, and that the assumptions used in model development remain appropriate. Both processes are reviewed independently by Internal Audit.

4. ASSET AND LIABILITY (ALM) RISK

ALM Risk is the potential loss in value of the Bank's net asset value as a result of changes in market risk variables. In essence, it is the risks that arise from the composition and dynamics of the balance sheet, specifically their impact on liquidity, earnings and ultimately adequacy of capital. It comprises the mismatched position between banking book assets and liabilities on the balance sheet. It also involves the impact of pricing structure of assets and liabilities towards the Bank's gross margin including the re-pricing and maturity structure of assets and liabilities and its impact on the rate of return.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

5. RISIKO PASARAN

Risiko Pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian akibat daripada perubahan dalam nilai aset dan liabiliti akibat dari turun naik dalam faktor risiko seperti kadar faedah, kadar pertukaran asing & harga saham, perubahan dalam harga ekuiti / harga komoditi dan risiko kerugian akibat dari perubahan dalam pendapatan yang dijana daripada aset & liabiliti.

6. RISIKO SYARIAH

Risiko Syariah ditakrifkan sebagai risiko akibat daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGF adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dan Pengurusan berhubung dengan perkara-perkara Syariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi pematuhan dan penyelidikan Syariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi berasaskan Syariah.

7. PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ialah rangka kerja untuk mengenal pasti risiko pendedahan organisasi kepada ancaman dalaman dan luaran dan untuk membangunkan pelan tindak balas yang berkesan. Objektif utama Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah untuk meningkatkan daya ketahanan organisasi terhadap gangguan perniagaan seperti wabak penyakit, bencana alam atau pencerobohan data, melindungi kepentingan perniagaan organisasi dan meminimumkan kesan gangguan tersebut. Skop aktiviti BCM termasuk pemulihan bencana, pemulihan perniagaan, pengurusan krisis, pengurusan insiden, pengurusan kecemasan dan perancangan kontingensi.

8. RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Risiko Teknologi Maklumat merupakan salah satu risiko perniagaan yang khususnya berkaitan dengan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penerimagunaan teknologi maklumat di dalam Bank. Risiko Teknologi Maklumat mungkin timbul akibat dari kegagalan sistem, aplikasi, platform atau infrastruktur teknologi maklumat termasuk ancaman atau pendedahan kelemahan kepada rangkaian luaran atau internet yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Risiko Teknologi Maklumat boleh dikategorikan kepada tiga (3) kategori berbeza iaitu risiko manfaat teknologi maklumat / pembolehan nilai, program teknologi maklumat dan risiko persiapan (perlaksanaan) projek, dan juga operasi teknologi maklumat dan penyediaan perkhidmatan.

5. MARKET RISK

Market Risk is defined as the risk of loss resulting from changes in the value of assets and liabilities due to fluctuations in risk factors such as interest rates, foreign exchange rates & stock prices, changes in equity prices / commodity prices and the risk of loss resulting from changes in earnings generated from assets & liabilities.

6. SHARIAH RISK

Shariah Risk is defined as risk resulting from the failure of any parts of the Bank to comply with the Shariah rules and principles determined by the relevant Shariah regulatory councils or committees. BSN Shariah Governance Framework (BSNSGF) for Islamic Banking Scheme is established in line with the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGFIFI) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of the BSNSGF is to outline the role of the Board, the Shariah Committee, the Board Audit Committee, the Board Risk Management Committee, and the Management in relation to Shariah matters, including enhancing the capacity and capability of departments and functions having the responsibility to execute the Shariah compliance and research functions aimed at the attainment of a Shariah based operating environment.

7. BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT (BCM)

Business Continuity Management (BCM) is a framework for identifying an organisation's risk of exposure to internal and external threats and for developing effective response plans. The key objectives of BCM are to increase an organisation's resilience to business disruptions such as disease outbreaks, natural disasters or data breaches, protect the business interests of the organisation and minimise the impact of such disruptions. The scope of BCM activities include disaster recovery, business recovery, crisis management, incident management, emergency management and contingency planning.

8. INFORMATION TECHNOLOGY RISK

IT Risk is one of the business risk specifically associated with the use, ownership, operation, involvement, influence, and adoption of IT within the Bank. IT Risk may arise from the non-performance of IT systems, applications, platforms or infrastructures including threats or vulnerabilities exposure to external network or internet, which could result in financial loss, disruption of financial services or the operations of the Bank. IT Risk can be categorised into three (3) different categories namely, IT benefits / value enablement risk, IT programme and project delivery risk and IT operations and service desk delivery.

KOMITMEN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN komited untuk menerapkan amalan-amalan baik ESG dalam perniagaan dan operasi kami bagi menyokong visi kami iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan'. Kami menyedari akan peranan kami untuk mewujudkan masa hadapan yang lestari untuk semua, dalam hal ini kami terus berusaha untuk memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan kami di samping memberi perhatian kepada kesan daripada tindakan kami terhadap komuniti di mana kami memberi perkhidmatan. Kami sentiasa menilai cara untuk menerapkan amalan kelestarian agar kami dapat menguruskan risiko kami dengan wajar dalam usaha kami untuk memperkasakan pertumbuhan ekonomi dan masyarakat selaras dengan Pelan Strategik Korporat BSN, "Melangkah Ke Hadapan. Bersama-sama. Melakukan Apa yang Kami Lakukan Dengan Baik. Lebih baik."

Komponen-kompenen ESG diterapkan dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh BSN seperti yang diperincikan di bawah.

TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat memastikan proses membuat keputusan dilakukan secara bertanggungjawab demi menjaga kepentingan BSN dan pihak berkepentingannya. Ini memastikan kami memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan melaksanakan mandat kami untuk kelestarian, sekali gus mengurangi risiko dalam perniagaan kami. Oleh itu, ia merupakan aspek penting dalam meletakkan kami sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang berwibawa dan boleh dipercayai. Dasar dan amalan yang wajar mengukuhkan budaya integriti dan ketelusan yang sihat di seluruh BSN. Kelestarian tadbir urus yang baik diterapkan dalam Nilai-Nilai Teras dan Kod Etika serta penginstitusian sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama BSN.

Dalam melaksanakan tugas fidusiari dan fungsi kepemimpinannya, Lembaga Pengarah mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik BSN sambil melaksanakan pengawasan yang berkesan terhadap pihak pengurusan. Lembaga Pengarah tidak terlibat dalam operasi perniagaan harian BSN. Pengarah bebas dalam Lembaga Pengarah berperanan untuk mewujudkan ketidakberpihakan / kesaksamaan dalam hal-hal yang mungkin menimbulkan percanggahan dan kepentingan diri bagi pihak-pihak berkaitan. Di samping itu, Pengarah Bebas memainkan dua peranan dalam penciptaan nilai dan pemeliharaan nilai, dengan sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik pihak berkepentingan BSN.

BANK SIMPANAN NASIONAL'S (BSN) ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) COMMITMENT

As a Development Financial Institution (DFI), BSN is committed to ensure good ESG practices are embedded in our business and operations in support of our vision of 'No Malaysian Left Behind'. We are aware of the role we can play in creating a sustainable future for all, and in this regard, we continuously seek to understand the needs of our different stakeholders, while remaining attentive to the implications of our actions on the communities we serve. We continue to assess how we can further embed sustainability considerations, so that we can manage our risks appropriately even as we help facilitate economic and societal growth in line with BSN's Corporate Strategy Plan of "Step Forward. Together. Doing what we do well. Better"

Components of ESG are embedded in various activities undertaken by the Bank as detailed below.

CORPORATE GOVERNANCE

Corporate governance ensures accountable decision-making in the interest of the Bank and its stakeholders. It ensures that we are meeting stakeholder expectations and carrying out our mandate for sustainability, while also mitigating the risks in our business. Hence, it is a fundamental aspect in positioning us as a trusted and credible financial services provider. Appropriate policies and practices reinforce a healthy culture of integrity and transparency throughout BSN. Sustainability of good governance is embedded in the Bank via our Core Values and Code of Ethics as well as institutionalisation of targets and KPIs.

In discharging its fiduciary duties and leadership functions, the Board governs and sets the strategic direction of the Bank while exercising effective oversight on management. The Board shall not be involved in day-to-day business operations of the Bank. Independent Directors of the Board serve to establish impartiality on matters of possible conflict and vested interests of related parties. In addition, Independent Directors play a dual role in value creation as well as value preservation, by always acting in the best interests of the Bank's stakeholders.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

KETELUSAN DAN PELAPORAN

Ketelusan membina kepercayaan, keterlibatan dan komitmen pihak berkepentingan kami terhadap visi dan misi BSN. Kami sentiasa membincangkan dan mempertimbangkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaporan merentasi pelbagai fungsi BSN. Ini menyumbang secara positif kepada peningkatan kualiti pelaporan kami, dari segi penyampaian maklumat secara seimbang, bermakna dan tepat kepada pelbagai pihak berkepentingan kami.

KELESTARIAN KEWANGAN

Dalam memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik pelanggan dan kelestarian jangka panjang, aktiviti pembiayaan kami adalah sejajar dengan Garis Panduan Bank Negara mengenai Pembiayaan Bertanggungjawab dan Dokumen Dasar mengenai Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan. Pembiayaan kepada pihak-pihak yang berkait ditadbir oleh Dasar Dalaman Pembiayaan kepada Pihak-Pihak Berkait BSN untuk memastikan bahawa semua urus niaga dilaksanakan secara telus dan setaraf.

Melalui dasar kami yang mengutamakan unsur Islam, amalan pemberian pinjaman kami dipertingkatkan oleh prinsip Syariah di mana kami mengelak dari memberi pinjaman di sektor yang dilarang. Pengawasan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan kami adalah berdasarkan parameter Syariah, yang memberikan panduan kepada proses dan amalan kami untuk memastikan urus niaga dilaksanakan selaras dengan keperluan Syariah. Risiko ketidakpatuhan Syariah dikurangkan melalui pemantauan rapi terhadap ketidakpatuhan Syariah dalam semua aspek kitaran hayat produk.

TANGGUNGJAWAB PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN bukan sahaja bertanggungjawab untuk membangunkan dan menyampaikan perkhidmatan kewangan yang mencipta nilai untuk Bank tetapi juga untuk menyokong matlamat sosial dan ekonomi yang lebih luas. Dengan meningkatkan penggunaan teknologi, mendorong inovasi dan penambahbaikan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan kami, BSN menyokong pelanggan dan komuniti kami sambil memacu pertumbuhan yang lestari.

Piagam Layanan Adil Pelanggan BSN menyatakan komitmen kami untuk menyampaikan piawaian kesaksamaan yang tertinggi dalam semua urusan kami demi melindungi kepentingan dan kesejahteraan kewangan pelanggan kami. Kami komited dalam memberikan nasihat yang jelas dan jujur dan untuk memastikan produk kewangan yang kami tawarkan adalah sesuai untuk pelanggan kami. Kami percaya bahawa memberikan hasil yang adil dan saksama kepada pelanggan akan membantu kami membina dan menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami.

TRANSPARENCY AND REPORTING

Transparency builds trust, engagement and commitment of our stakeholders to the vision and mission of the Bank. We continuously discuss and deliberate on the level of transparency and accountability in reporting across various functions of the Bank. This positively contributes to improving the quality of our reporting, in terms of presenting information in a balanced, meaningful and accurate manner to our various stakeholders.

FINANCIAL SUSTAINABILITY

In putting our customers' best interest and long-term sustainability at the forefront, our financing activities are aligned with Bank Negara's Guideline on Responsible Financing and Policy Document on Fair Treatment of Financial Consumers. Financing to connected parties are governed by BSN's internal Financing to Connected Parties Policy to ensure that all such transactions are conducted in a transparent and arms-length basis.

Through our Islamic-first policy, our lending practices are enhanced by Shariah principles and we refrain from lending in prohibited sectors. Oversight of the risks associated with our financing activities is based on Shariah parameters, which guide our processes and practices to ensure that transactions are carried out in accordance with Shariah requirements. Shariah non-compliance risks are mitigated through rigorous monitoring of Shariah non-compliance in all aspects of the product life-cycle.

PRODUCTS AND SERVICES RESPONSIBILITY

As a DFI, BSN is responsible not only for designing and delivering financial services that create value for the Bank but to also support wider social and economic goals. By deepening the utilisation of technology, driving innovation and constant enhancement to our products and services, BSN supports our customers and communities while driving sustainable growth.

BSN's Treat Customers Fairly Charter specifies our commitment to provide the highest standards of fairness in all our dealings to protect the interests and financial well-being of our customers. We are committed in providing clear and honest advice and to ensure that the financial products we offer are suitable for our customers. We believe that providing fair outcomes for customers helps us to build and foster long-term relationships with our customers.

AMALAN PEROLEHAN BERTANGGUNGJAWAB

Proses, dasar dan tatacara dalaman kami menyediakan panduan bagi memastikan amalan perolehan kami beretika dan bertanggungjawab, mematuhi prinsip keadilan dan mempertimbangkan semua kriteria yang wajar secara menyeluruh apabila memilih pembekal. Semua keputusan pembelian mesti dibuat berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dan demi kepentingan terbaik Bank.

Tadbir urus dan tatacara dalaman yang mantap, termasuk Dasar Tanpa Hadiah BSN, menyediakan panduan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan ke arah memastikan tingkah laku beretika dan mencegah situasi konflik kepentingan. Semua sebut harga dan tender yang dikemukakan oleh pembekal dinilai berdasarkan kualiti barangan dan perkhidmatan, latar belakang, pengalaman dan rekod prestasi pembida dan daya saing harga.

Oleh itu, komitmen kami terhadap menegakkan ketelusan, kerahsiaan dan keadilan dalam semua urusan kami memastikan bahawa semua pembekal kami dilayan secara adil dan saksama.

PERTUMBUHAN DAN PENGEKALAN KAKITANGAN

Warga kerja kami dan bakat mereka adalah sangat penting untuk pertumbuhan kami. Di BSN, kami menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja yang mendorong modal insan berbakat untuk membangunkan potensi mereka sepenuhnya. Cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan nilai-nilai teras kami iaitu C.A.R.E (Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika).

Persekitaran perniagaan masa kini memerlukan warga kerja kami untuk dilengkapi dengan kemahiran yang akan mempersiapkan mereka untuk menguruskan risiko operasi perniagaan semasa dan yang bakal muncul. Kami percaya bahawa pengurusan perolehan, pertumbuhan dan pengekalan bakat yang berkesan dan cekap dapat menjamin kesinambungan, produktiviti, prestasi dan daya saing perniagaan.

HUBUNGAN KOMUNITI

Kami percaya bahawa penglibatan dalam pelbagai inisiatif komuniti akan memupuk rasa tanggungjawab di kalangan warga kerja kami terhadap pelbagai isu sosial dan alam sekitar. Ini juga mengukuhkan kepercayaan terhadap peranan penting mereka dalam membuat perubahan positif menerusi penyelesaian yang lestari.

Sejak dahulu lagi kami telah memberi perkhidmatan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, bangsa dan kedudukan sosial. Sejajar dengan visi Bank iaitu ‘Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan’, BSN komited untuk menjalinkan hubungan yang lestari dan bermakna dengan pelanggannya melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang bertujuan memberi impak positif kepada komuniti. CSR BSN adalah sejajar dengan janji jenamanya untuk memberi masyarakat, terutamanya yang kurang mendapat perkhidmatan, peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di samping memperjuangkan mandat kami untuk menyediakan rangkuman kewangan kepada semua. BSN akan memastikan semua program CSR melengkapi nilai-nilai terasnya.

RESPONSIBLE PROCUREMENT PRACTICES

Our internal processes, policies and procedures guide us in ensuring that our procurement practices are ethical and responsible, adhere to the principles of fairness and consider all appropriate criteria thoroughly when selecting suppliers. All purchasing decisions must be based on good governance practices and in the best interest of the Bank.

Robust internal governance and procedures, including the Bank’s No-Gift Policy, guide all those involved in the procurement process towards ensuring ethical conduct and preventing situations of conflicts of interest. All quotations and tenders submitted by suppliers are evaluated on the basis of quality of goods and services, background, experience and track record of the bidders and competitiveness of price.

Hence, our commitment to transparency, confidentiality and fairness in all our dealings ensures that all our suppliers can expect to be treated fairly and equally.

EMPLOYEE GROWTH AND RETENTION

Our people and their talent are fundamental to our growth. At BSN, we encourage a workplace with full diversity which attracts talented human capital to develop their fullest potential. We work and behave by our core values of C.A.R.E (Committed, Agile, Respectful & Ethical).

Today’s business environment requires our people to be equipped with skills that will prepare them to manage present and emerging risks of our business operations. We believe that effective and efficient management of talent acquisition, growth and retention can ensure business continuity, productivity, performance and competitiveness.

COMMUNITY RELATIONS

We believe that involvement in various community initiatives helps instill a sense of responsibility in our employees towards various social and environmental issues. It also reinforces belief in their critical role in bringing about positive change through sustainable solutions.

We have a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank’s vision of ‘No Malaysian Left Behind’, the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers through corporate social responsibility (CSR) programs, which will bring positive impact to the community. BSN’s CSR is aligned with its brand promise to provide society, especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all. BSN shall ensure that all CSR programs complement its core values.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Penglibatan sistematik merupakan asas untuk memahami keperluan pihak berkepentingan. Maklum balas dan input pihak berkepentingan kami adalah sangat berharga dan kami berhubung dengan mereka secara berkala melalui pelbagai platform sebagai kelaziman dalam perniagaan kami. Ia adalah penting untuk menganalisis, memahami dan bertindak balas terhadap jangkaan, keperluan, dan isu-isu pihak berkepentingan yang kian berkembang untuk memacu prinsip-prinsip dan program-progam yang akan meningkatkan kesedaran dan mendorong sokongan untuk tindakan yang berkesan ke arah mencapai pembangunan yang lestari.

RISIKO IKLIM

BSN mengiktiraf bahawa perubahan iklim memberi kesan yang besar kepada masyarakat, ekonomi dan sistem kewangan. Bank disarankan mengguna pakai Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) yang dikeluarkan oleh Bank Negara di dalam model dan amalan perniagaan secara keseluruhannya termasuk menyepadukan pertimbangan kelestarian ke dalam strategi dan operasinya, dan menyediakan sokongan berterusan jika berkenaan ke arah agenda kelestarian Kerajaan dalam menyokong aktiviti pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim.

STAKEHOLDER ENGAGEMENT

Systematic engagement is fundamental to understanding stakeholders' needs. Our stakeholders and their inputs are valuable to us and we seek to reach out to them regularly through various platforms as part of the usual course of our business. It is crucial to analyse, understand and respond to the evolving expectations, needs, and issues of our stakeholders to advocate principles and programs that will raise awareness and activate support to enable meaningful actions towards sustainable development.

CLIMATE RISKS

BSN recognises that climate change has a significant impact on the society, economy and financial system. The Bank shall apply the Climate Change and Principle Based Taxonomy (CCPT) as issued by Bank Negara where applicable into its overall business practices and models including but not limited to integrating sustainability considerations into its strategy and operations, and shall also provide continuous support where applicable towards the Government sustainability agenda to support climate change mitigation and adaptation activities.

KENYATAAN AUDIT DALAMAN
INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalaman (IAD) melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (BAC) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. IAD secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan kepada rangka kerja IAD berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh BAC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "cycle" yang diluluskan.

Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan mengikut keperluan kawal selia dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian penipuan terkini, penarafan audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. IAD juga menjalankan siasatan kes penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang dan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab.

IAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak BAC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan / atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporatnya. Pihak BAC juga akan memastikan bahawa pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan IAD untuk penambahbaikan. BAC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak BAC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan-cadangan audit tersebut.

BAC terdiri daripada empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman dalam BSN. BAC memanfaatkan kerja-kerja IAD dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada BAC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawalseliaan akan dilaporkan kepada BAC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, BAC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan untuk melindungi kepentingan BSN dan untuk memastikan tadbir urus yang wajar. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan 'Tidak Memuaskan' oleh pihak IAD akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh BAC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Board Audit Committee (BAC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. IAD regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based IAD framework that is approved by BAC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions against responsible parties.

IAD has unrestricted access to BAC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of the Group and / or keep it from achieving its corporate goals. The BAC ensures that Management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. The BAC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the BAC directs Management to take cognisance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BAC comprises four (4) Independent Non-Executive Directors. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BAC leverages on the work of the IAD and the Audit Report that is presented to the BAC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to the BAC for review and deliberation. In this regard, the BAC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by IAD are counselled by the BAC.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH
SHARIAH COMMITTEE REPORT

JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Perniagaan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan JKS selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan pelaksanaan Tadbir Urus Syariah oleh organ-organ utama di dalam Bank berdasarkan kepada Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah BNM (2019). Secara umum, JKS bertanggungjawab untuk memberikan nasihat yang objektif dan bernas kepada Bank untuk memastikan tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti kegiatannya mematuhi Syariah.

Untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah, JKS dibantu oleh fungsi-fungsi kawalan di bawah Tadbir Urus Syariah iaitu Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko, Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman manakala sokongan operasi bagi keberkesanan fungsi JKS dilaksanakan oleh Bahagian Syariah Jabatan Perbankan Islam.

SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Banking Business, a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and implementation of Shariah Governance by key organs of the Bank in accordance with the BNM Policy Document Shariah Governance (2019). In general, the SC has the responsibility to provide objective and sound advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah.

In ensuring the oversight and effective management of the Bank's overall Shariah non-compliance risk, the SC is assisted by the control functions under the Shariah Governance namely the Shariah Risk of Risk Management Department, Shariah Review of Compliance Department and Shariah Audit of Internal Audit Department, while the operational support for the effective functioning of the SC is provided by the Shariah Division of Islamic Banking Department.

KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada enam (6) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualifications and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of six (6) members with diverse backgrounds in terms of qualifications, experience and knowledge.

MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, lima belas (15) mesyuarat JKS termasuk mesyuarat-mesyuarat khas telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan tersebut. Mesyuarat-mesyuarat ini telah diadakan secara maya sepanjang tahun susulan keadaan pandemik COVID-19. Kehadiran ahli-ahli JKS adalah seperti berikut:

SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2021, fifteen (15) SC meetings including special meetings were held during the twelve (12) months. The meetings were held virtually throughout the year in view of the COVID-19 pandemic situation. The attendance of the SC members is as follows:

Bil / No	Ahli Jawatankuasa Syariah / Shariah Committee Members	Kehadiran / Attendance
1	**Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria**	15 / 15
2	**Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh**	15 / 15
3	**Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin**	15 / 15
4	**Dr. Asma Hakimah Ab Halim**	15 / 15
5	**Dr. Razli Ramli**	15 / 15
6	**Tuan Haji Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib**	15 / 15

IMBUHAN
REMUNERATION

OBJEKTIF & PRINSIP IMBUHAN

Imbuhan di BSN bertujuan untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan kakitangan untuk mencapai objektif dan mandat jangka panjangnya dengan jayanya. BSN mengguna pakai pendekatan imbuhan yang berpandukan prinsip-prinsip berikut:

REMUNERATION OBJECTIVES & PRINCIPLES

Remuneration at BSN is aimed to attract, motivate and retain employees to deliver its long term objectives and mandates successfully. BSN applies a remuneration approach that is guided by the following principles:

Menyokong mandat dan strategi perniagaan BSN yang diukur melalui skorkad korporat / Support BSN mandates and business strategies measured through corporate scorecard

- Tahap penekanan yang bersesuaian diberikan kepada mandat BSN dengan mengaitkan imbuhan dengan skorkad korporat.
- An appropriate level of emphasis is given to BSN's mandates through the linkage between corporate scorecard and remuneration.

- Hasil yang dijangkakan mengenai pencapaian mandat digabungkan ke dalam skorkad korporat.
- The expected outcomes on mandates delivery are incorporated into the corporate scorecard.

- Imbuhan dikaitkan dengan prestasi keseluruhan skorkad korporat yang mana pencapaian mandat adalah salah satu elemen utama.
- Remuneration is connected to the overall performance of corporate scorecard in which mandates delivery is one of the key elements.

Menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat dan tingkah laku yang diingini / Promote prudent risk-taking and desired conduct

- Sistem imbuhan dikaitkan dengan pengurusan prestasi kakitangan yang menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat, hasil pematuhan dan tingkah laku yang diingini.
- The remuneration system is linked to employee performance management that encourages prudent risk taking, desired compliance outcomes and conduct.

- Imbuhan Tidak Tetap ditangguhkan dan / atau dilucuthakkan dalam kes pengambilan risiko yang tidak wajar, ketidakpatuhan dan salah laku berdasarkan keputusan tindakan tatatertib.
- Variable pay is deferred and / or forfeited in cases of improper risk-taking, non-compliance and misconduct based on the consequence management outcomes.

Menyelaraskan imbuhan dengan prestasi / Align pay with performance

- Sistem imbuhan direka bentuk untuk memastikan ganjaran adalah berdasarkan prestasi korporat dan individu.
- The remuneration system is designed to ensure that reward is measurably linked to corporate and individual performance.

- Prestasi individu akan diukur berdasarkan pencapaian KPI, kompetensi, hasil pengambilan risiko dan pematuhan serta kelakuan.
- The individual performance will be measured based on KPI achievements, competencies, risk and compliance outcomes as well as conduct.

- Penangguhan pembayaran dan pelucuthakkan Imbuhan Tidak Tetap dikenakan ke atas kes ketidakpatuhan dan salah laku yang melibatkan kesan yang negatif.
- Payment deferment and forfeiture of variable pay are applied to non-compliance and misconduct involving material adverse outcomes.

Menyediakan imbuhan yang berdaya saing dengan pasaran / Provide market-competitive pay

- Penanda aras imbuhan dijalankan terhadap industri dan pasaran di mana Bank beroperasi dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank.
- Remuneration benchmarking is conducted against the industry and market where the Bank operates taking into account long term financial sustainability of the Bank.

- Peruntukan untuk Imbuhan Tidak Tetap adalah berdasarkan prestasi keseluruhan dan kedudukan kewangan Bank, trend pasaran serta keadaan ekonomi.
- The pool for the variable pay is determined by the overall Bank's performance and financial standing, market trends and economic conditions.

IMBUHAN
REMUNERATION

KOMPONEN IMBUHAN

Jumlah pampasan adalah fokus utama imbuhan dalam konteks ini melibatkan dua (2) komponen utama iaitu, Imbuhan Tetap dan Imbuhan Tidak Tetap.

REMUNERATION COMPONENTS

The total compensation is the key focus of the remuneration in this context involving two (2) main components namely, fixed pay and variable pay.

	Apa / What	**Kenapa / Why**	**Bagaimana / How**
Imbuhan Tetap / Fixed Pay	Gaji / Salary	• Menarik dan mengekalkan bakat dengan memastikan Imbuhan Tetap kami berdaya saing dengan institusi yang setanding dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank. • Attract and retain talent by ensuring our fixed pay is sufficiently competitive with comparable institution taking into consideration the Bank's long term financial sustainability.	• Menetapkan imbuhan pada tahap yang sesuai dengan mengambil kira keadaan pasaran, kemahiran, pengalaman, tanggungjawab, akauntabiliti dan / atau prestasi kerja. Bayaran tersebut dibayar kepada kakitangan secara bulanan dan boleh diselaraskan setiap tahun atau apabila perlu. • Set at an appropriate pay level by taking into account market conditions, skills, experience, responsibilities, accountability and / or performance of the employee. The payment is paid to employees on a monthly basis and may be reviewed annually or as and when needed.
Imbuhan Tidak Tetap / Variable Pay	Bonus prestasi / Performance bonus	• Menggalakkan bayaran untuk prestasi. • Promote pay for performance. • Membantu menumpukan kakitangan kepada pencapaian objektif Bank dan memenuhi mandatnya. • Help to focus employees on the achievement of the Bank's objectives and fulfilment of its mandates. • Menggalakkan tingkah laku yang betul dan kelakuan beretika melalui penangguhan bonus dan pengaturan pelucuthakkan. • Encourage the right behaviours and ethical conduct through bonus deferment and forfeiture arrangement.	• Berdasarkan prestasi Bank dan prestasi individu kakitangan. • Based on the performance of the Bank and the employee's individual performance. • Diukur berdasarkan skorkad korporat, KPI dan sasaran yang dipersetujui pada awal setiap tahun. • Measured against the corporate scorecard, KPIs and targets agreed at the beginning of each year. • Peruntukan bonus adalah berdasarkan pencapaian keseluruhan skorkad korporat dan prestasi kewangan Bank tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah dan kelulusan Kementerian Kewangan. • The bonus pool is determined based on the overall corporate scorecard achievement and the Bank's financial performance subject to the Board of Directors' endorsement and the Ministry of Finance's approval.

IMBUHAN UNTUK PEGAWAI KANAN UTAMA, SETIAUSAHA SYARIKAT DAN PENGAMBIL RISIKO UTAMA LAIN

Imbuhan Pegawai Kanan Utama (meliputi Ketua Pegawai dan Ketua Fungsi Kawalan), Setiausaha Syarikat dan Pengambil Risiko Utama Lain dikemukakan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan untuk persetujuan dan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Imbuhan Pegawai Kanan Utama dan Pengambil Risiko Utama Lain BSN pada TK2021 adalah diringkaskan dalam jadual di bawah:

REMUNERATION FOR KEY SENIOR OFFICERS, COMPANY SECRETARY AND OTHER MATERIAL RISK TAKERS

The remuneration of Key Senior Officers (covering Chief Officers and Heads of Control Functions), Company Secretary and Other Material Risk Takers (OMRTs) is submitted to the Board Nomination and Remuneration Committee for endosement and to the Board for approval. The remuneration of BSN's Key Senior Officers and OMRTs in FY2021 is summarised in the table below:

Jumlah Nilai Imbuhan (RM) / Total Value of Remuneration (RM)	**Pegawai Kanan Utama & Setiausaha Syarikat / Key Senior Officers & Company Secretary**	**Pengambil Risiko Utama Lain / OMRTs**
Imbuhan Tetap / Fixed Pay	4,599,964	1,332,900
Imbuhan Tidak Tetap / Variable Pay	882,503	246,380
Definisi / Definition	Pegawai Kanan Utama ditakrifkan sebagai Ketua Pegawai Perniagaan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Pematuhan, Ketua Juruaudit Dalaman, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Pegawai Integriti & Tadbir Urus. Key Senior Officers are defined as Chief Business Officer, Chief. Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Compliance Officer, Chief Internal Auditor, Chief Risk Officer and Chief Integrity & Governance Officer.	Pengambil Risiko Utama Lain ditakrifkan sebagai kakitangan yang boleh mengawal sejumlah besar sumber Bank atau yang mana tindakan mereka berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas profil risiko Bank atau mereka di kalangan pegawai yang diberikan ganjaran paling tinggi. Jawatan yang termasuk di bawah takrifan Pengambil Risiko Utama Lain disemak semula oleh Lembaga Pengarah setiap tahun. OMRTs are defined as the employees who can materially commit or control significant amounts of the Bank's resources or whose actions are likely to have a significant impact on its risk profile or those among the most highly remunerated officers. The positions that fall under the definition of OMRTs are reviewed by the Board of Directors annually.

Nota: Imbuhan Ketua Eksekutif dan para pengarah dinyatakan secara berasingan di bawah Penyata Kewangan, di muka surat x. (Nombor halaman untuk disahkan oleh Komunikasi Strategik).

Notes: The remuneration of the Chief Executive and directors are disclosed separately under Financial Statement, on page x. (Page number to be confirmed by Strategic Communications).

PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 187.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional berdasarkan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 MAC 2022

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan perubahan kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank serta hasil kendaliannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID
Pengerusi

JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
Ahli Lembaga Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 10 MAR 2022

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, **ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID | **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH**

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 10 MAR 2022

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
NO: W 681
RAJEEV SAIGAL A/L RAMLABAYA SAIGAL
BC/R/546
1 JAN 2022 - 31 DIS 2024
MALAYSIA

NO. A-31-11, LEVEL 31,
TOWER A, MENARA UOA BANGSAR,
NO. 5, JALAN BANGSAR UTAMA 1,
BANGSAR, 59000 KUALA LUMPUR

LAPORAN PENGARAH

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan masing-masing dalam Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan	Bank
	RM'000	RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	458,433	405,464
Belanja cukai dan zakat	(151,387)	(113,575)
Keuntungan bersih pada tahun semasa	307,046	291,889
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	302,072	291,889
Kepentingan bukan kawalan	4,974	–
Keuntungan bersih pada tahun semasa	307,046	291,889

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah RM21 juta.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:

Rossana Annizah Binti Ahmad Rashid
Dr Mastura Binti Abdul Karim
Haji Selamat Bin Sirat
Datin Zaimah Binti Zakaria
Dato' Haji Amirudin Bin Haji Abdul Halim
Ahmad Lutfi Bin Abdull Mutalip @ Talib
Dato' Mohd Rizal Bin Mohd Jaafar
Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah (dilantik pada 3 Februari 2021)

Kesemua ahli Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah. Kesemua ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 32 dalam penyata kewangan) di bawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang perjanjian yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambih langkah yang munasabah:

i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan

ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukunya, mungkin tidak dapat direalisasi dalam rekod perakaunan dalam urusniaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dalam penyata Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; atau

ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau

iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau

iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; atau

ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh merosotnilaikan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

LAPORAN PENGARAH

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID
Pengerusi

JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 10 Mac 2022

Laporan Jawatankuasa Syariah BSN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Penyayang
Segala Puji-Pujian Hanya kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat Baginda.

Pengenalan

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional (Bank) sepertimana digariskan di dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Pengurusan Bank pada setiap masa bertanggungjawab memastikan operasi Bank dan perniagaan berkaitan Perbankan Islam dijalankan selaras dengan prinsip Syariah, dan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat secara bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti produk-produk patuh Syariah Bank serta menghasilkan laporan ini.

Perlaksanaan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami, kami membentuk pendapat berdasarkan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk meneliti, berdasarkan ujian bagi setiap jenis transaksi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank adalah tidak melanggar hukum dan prinsip Syariah.

Selain itu, kami juga dibantu oleh Sekretariat Jawatankuasa Syariah dan fungsi kawalan dibawah tadbir urus Syariah yang terdiri daripada Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa Sekretariat Jawatankuasa Syariah telah memberi sokongan operasi terhadap keberkesanan fungsi Jawatankuasa Syariah dan kami telah memberikan mandat dan kuasa tanggungjawab kepada Bahagian Syariah berdasarkan kepada skop mandat yang telah dipersetujui di mana kerja, pertimbangan utama dan keputusan berkaitan perkara yang ditugaskan tersebut serta laporan-laporan lain yang berkaitan telah dilaporkan kepada kami semasa mesyuarat bagi tujuan perbincangan, kelulusan, persetujuan dan pemakluman kami.

Sementara itu, fungsi kawalan ini memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang efektif dalam Bank. Kami telah menilai laporan yang dihasilkan oleh Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah yang merangkumi kemaskini berkala, memeriksa, pada asas ujian sampel, setiap jenis transaksi, operasi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank yang dibentangkan kepada kami.

Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah

Pada tahun 2021, kami telah mengadakan lima belas (15) mesyuarat termasuk tiga (3) mesyuarat khas di mana kami telah menyemak, membincangkan, meluluskan dan mengesahkan produk-produk baharu Perbankan Islam, variasi dan program yang berkaitan, perkhidmatan, isu-isu/ kebimbangan Perbankan Islam yang telah timbul dalam operasi, polisi, manual dan dokumentasi lain.

Kami mengesahkan telah memenuhi jangkaan pengawalselia berkaitan pengurusan mesyuarat termasuk kehadiran ahli, kuorum ahli yang mempunyai latar belakang Syariah dan bukan Syariah serta keputusan atau nasihat yang telah diputuskan oleh kami.

Secara umumnya, kontrak Syariah yang telah diluluskan bagi produk patuh Syariah adalah Tawarruq (digunakan untuk Pembiayaan perumahan Islamik, Pembiayaan Peribadi Islamik, Pembiayaan Perniagaan Mikro Islamik, Deposit Tetap Islamik, Sijil Simpanan Premium Edisi Khas, Akaun Simpanan dan e-Semasa Islamik), Al-Ijarah Thumma Al-Bai' "AITAB" (Pembiayaan Kenderaan Islamik), Mudarabah (Sijil Simpanan Premium) dan Ujrah (Kad Kredit Islamik).

Pengawasan Lembaga Pengarah Terhadap Perihal Syariah

Selaras dengan usaha untuk memberikan sokongan ke atas fungsi pengawasan Lembaga Pengarah serta untuk membina komunikasi yang berkesan antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, kertas kerja khusus berkenaan ringkasan keputusan dan perbincangan penting semasa mesyuarat Jawatankuasa telah dibentangkan kepada Lembaga untuk makluman dan perhatian, sebagai tambahan kepada edaran Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang disahkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

Sebagai salah satu inisiatif untuk mengukuhkan interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, dua (2) sesi libat urus telah dianjurkan di mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah berkumpul untuk membincangkan perkara yang dikenal pasti dan terpilih.

Pembangunan Kapasiti & Kesedaran

Dengan matlamat untuk membangunkan dan mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman tentang kewangan Islam di kalangan pihak-pihak berkepentingan, Bank telah menganjurkan latihan secara berterusan mengikut Pelan Hala Tuju Perbankan Islam & Latihan Syariah yang telah diluluskan di mana semua pihak berkepentingan mengambil bahagian dalam program, latihan atau kursus dalaman atau luaran yang ditetapkan atau dikenalpasti oleh Bank.

Ke arah memantapkan profesonalisme dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa Syariah, kami telah mendaftar dalam program persijilan berstruktur iaitu *Certified Shariah Advisor (CSA) and Certified Shariah Practitioner (CSP)* di bawah anjuran Persatuan Penasihat-Penasihat Syariah Dalam Kewangan Islam *(ASAS).*

Tambahan, kami juga telah menghadiri dan menyertai program atau seminar berkaitan kewangan Islam dan Syariah untuk membolehkan kami mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Ini juga termasuk dua (2) program latihan dalaman yang telah dikendalikan oleh penceramah luar yang dilantik meliputi topik *"Shariah Non-Compliance: Perspective of Shariah Governance Practices"* dan *"Islamic Fintech and Future of Islamic Banking"* yang telah diadakan masing-masing pada 27 September dan 17 Disember 2021.

Kami juga mengakui bahawa siri latihan dan kesedaran mengenai Perbankan Islam & Syariah telah diadakan secara dalaman bagi mengukuhkan lagi keupayaan kakitangan Bank. Bank juga amat komited dalam memantapkan tahap kefahaman dan pengetahuan dalam bidang Syariah dengan melantik kakitangan terpilih untuk mengikuti pelbagai latihan dan kursus luar perbankan dan Kewangan Islam.

Insiden Ketidakpatuhan Syariah

Sepanjang tahun kewangan, tiada insiden ketidakpatuhan Syariah diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah, walau bagaimanapun kami telah membincangkan tentang isu-isu operasi yang telah disahkan oleh kami bahawa tiada implikasi terhadap pematuhan Syariah. Kami juga memantau Bank dalam menangani insiden ketidakpatuhan Syariah yang berlaku pada tahun-tahun kewangan sebelum ini memandangkan tindakan pembetulan masih dalam proses berterusan.

Pendapat Mengenai Pematuhan Bank Terhadap Syariah

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, transaksi dan urusniaga yang digunakan oleh Bank pada tahun berakhir 31 Disember 2021 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan

2. Kami percaya bahawa apa yang telah dibentangkan untuk perhatian Jawatankuasa Syariah yang melibatkan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Bank adalah tidak terlibat dengan sebarang ketidakpatuhan Syariah; dan

3. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan

4. Segala pendapatan yang telah terhasil daripada sumber atau melalui cara yang dilarang oleh prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh kami, telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan

5. Pengiraan zakat bagi Perniagaan Perbankan Islam dilakukan berdasarkan kaedah Modal Berkembang sepertimana yang telah disahkan oleh pihak Berkuasa Zakat yang dibayar kepada semua Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri berdasarkan pecahan yang telah diluluskan oleh Bank, adalah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:

PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

PROF. MADYA DR. KAMARUZAMAN NOORDIN
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur, Malaysia
09 Mac 2022

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2021

		Kumpulan		Bank	
	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	3	**1,544,948**	2,188,453	**1,636,050**	2,059,544
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		**178,581**	143,898	**–**	–
Pelaburan sekuriti	4	**8,216,032**	7,569,553	**8,069,789**	7,363,811
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	**32,444,350**	29,785,820	**32,444,350**	29,785,820
Aset-aset lain	7	**564,006**	387,491	**208,442**	187,298
Pelaburan dalam subsidiari	8	**–**	–	**53,000**	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	**150,100**	126,627	**145,877**	127,877
Hartanah, loji dan peralatan	10	**474,915**	527,352	**449,109**	498,048
Aset hak-kegunaan	11	**157,438**	161,220	**87,592**	86,126
Pelaburan hartanah	12	**62,430**	60,989	**62,430**	60,989
Bayaran pajakan prabayar	13	**86,897**	74,809	**85,429**	73,324
Aset tak ketara	14	**243,300**	234,120	**96,791**	103,909
Aset cukai tertunda	25	**181,572**	86,057	**181,510**	88,481
Aset dana takaful keluarga	42	**5,443,097**	4,552,960	**–**	–
Jumlah aset		**49,747,666**	45,899,349	**43,520,369**	40,488,227
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit daripada pelanggan	15	**29,307,649**	27,782,240	**29,539,473**	27,785,964
Akaun pelaburan oleh pelanggan	16	**3,621,936**	3,572,254	**3,621,936**	3,572,254
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	17	**2,606,924**	2,663,923	**2,606,924**	2,663,923
Sukuk	18	**754,393**	–	**754,393**	–
Pendapatan tertunda	19	**1,376,183**	958,680	**1,376,183**	958,680
Obligasi manfaat persaraan	20	**676,335**	649,281	**676,335**	649,281
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	21	**303,406**	264,790	**303,406**	264,790
Liabiliti pajakan	22	**157,548**	159,231	**83,048**	81,741
Liabiliti-liabiliti lain	23	**1,452,016**	1,311,651	**961,983**	965,121
Peruntukan untuk cukai dan zakat	24	**92,407**	67,362	**93,402**	66,825
Liabiliti dana takaful keluarga	42	**704,269**	356,989	**–**	–
Liabiliti dana pemegang polisi takaful keluarga	42	**4,738,828**	4,195,971	**–**	–
Jumlah liabiliti		**45,791,894**	41,982,372	**40,017,083**	37,008,579
EKUITI					
Keuntungan tertahan		**1,736,679**	1,601,552	**1,568,238**	1,443,294
Rizab-rizab lain		**1,936,973**	2,038,279	**1,935,048**	2,036,354
Jumlah Rizab		**3,673,652**	3,639,831	**3,503,286**	3,479,648
Kepentingan bukan kawalan terkumpul		**282,120**	277,146	**–**	–
Jumlah ekuiti		**3,955,772**	3,916,977	**3,503,286**	3,479,648
Jumlah liabiliti dan ekuiti		**49,747,666**	45,899,349	**43,520,369**	40,488,227
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA	37	**3,270,489**	3,606,078	**3,265,595**	3,604,966

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

		Kumpulan		Bank	
	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil	26	**2,979,804**	2,886,839	**1,976,923**	2,035,597
Pendapatan faedah	27	**492,350**	574,305	**491,665**	568,835
Belanja faedah	28	**(71,560)**	(121,518)	**(81,238)**	(130,085)
Pendapatan faedah bersih		**420,790**	452,787	**410,427**	438,750
Pendapatan fi dan komisyen	29	**940,154**	821,632	**79,975**	79,153
Pendapatan operasi lain	30	**244,358**	213,005	**102,341**	109,712
Perbelanjaan operasi lain	31	**(44,025)**	(65,540)	**(40,482)**	(61,820)
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	41	**920,567**	850,823	**920,567**	850,823
Jumlah pendapatan bersih		**2,481,844**	2,272,707	**1,472,828**	1,416,618
Perbelanjaan kakitangan	32	**(812,185)**	(760,069)	**(694,827)**	(663,511)
Perbelanjaan lain	33	**(1,226,246)**	(1,077,122)	**(382,084)**	(392,777)
Keuntungan operasi sebelum elaun rosotnilai		**443,413**	435,516	**395,917**	360,330
Masuk kira semula/(Elaun) bagi rosotnilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	34	**9,547**	(37,365)	**9,547**	(37,365)
(Elaun)/Masuk kira semula bagi rosotnilai atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	**(5,329)**	2,378	**–**	(16,097)
Keuntungan operasi selepas elaun rosotnilai		**447,631**	400,529	**405,464**	306,868
Bahagian keuntungan/(kerugian) selepas cukai bagi syarikat bersekutu	9	**10,802**	(30,893)	**–**	–
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat		**458,433**	369,636	**405,464**	306,868
Belanja cukai	35	**(145,562)**	(120,751)	**(110,575)**	(100,754)
Zakat	24	**(5,825)**	(7,038)	**(3,000)**	(2,000)
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**307,046**	241,847	**291,889**	204,114
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**302,072**	216,853	**291,889**	204,114
Kepentingan bukan kawalan	8	**4,974**	24,994	**–**	–
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**307,046**	241,847	**291,889**	204,114

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2021 RM'000	**2020 RM'000**	**2021 RM'000**	**2020 RM'000**
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**307,046**	241,847	**291,889**	204,114
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai dan cukai tertunda:					
Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan		**–**	(64,963)	**–**	(64,963)
Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		**(247,251)**	95,720	**(247,251)**	95,720
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai dan cukai tertunda		**(247,251)**	30,757	**(247,251)**	30,757
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**59,795**	272,604	**44,638**	234,871
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**54,821**	247,610	**44,638**	234,871
Kepentingan bukan kawalan	8	**4,974**	24,994	**–**	–
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**59,795**	272,604	**44,638**	234,871

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

KUMPULAN

		Milik pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih				*Boleh diagih*				
	Nota	**Rizab Am* RM'000**	**Rizab Modal** RM'000**	**Rizab Nilai Saksama RM'000**	**Rizab Pematuhan*** RM'000**	**Rizab Penilaian Semula RM'000**	**Keuntungan Tertahan RM'000**	**Jumlah Rizab RM'000**	**Kepentingan Bukan Kawalan RM'000**	**Jumlah Ekuiti RM'000**
Pada 1 Januari 2020		100,000	1,392,030	215,264	131,283	1,925	1,585,719	3,426,221	252,152	3,678,373
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	–	216,853	216,853	24,994	241,847
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	95,720	–	–	(64,963)	30,757	–	30,757
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	95,720	–	–	151,890	247,610	24,994	272,604
Dividen dibayar	43	–	–	–	–	–	(34,000)	(34,000)	–	(34,000)
Pindahan ke rizab modal		–	102,057	–	–	–	(102,057)	–	–	–
Pada 31 Disember 2020		100,000	1,494,087	310,984	131,283	1,925	1,601,552	3,639,831	277,146	3,916,977
Pada 1 Januari 2021		**100,000**	**1,494,087**	**310,984**	**131,283**	**1,925**	**1,601,552**	**3,639,831**	**277,146**	**3,916,977**
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**302,072**	**302,072**	**4,974**	**307,046**
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa		**–**	**–**	**(247,251)**	**–**	**–**	**–**	**(247,251)**	**–**	**(247,251)**
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**–**	**–**	**(247,251)**	**–**	**–**	**302,072**	**54,821**	**4,974**	**59,795**
Dividen dibayar	43	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(21,000)**	**(21,000)**	**–**	**(21,000)**
Pindahan ke rizab modal		**–**	**145,945**	**–**	**–**	**–**	**(145,945)**	**–**	**–**	**–**
Pada 31 Disember 2021		**100,000**	**1,640,032**	**63,733**	**131,283**	**1,925**	**1,736,679**	**3,673,652**	**282,120**	**3,955,772**

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2020: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 40(b) (vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Sebelum 1 Julai 2018, Kumpulan mematuhi Dasar BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Rosotnilai untuk Pinjaman/Pembiayaan, untuk mengekalkan, secara agregat, elaun rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan tidak kurang dari 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan, setelah ditolak elaun rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

BANK

		Milik pemegang ekuiti Bank					
		Tidak boleh diagih				*Boleh diagih*	
	Nota	**Rizab Am* RM'000**	**Rizab Berkanun** RM'000**	**Rizab Nilai Saksama RM'000**	**Rizab Pematuhan*** RM'000**	**Keuntungan Tertahan RM'000**	**Jumlah Rizab RM'000**
Pada 1 Januari 2020		100,000	1,392,030	215,264	131,283	1,440,200	3,278,777
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	204,114	204,114
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	95,720	–	(64,963)	30,757
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	95,720	–	139,151	234,871
Dividen dibayar	43	–	–	–	–	(34,000)	(34,000)
Pindahan ke rizab modal		–	102,057	–	–	(102,057)	–
Pada 31 Disember 2020		100,000	1,494,087	310,984	131,283	1,443,294	3,479,648
Pada 1 Januari 2021		**100,000**	**1,494,087**	**310,984**	**131,283**	**1,443,294**	**3,479,648**
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**–**	**–**	**–**	**–**	**291,889**	**291,889**
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa		**–**	**–**	**(247,251)**	**–**	**–**	**(247,251)**
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**–**	**–**	**(247,251)**	**–**	**291,889**	**44,638**
Dividen dibayar	43	**–**	**–**	**–**	**–**	**(21,000)**	**(21,000)**
Pindahan ke rizab modal		**–**	**145,945**	**–**	**–**	**(145,945)**	**–**
Pada 31 Disember 2021		**100,000**	**1,640,032**	**63,733**	**131,283**	**1,568,238**	**3,503,286**

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2020: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 40(b) (vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Sebelum 1 Julai 2018, Kumpulan mematuhi Dasar BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Rosotnilai untuk Pinjaman/Pembiayaan, untuk mengekalkan, secara agregat, elaun rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan tidak kurang dari 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan, setelah ditolak elaun rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

	Kumpulan		Bank	
	2021 RM'000	**2020 RM'000**	**2021 RM'000**	**2020 RM'000**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat	**458,433**	369,636	**405,464**	306,868
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih	**(18,887)**	4,795	**(18,887)**	4,795
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**63,874**	70,523	**60,433**	66,750
Susut nilai aset hak-kegunaan	**27,907**	27,304	**20,696**	20,868
Susut nilai pelaburan hartanah	**1,358**	1,352	**1,358**	1,352
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	**1,233**	1,085	**1,216**	1,067
Pelunasan aset tak ketara	**46,885**	53,101	**31,757**	33,460
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	**234**	2,051	**165**	1,660
Aset tak ketara dihapus kira	**41**	–	**–**	–
Kerugian rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	**–**	4,072	**–**	4,072
(Keuntungan)/Kerugian bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**(106)**	146	**(106)**	146
Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan aset hak-kegunaan	**(2,425)**	(1,736)	**(2,425)**	(1,644)
(Masuk kira semula)/Peruntukan kerugian kredit dijangka bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(30,533)**	9,014	**(30,533)**	9,014
Masuk kira semula/(Elaun) rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	**5,329**	(2,378)	**–**	16,097
Hutang lapuk dihapus kira	**50,791**	57,773	**50,791**	57,773
Bahagian (keuntungan)/kerugian selepas cukai bagi dalam syarikat bersekutu	**(10,802)**	30,893	**–**	–
Keuntungan bersih daripada pelaburan sekuriti	**(74,720)**	(82,176)	**(82,097)**	(72,049)
Kos kewangan ke atas liabiliti pajakan	**6,720**	6,933	**3,178**	3,215
Kos kewangan ke atas kos baik pulih	**353**	357	**352**	355
Manfaat perubatan selepas persaraan	**9,871**	9,703	**9,871**	9,703
Pelarasan manfaat perubatan selepas persaraan	**–**	(400)	**–**	(400)
Manfaat persaraan gratuiti	**35,248**	31,678	**35,248**	31,678
Manfaat kakitangan jangka panjang lain	**1,841**	1,488	**1,841**	1,488
Pendapatan dividen	**(3,086)**	(2,747)	**(1,085)**	(1,914)
(Penggunaan)/pembalikan geran kerajaan	**(8,876)**	93	**(8,876)**	93
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	**560,683**	592,560	**478,361**	494,447

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI
Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 (Sambungan)

	Kumpulan		Bank	
	2021 RM'000	**2020 RM'000**	**2021 RM'000**	**2020 RM'000**
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	**(34,683)**	16,195	**–**	–
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(2,677,857)**	(4,418,140)	**(2,677,857)**	(4,418,140)
Perubahan dalam aset-aset lain	**(175,328)**	29,789	**(19,957)**	1,323
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	**1,525,409**	4,907,094	**1,753,509**	4,906,260
Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan	**49,682**	479,692	**49,682**	479,692
Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	**(56,999)**	(32,651)	**(56,999)**	(32,651)
Perubahan dalam sukuk	**754,393**	–	**754,393**	–
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**145,749**	86,248	**(4,498)**	73,409
Aliran tunai dihasilkan daripada dalam operasi	**91,049**	1,660,787	**276,634**	1,504,340
Cukai dibayar	**(143,249)**	(183,991)	**(104,244)**	(163,159)
Bayaran balik cukai	**5,000**	–	**5,000**	–
Zakat dibayar	**(5,530)**	(5,405)	**(2,705)**	(367)
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	**(2,141)**	(2,271)	**(2,141)**	(2,271)
Manfaat persaraan gratuiti dibayar	**(16,488)**	(13,476)	**(16,488)**	(13,476)
Manfaat persaraan cuti terkumpul dibayar	**(1,277)**	(907)	**(1,277)**	(907)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi	**(72,636)**	1,454,737	**154,779**	1,324,160
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	**(18,000)**	–	**(18,000)**	–
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**416**	6,795	**324**	268
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(24,108)**	(81,749)	**(23,331)**	(80,125)
Pembelian hartanah pelaburan	**(2,301)**	(2,706)	**(2,301)**	(2,706)
Pembelian pembayaran pajakan prabayar	**(3,451)**	–	**(3,451)**	–
Pembelian aset tak ketara	**(63,094)**	(82,315)	**(24,740)**	(32,445)
Pembelian pelaburan sekuriti	**(878,201)**	(419,984)	**(930,323)**	(429,695)
Dividen diterima	**3,086**	2,747	**1,085**	1,914
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(985,653)**	(577,212)	**(1,000,737)**	(542,789)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**50,000**	59,283	**50,000**	59,283
Pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**(8,605)**	(11,784)	**(8,605)**	(11,784)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	**(29,211)**	(28,814)	**(21,531)**	(21,067)
Penerimaan geran daripada Kerajaan	**423,600**	438,000	**423,600**	438,000
Dividen dibayar kepada Kerajaan	**(21,000)**	(34,000)	**(21,000)**	(34,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	**414,784**	422,685	**422,464**	430,432
(PENURUNAN)/PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN	**(643,505)**	1,300,210	**(423,494)**	1,211,803
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	**2,188,453**	888,243	**2,059,544**	847,741
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**1,544,948**	2,188,453	**1,636,050**	2,059,544
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek	**1,544,948**	2,188,453	**1,636,050**	2,059,544

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 (Sambungan)

PERUBAHAN LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:

KUMPULAN	1 Januari 2021 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Pendapatan tertunda	**958,680**	**423,600**	**(6,097)**	**1,376,183**
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**264,790**	**41,395**	**(2,779)**	**303,406**
Liabiliti pajakan	**159,231**	**(29,211)**	**27,528**	**157,548**
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	**1,382,701**	**435,784**	**18,652**	**1,837,137**

	1 Januari 2020 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2020 RM'000
Pendapatan tertunda	517,009	438,000	3,671	958,680
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	224,447	47,499	(7,156)	264,790
Liabiliti pajakan	164,383	(28,814)	23,662	159,231
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	905,839	456,685	20,177	1,382,701

BANK	1 Januari 2021 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Pendapatan tertunda	**958,680**	**423,600**	**(6,097)**	**1,376,183**
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**264,790**	**41,395**	**(2,779)**	**303,406**
Liabiliti pajakan	**81,741**	**(21,531)**	**22,838**	**83,048**
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	**1,305,211**	**443,464**	**13,962**	**1,762,637**

	1 Januari 2020 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2020 RM'000
Pendapatan tertunda	517,009	438,000	3,671	958,680
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	224,447	47,499	(7,156)	264,790
Liabiliti pajakan	82,645	(21,067)	20,163	81,741
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	824,101	464,432	16,678	1,305,211

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ("Bank") ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpengkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiarinya dinyatakan masing-masing di Nota 8 dan 9.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah pada 10 Mac 2022.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang telah diubahsuai oleh Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA"), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Penyata kewangan bagi syarikat subsidiari Bank telah disediakan menurut MFRSs, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan MFRS yang telah dikeluarkan oleh MASB tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank.

MFRS, tafsiran dan pindaan telah berkuat kuasa untuk tempoh tahunan semasa

- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, MFRS 139, *Instrumen Kewangan; Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan*, MFRS 4, *Kontrak Insurans*, MFRS 16, *Pajakan: Pendedahan – Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah – Fasa 2*
- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan – Konsesi Sewa Berkaitan Covid-19 selepas Jun 2021*

Penggunaan awal pindaan tersebut tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Bank dalam tempoh semasa dan tempoh sebelumnya.

MFRS dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan MFRS Kali Pertama*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Penggabungan Perniagaan – Rujukan kepada Konsep Rangka Kerja*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada Contoh Ilustrasi yang mengiringi MFRS 16, *Pajakan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan – Perolehan sebelum Penggunaan Yang Dikenalpasti*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti LuarJangka dan Aset LuarJangka – Kontrak yang Sukar – Kos Memenuhi Kontrak*
- Pindaan kepada MFRS 141, *Pertanian (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (Sambungan)

MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- Pindaan kepada MFRS 17, *Kontrak Insurans – Penggunaan awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan*
- Pindaan untuk MFRS 101, *Pembentangan Penyata kewangan – Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Pendedahan Dasar Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Ralat – Definisi Anggaran Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan – Cukai Tertunda yang berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal*

MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata kewangan Disatukan dan MFRS 128*, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Bersekutu atau Usaha Samanya*

Kumpulan dan Bank telah merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang dinyatakan di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2022 bagi pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 April 2021 dan 1 Januari 2022.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2023 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Bank kecuali MFRS 17.

MFRS 17 memperkenalkan prinsip perakaunan yang konsisten bagi kesemua kontrak insurans berdasarkan model pengukuran sedia ada. MFRS 17 memerlukan entiti yang mengeluarkan kontrak insurans untuk mengiktiraf dan mengukur kumpulan kontrak insurans kepada:

(i) nilai semasa aliran tunai masa depan dilaraskan oleh risiko yang menggabungkan maklumat yang konsisten dengan maklumat pasaran yang boleh diperhatikan

(ii) amaun yang mewakili keuntungan belum diperolehi dalam kumpulan kontrak.

Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan piawaian ini masih dinilai oleh Kumpulan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan daripada yang dinyatakan dalam Nota 2.

Kos sejarah secara umumnya adalah berasaskan nilai saksama ke atas ganjaran yang diberi di dalam pertukaran aset.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan secara langsung atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggarkan nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran mengambil kira ciri-ciri tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urusniaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 117 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasi di dalam MFRS 102 atau nilai kegunaan di dalam MFRS 136.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Asas Pengukuran (Sambungan)

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut:

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan Bank mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank dan telah dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan mengikut MFRS, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang rosotnilai.

Tiada bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada seperti berikut:

(i) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank menyemak pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mereka pada setiap tarikh pelaporan pada akhir tempoh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan untung atau rugi. Khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam anggaran jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian kemerosotan nilai. Dalam menganggar aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan tentang keadaan kewangan peminjam atau pelanggan dan nilai boleh realisasi bersih cagaran. Anggaran ini adalah berdasarkan andaian pada beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, menyebabkan perubahan pada masa hadapan kepada elaun.

Kerugian rosotnilai yang dikira berasaskan kepada jangkaan kerugian kredit ("ECL") model adalah output model yang kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input pemboleh ubah dan kebergantungan mereka. Elemen model ECL yang merupakan pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, yang termasuk penilaian kualitatif, untuk menentukan sama ada aset kewangan harus mengambil langkah ke atas dasar ECL sepanjang hayat;
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara kolektif;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula yang diaplikasikan dan pilihan-pilihan input;
- Penentuan kolerasi antara senario makroekonomi, dan input ekonomi atau (Pembolehubah Makroekonomi ("MEV"), seperti Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), tahap pengangguran, Indeks Harga Pengguna ("IHP") dan nilai cagaran serta kesan ke atas Kebarangkalian Lalai ("PD"), Kegagalan Diberi Kerugian ("LGD") dan model Pendedahan pada Lalai ("EAD").

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

(i) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Sambungan)

Penambahan dan penyesuaian ECL di dalam keadaan COVID-19

Oleh kerana model MFRS 9 semasa tidak dijangka dapat menjana tahap ECL dengan kebolehpercayaan yang mencukupi, memandangkan pandemik COVID-19 belum pernah terjadi sebelumnya dan berterusan, penambahan dan penyesuaian pasca model telah dipakai untuk menentukan tahap ECL keseluruhan yang mencukupi untuk tahun berakhir dan pada 31 Disember 2021.

Penambahan dan penyesuaian pasca model telah diambil bagi mencerminkan pandangan makroekonomi terkini yang tidak tercatat dalam hasil model dan potensi impak terhadap ketidakpastiaan dan kegagalan apabila pelbagai langkah bantuan dan sokongan telah tamat tempoh.

Penambahan dan penyesuaian pasca model ini melibatkan tahap pertimbangan yang ketara dan mencerminkan pandangan pihak pengurusan mengenai kemungkinan akibat daripada pandemik dan jalan pemulihan dalam penilaian ke hadapan untuk tujuan anggaran ECL.

Peminjam atau pelanggan yang telah menerima sokongan pembayaran balik kekal dalam peringkat sedia ada mereka melainkan mereka telah dikenal pasti secara individu sebagai tidak berdaya maju atau dengan penunjuk berikutnya peningkatan ketara dalam risiko kredit daripada setiap status pra-COVID-19 mereka. Tindanan dan pelarasan pasca model biasanya dibuat pada peringkat akaun individu dalam menentukan tahap ECL yang mencukupi disediakan.

Kesan pelarasan pasca model ini dianggarkan adalah RM118 juta untuk kedua-dua Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2021 (2020: RM74 juta).

(ii) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Apabila nilai saksama instrumen kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak boleh diukur berdasarkan harga disebut harga dalam pasaran aktif, nilai saksamanya diukur menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model penentuan harga opsyen dan model penilaian lain yang berkaitan yang diamalkan oleh industri.

Input kepada model ini diambil daripada pasaran yang boleh diperhatikan jika boleh, tetapi jika ini tidak boleh dilaksanakan, tahap pertimbangan diperlukan dalam mewujudkan nilai saksama.

(iii) Aset cukai tertunda

